

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH (SEMAKAN 2017)

# BAHASA MELAYU

TAHUN

4

SEKOLAH KEBANGSAAN

PENULIS

Rana binti Hamzah

Hasdi bin Daud

Aiman bin Hamidon

PEREKA BENTUK

Nur Fazilah binti Azmi

EDITOR

Zaidah binti Ahmad Rosly

Noor Roza binti Hassan

ILUSTRATOR

Asparizal bin Mohamed Sudin



DBP

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2019



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0001

KK 499-221-0102011-49-2470-20101

ISBN 978-983-49-2470-6

Cetakan Pertama 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia 2019

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk  
Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Jalan Dewan Bahasa,  
50460 Kuala Lumpur.  
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)  
No. Faksimile: 03-21479643  
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:  
ZGB Media Sdn. Bhd.,  
A-1-9 Aras 1, Blok A, Jalan PJU 1A/3A,  
Taipan 2, Ara Damansara,  
47301 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

Muka Taip Teks: Azim  
Saiz Muka Taip Teks: 14 poin

Dicetak oleh:  
Percetakan Zainon Kassim Sdn. Bhd.,  
No. 1,2,4 & 6 Tingkat Kilang,  
Kawasan Perindustrian Ringan Jelapang,  
30100 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.

## PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang terlibat:

- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pegawai-pegawai Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pakar Rujuk Bahasa, Profesor Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah binti Abdul Karim
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)
- Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu
- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)
- Nazeka Kanasidena
- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
- SJK(C) Sin Chone, Dungun, Terengganu
- SK IPG Kampus Datuk Razali Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu
- SK Merlimau Dua, Merlimau, Melaka
- SK Pengkalan Rinting, Tampoi, Johor Bahru
- Pihak-pihak yang memberikan maklumat, pendapat dan cadangan dalam usaha untuk menerbitkan buku teks ini.



# KANDUNGAN

<b>PENDAHULUAN</b>		<b>iv</b>
<b>TEMA 1 KEMASYARAKATAN</b>		<b>1</b>
Unit 1	Jiran Tetangga	2
Unit 2	Prihatinnya Kita	7
Unit 3	Masyarakat Berilmu	13
<b>TEMA 2 KESIHATAN DAN KEBERSIHAN</b>		<b>21</b>
Unit 4	Saya Sihat	22
Unit 5	Persekitaran Bersih Hidup Ceria	29
Unit 6	Pilih Gaya Hidup Sihat	35
<b>TEMA 3 KESELAMATAN</b>		<b>43</b>
Unit 7	Waspada Selalu	44
Unit 8	Hargai Diri	51
Unit 9	Patuh dan Selamat	57
<b>TEMA 4 KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN ESTETIKA</b>		<b>65</b>
Unit 10	Semarakkan Budaya Kita	66
Unit 11	Indah Seni Sepanjang Zaman	73
Unit 12	Adat Dijunjung Budaya Disanjung	79
<b>TEMA 5 JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN</b>		<b>87</b>
Unit 13	Jadikan Inspirasi	88
Unit 14	Demi Tanah Airku	95
Unit 15	Aku Anak Watan	101
<b>TEMA 6 SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI</b>		<b>109</b>
Unit 16	Kehebatan Sains	110
Unit 17	Teknologi dalam Kehidupan	115
Unit 18	Inovasi untuk Kita	121
<b>TEMA 7 PERTANIAN DAN PENTERNAKAN</b>		<b>129</b>
Unit 19	Kreatifnya Petani Kita	130
Unit 20	Mari Bertani	137
Unit 21	Ternakan Jana Pendapatan	143
<b>TEMA 8 EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN</b>		<b>151</b>
Unit 22	Menjanakan Ekonomi	152
Unit 23	Usahawan Kita	159
Unit 24	Pengurusan Perbelanjaan	165
<b>TEMA 9 INTEGRITI</b>		<b>173</b>
Unit 25	Tanggungjawab Digalas	174
Unit 26	Ibarat Pedang	181
Unit 27	Seribu Impian	187

# PENDAHULUAN

Buku teks ini dibina berpandukan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Semakan 2017. Kandungan buku ini ditulis berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Sekolah Rendah (DSKP) Semakan 2017 dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah yang dibina oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Setiap tema dibahagikan kepada tiga unit yang menjadikan jumlahnya sebanyak 27 unit. Setiap unit mengandungi Standard Pembelajaran (SP) yang telah disusun bermula daripada Kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca dan Kemahiran Menulis diikuti Aspek Seni Bahasa serta Aspek Tatabahasa. SP disusun secara ansur maju daripada aras mudah kepada aras yang lebih sukar.

Standard Pembelajaran

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) dinyatakan bagi memudahkan guru membuat perancangan pengajaran dan pembelajaran.

Halaman

Nota Guru  
5.3.2  
(i) (ii)

- Bimbing murid memahami dan membina ayat tanya dan ayat penyata mengikut konteks.
- Bimbing murid menjalankan aktiviti Kerusi Panas.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
KBAT: Menilai  
EMK: Nilai Murni - Patriotisme



Kerusi Panas




179  
KPM


Panduan kepada guru dinyatakan secara jelas agar guru dapat memahami kehendak SP tersebut.

Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) diselitkan bagi mewujudkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang memenuhi keperluan masa kini.


Antara elemen PAK-21 yang diterapkan dalam buku ini termasuklah penggunaan peta i-Think. Peta ini diharapkan dapat menjanakan kemahiran berfikir murid melalui kerangka-kerangka idea yang dicatat.




Peta Bulatan




Peta Buih




Peta Buih Berganda




Peta Alir




Peta Pelbagai Alir



Peta Dakap



Peta Pokok



Peta Titi



Kemahiran bahasa yang perlu diajarkan dan ditaksir oleh guru.



Mendengar dan Bertutur



Membaca



Menulis



### Seni Bahasa

Mendidik murid untuk menghargai bahasa yang indah serta seni tulisan Jawi.



### Tatabahasa

Melatih murid menguasai aspek tatabahasa dengan betulnya.

Aktiviti yang perlu dilaksanakan oleh murid.

Aktiviti



Aktiviti Lisan



Aktiviti Menulis



Elemen KBAT pada bahan membolehkan murid mengaplikasikan pengetahuan dan merangsang kemahiran berfikir.

**AKSES  
TMK**

Kod QR serta singkatan laman web disediakan untuk memudahkan guru dan murid mengakses bahan multimedia melalui telefon dan komputer.



Munsyi Cilik



Info



Kamus Poket



Aktiviti nilai tambah dibina bagi membantu murid meningkatkan penguasaan kemahiran mengikut aras yang sesuai.

**Membaca**  
 **Gurindam Keranamu Petani**

Encik Hasif membawa keluarganya ke ekspo pertanian. Di sana, mereka menonton persembahan gurindam.

Duhai petani memerah keringat,  
Bertemankan tulang empat kerat.  
Keranamu petani kami pun kenyang.  
Kehidupan kami bertambah senang.  
Wahai petani tingkatkan potensi,  
Bersama-sama kita berinovasi.  
Dron digunakan menabur baja,  
Bijak petani mudahkan kerja.  
Petani moden meningkat hasilnya,  
Teknologi baharu dimanfaatkannya.  
Sekiranya petani sudah berjaya,  
Tandanya negara semakin kaya.  
Senja pun sudah mula menjelang,  
Ayuh petani marilah pulang.

Gurindam ini bercerita tentang sumbangan petani kepada pertanian negara. Bidang pertanian ialah sumber makanan negara. Bidang ini juga menjanakan ekonomi negara. Pelbagai inovasi telah dihasilkan dalam bidang pertanian. Teknologi ini memudahkan kerja petani pada masa kini.

Apakah sumbangan petani dalam memajukan pertanian negara?

**Jam Imbas**

**Aktiviti**  
Melakukan gurindam dengan gaya yang sesuai.

• Bimbing murid membaca karya sastra dan karya bukan sastra dengan gaya penyampaian yang sesuai.


Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai KBAT: Mengaplikasi EMK: Bahasa

131  
KPM

Maklumat tambahan juga dimasukkan bagi meningkatkan pengetahuan dan pemahaman murid.



Buku teks ini menggunakan watak-watak tertentu untuk menceriakan dan mendekatkan murid-murid dengan bahan yang disediakan. Watak-watak utama muncul dalam setiap tema. Watak-watak ini dibantu oleh watak sampingan.




Semoga buku ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru dan murid dalam usaha merealisasikan matlamat dan objektif KSSR untuk melahirkan insan seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.



# TEMA 1

# KEMASYARAKATAN



Berbual-bual tentang gambar.



## Mendengar dan Bertutur

### Situasi 1

### Salam Perkenalan

Encik Gobi dan Encik Lim tinggal berjiran. Mereka tinggal di Taman Impian. Encik Husin pula baru sahaja berpindah. Pada hari pertama, Encik Husin telah dikunjungi Encik Gobi dan Encik Lim. Mereka berbual-bual sambil berkenalan.

Selamat sejahtera. Saya Husin. Saya baru berpindah ke rumah ini.

Selamat sejahtera. Nama saya Lim Jun Seng. Rumah saya di hadapan rumah Encik Husin. Saya jurutera. Saya bekerja di Syarikat Bina Jaya Sdn. Bhd.

Selamat sejahtera. Saya Gobi. Rumah saya di sebelah rumah Encik Husin. Saya guru. Saya mengajar di SK Seri Pertiwi.

Adakah Hadif kenal jiran di sebelah rumah kita ini?

### Situasi 2

Ya, saya kenal, ayah. Beliau \_\_\_\_\_

Siapakah pula jiran di hadapan rumah kita, ayah?

## Aktiviti

Mendengar dan menyebut maklumat yang diperlukan.



## Hari Keluarga Taman Impian

Encik Husin membawa keluarganya ke taman rekreasi. Di taman tersebut berlangsungnya sambutan Hari Keluarga Taman Impian.

“Wah, ramainya jiran kita yang hadir! Mesti seronok apabila kita menyertai acara seperti ini,” kata Hadif.

“Betul, Hadif. Sambutan hari keluarga ini memang menyeronokkan. Selain itu, sambutan ini dapat mengeratkan hubungan sesama jiran. Semangat kemasyarakatan juga dapat dipupuk dalam kalangan masyarakat,” kata Encik Husin kepada anggota keluarganya.

“Ibu, mengapakah kita perlu hadir ke majlis seperti ini?” tanya Aina.

“Aina, Hadif dan Hajar, kita perlu hadir ke majlis seperti ini supaya dapat mengenali jiran kita. Apabila kita saling mengenali, semangat perpaduan akan dapat dipupuk. Seterusnya, kita dapat hidup dengan aman dan makmur. Keharmonian negara kita akan terus terpelihara,” jelas Puan Nurul.

“Selepas mendaftar, kami hendak ke khemah di sana untuk bersarapan. Kemudian, kami ingin menyertai pertandingan melukis, mencari harta karun dan tulisan berangkai. Bolehkah, ayah?” tanya Hadif.

“Boleh. Nanti kita ke sana bersama-sama,” jawab Encik Husin.



### Aktiviti

Membaca dan melengkapkan Peta Alir berdasarkan aktiviti yang dilakukan oleh Hadif dan keluarganya.

## Tahniah, Hadif!

Hadif telah muncul sebagai pemenang dalam pertandingan tulisan berangkai semasa Hari Keluarga Taman Impian. Rakan-rakan Hadif, Jit Wen, Jimi dan Rajiv berasa gembira atas kejayaan Hadif. Mereka telah memberikan kad ucapan tahniah kepada Hadif.

*Terima kasih, warga Taman Impian.*

*Hari Keluarga Taman Impian dapat mengeratkan hubungan sesama kita. Aktiviti seperti ini dapat memupuk semangat kejiwaan dalam kalangan penduduk taman.*

**JUARA**

*Tahniah, Hadif!*

Kami ingin mengucapkan tahniah atas kemenangan kamu dalam pertandingan tulisan berangkai. Kamu sememangnya layak menjadi juara kerana tulisan berangkai yang kamu hasilkan sangat cantik dan kemas. Kami berdoa agar kamu akan terus berjaya.

*Ikhlās,  
Jit Wen, Jimi dan Rajiv*

 **Aktiviti**

Menulis ayat berdasarkan kad ucapan dalam bentuk tulisan berangkai.





## Program Kebun Komuniti

Encik Husin membawa anaknya, Hadif dan Hajar, ke Kebun Komuniti di kawasan perumahan mereka.



1 Penduduk Taman Impian ini **ambil berat** tentang Kebun Komuniti.



2 Saya kagum melihat mereka **berganding bahu** mengusahakan kebun ini.



3 **besar hati**

**mandi peluh**



**sejangkung kera**

**menambat hati**

Pada suatu hari, Encik Husin membawa anaknya, Hadif dan Hajar, ke Kebun Komuniti. Di sana, Encik Husin bercerita...



### Aktiviti

Bercerita dan mengujarkan dialog dengan menggunakan peribahasa.

Nota Guru  
4.1.1

- Bimbing murid memahami maksud peribahasa.
- Bimbing murid bercerita dengan menggunakan peribahasa.

Strategi P&P: Pembelajaran Kontekstual

KBAT: Mengaplikasi

EMK: Nilai Murni - Kerajinan



## Yang Tua Dihormati, Yang Muda Disayangi

Hadif dan adiknya, Aina, berbasikal untuk pulang ke rumah. Mereka dari Kebun Komuniti.

### Situasi 1



Pulang dari Kebun Komuniti, mereka temampak jiran mereka, iaitu Pak Cik Ismail dan Mak Cik Minah, berjalan sambil membawa tiga bungkusan besar. Bungkusan besar itu mengandungi sayur, ikan, ayam, dan telur.

Hadif dan Aina menyapa lalu bersalam dengan Pak Cik Ismail dan Mak Cik Minah. Hadif dan Aina menolong membawa bungkusan milik warga emas tersebut sambil menuntun basikal. Hadif dan Aina menghantar barangan tersebut ke rumah mereka. Sambil berjalan, mereka berbual-bual dan bertanya khabar.

### Situasi 2

Hadif dan Aina berehat sekejap di ruang tamu rumah warga emas tersebut. Mak Cik Minah menghidangkan minuman untuk mereka. Mak Cik Minah memuji tindakan Hadif dan Aina yang sudi menolong mereka.

Pak Cik Ismail memberikan bekalan makanan kepada Hadif dan Aina sebelum pulang. Pak Cik Ismail menasihati mereka agar berhati-hati semasa berbasikal. Hadif dan Aina bersalam dengan warga emas tersebut. Mak Cik Minah memeluk Aina dengan penuh kasih sayang.



### Munsyi Cilik

**Kata nama am** ialah perkataan yang merujuk kepada benda atau perkara yang bersifat umum.  
**Contoh:** rumah, sungai, kereta, mimpi, basikal

### Aktiviti

Menyenaraikan kata nama am berdasarkan teks dan gambar. Kemudian, membina ayat menggunakan kata nama am.



# UNIT 2

## Prihatinnya Kita



### Mendengar dan Bertutur

#### Terima Kasih, Cikgu

Hadif menghadiri majlis penyampaian bantuan persekolahan di sekolah.

### MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN PERSEKOLAHAN

Terima Kasih  
Para Penderma PIBG  
Jasa Tuan Puan  
Tetap Kami Kenang



Wah, baguslah pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah kita mengadakan majlis seperti ini!

Banyak juga sumbangan yang diberikan kepada murid-murid yang kurang bernasib baik. Siapakah yang menyumbangkannya?

Ya, betul kata kamu. Masyarakat kita memang prihatin.

Apakah barangan yang diterima oleh murid-murid?

### Aktiviti

Mendengar, memahami dan memberikan respons.

Nota  
Guru  
1.1.2

- Bimbing murid mendengar, memahami dan memberikan respons terhadap ujaran yang terdapat dalam situasi tidak formal.

Strategi P&P: Pembelajaran Kontekstual  
KBAT: Menilai  
EMK: Nilai Murni - Semangat Bermasyarakat





### Kita Lakukan Bersama-sama

Murid-murid Tahun 4 Harmoni telah diminta oleh guru mereka untuk mencari maklumat tentang aktiviti masyarakat yang prihatin di Malaysia. Mereka diminta membentangkan maklumat yang diperolehi kepada rakan-rakan sekelas. Rajiv, Jit Wen dan Jimi telah berkumpul di rumah Hadif untuk membincangkan tugas tersebut. Mereka melakukannya bersama-sama.

#### Rumah Terbuka

Amalan rumah terbuka merupakan satu cara masyarakat di negara ini bergaul antara satu sama lain. Dengan menghadiri rumah terbuka, masyarakat yang berbilang bangsa di negara ini dapat berkenal-kenalan dan beramah mesra. Amalan kunjung-mengunjungi juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim.



#### Usung Rumah

Amalan mengusung rumah dilakukan untuk memindahkan rumah ke lokasi baharu. Amalan ini menjadi satu budaya masyarakat tradisional di negara ini. Amalan mengusung rumah menunjukkan masyarakat yang sangat prihatin sesama jiran tetangga. Mereka mencari buluh di hutan bersama-sama. Kemudian, mengikat buluh-buluh di bahagian bawah rumah. Selepas itu, rumah tersebut diusung ke lokasi tapak rumah yang baharu. Setelah selesai, para pengusung rumah akan dijamu dengan makanan dan minuman. Keadaan ini menunjukkan tuan rumah prihatin dan menghargai pertolongan yang diberikan oleh masyarakat.






## Gunting Rambut Percuma

Perkhidmatan gunting rambut secara percuma meringankan beban ibu bapa. Perkhidmatan ini dijalankan hasil kerjasama ketua kampung dan masyarakat setempat di Kampung Tok Rimau. Ketua kampung menyatakan bahawa perkhidmatan seperti ini mampu membantu masyarakat setempat yang berpendapatan rendah. Usaha ini membuktikan penduduk kampung tersebut mengambil berat tentang kebajikan sesama mereka. Bagi mereka, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.



## Gerobok Rezeki

Gerobok Rezeki ini terdapat di beberapa buah masjid dan surau. Gerobok Rezeki ini ditempatkan di bahagian luar masjid atau surau. Hal ini bagi memudahkan golongan miskin mengambil barangan keperluan mereka. Barangan tersebut disumbangkan oleh masyarakat setempat yang ingin berkongsi rezeki. Barang-barang yang disediakan termasuklah beras, tepung, susu bayi, minyak masak, dan sebagainya. Gerobok Rezeki ini menunjukkan bahawa masyarakat di negara ini prihatin.



### Aktiviti

Membaca teks dan melengkapkan Peta Pokok.



- Bimbing murid membaca dan memahami bahan grafik daripada multimedia untuk membuat gambaran.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
KBAT: Menganalisis  
EMK: TMK



Peta i-Think  
(Peta Pokok)





# Menulis

## Kisah Aku dan Datukku

Datuk dan nenek telah ke Johor Bahru untuk menziarahi Hadif sekeluarga. Mereka menaiki kapal terbang ke sana. Datuk gembira, nenek pula kagum akan kemudahan yang disediakan di lapangan terbang. Setibanya mereka di rumah Hadif, datuk telah menunjukkan beberapa keping gambar yang telah dirakam menggunakan telefon pintarnya.




1 petugas - kerusi roda

Petugas di lapangan terbang menyorong kerusi roda yang diduduki oleh nenek.




### Kamus Poket

Travelator ialah laluan pejalan kaki yang bergerak secara mendatar.



2 travelator - memudahkan



3 datuk - pengangkutan khas



4 menolak - laluan landai khas



5 meletakkan - tempat letak kereta khas

## Aktiviti

Membina dan menulis ayat berdasarkan gambar dan frasa.

## Istimewanya Kita

### Maksud Sajak

Sebagai anak, kita mesti bersyukur kerana dilahirkan oleh seorang ibu. Kita juga perlu mengenang jasanya dan mengucapkan Selamat Hari Ibu.

Istimewanya kita dilahirkan seorang ibu membuka pintu dunia jasanya seluas alam budinya tetap dikenang dengan ucapan keramat Selamat Hari Ibu.



Istimewanya kita dididik insan yang gigih menerangi alamku yang kelam hingga membawaku ke bintang jasmu sepanjang zaman pasti kukenang dengan ucapan Selamat Hari Guru.

Sebagai murid, kita perlu \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Istimewanya kita mampu menikmati keamanan berkat gagah berani perwira negara meniup semangat membara mengusir petualang akan kukenang jasmu Selamat Hari Pahlawan.

Sebagai rakyat, kita wajarlah \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_


\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_



Sajak ini menceritakan \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_



### Aktiviti

Mendeklamasikan dan menjelaskan maksud sajak.





## Tatabahasa

### Mesyuarat Warga Rimba

Pada waktu lapang, Hadif membaca buku cerita di bilikinya. Buku cerita tersebut dipinjam dari perpustakaan sekolahnya.

Wahai warga Hutan Perlindungan Idaman, terima kasih kerana berhimpun pada pagi ini!

Saya memanggil semua penghuni hutan ini untuk menyambut sahabat kita yang bermigrasi dari utara Asia dan Eropah. Kita perlu membahagikan tugas.

Saya akan ke Kuala Gula untuk memberitahu rakan-rakan kita di sana agar membuat persiapan yang sama.

Terima kasih semua. Saya berharap agar masyarakat kita hidup dengan harmoni.



#### Munsji Cilik

**Kata nama khas** merujuk kepada benda, manusia, tempat dan haiwan secara khusus. Huruf pertama kata nama khas ditulis dengan huruf besar.

Mengapakah Penghulu Unggas memanggil kami berhimpun di sini?

Baiklah. Saya mencadangkan Sang Kancil membuat gegantung bagi mengalu-alukan ketibaan sahabat kita.

Saya setuju. Saya mencadangkan Pak Belang menjaga keselamatan kawasan ini. Sang Merak pula membuat persembahan.



#### Kamus Poket

**migrasi** – Perpindahan dari satu tempat ke tempat lain.



#### Aktiviti

Menyenaraikan dan membina ayat menggunakan kata nama khas.

# UNIT 3

## Masyarakat Berilmu



### Mendengar dan Bertutur

#### Zon Cerdas Minda

Hadif dan rakan-rakan telah mengikuti lawatan sambil belajar ke Perpustakaan Negara. Di pintu masuk perpustakaan tersebut terdapat informasi pengguna.

##### Zon Kanak-kanak

- e-buku kanak-kanak
- laman web kanak-kanak
- portal pendidikan
- dilengkapi beberapa tablet terkini

##### Zon Interaktif

- e-surat khabar
- e-majalah
- dilengkapi beberapa tablet

##### Zon Pembaca

- pelbagai kategori buku digital
- terdapat beberapa tablet

##### Zon Kerja

- dilengkapi tujuh komputer riba dan empat komputer meja

Anjung Bestari

Hadif, kamu hendak ke bahagian mana?

Saya hendak ke bahagian kanak-kanak kerana banyak kemudahan disediakan dan sesuai dengan usia saya.

Bagus, Hadif. Murid-murid yang lain ingin ke bahagian mana? Mengapa?

Bagus. Kamu memang rajin membaca.

#### Aktiviti

Mendengar dan memberikan respons terhadap soalan.

Nota  
Guru  
1.1.3

- Bimbing murid mendengar, mentafsir dan memberikan respons terhadap soalan secara kritis.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
KBAT: Menganalisis  
EMK: Sains dan Teknologi



## Mari Membaca

Hadif sedang membaca buku cerita kanak-kanak tentang masyarakat rama-rama yang bijak. Hadif membaca melalui e-buku di Zon Kanak-kanak.



“Jom kita mencari sarapan di ladang sana,” ajak **Merama Biru** kepada rakan-rakannya. Nilai murni: setia kawan

“Baiklah, kami juga sudah lapar. Lagipun, petang semalam hujan turun dengan lebatnya. Kami tidak dapat mencari manisan daripada bunga-bunga di sana,” kata **Merama Kuning** mewakili rakan-rakannya yang lain.


**Mereka pun terus terbang bersama-sama menuju ke ladang bunga di kaki gunung.** Apabila tiba di sana, keadaan sudah berubah. ☺

“Eh, bunga-bunga di sini semakin sedikit! Dua hari lepas, keadaannya tidak seperti ini,” kata **Merama Biru**.

“Tidak mengapa. Selepas menghisap madu, **kita boleh menolong bunga-bunga ini menyebarkan debunganya** ke sekitar kawasan ladang ini,” kata **Merama Merah**. ☺

“Baiklah. **Mari kita mulakannya bersama-sama,**” ajak **Merama Biru**. ☺

**Mereka pun sibuk terbang ke merata-rata tempat di kawasan ladang tersebut.** Beberapa minggu kemudian, ladang tersebut mulai cantik dan berwarna-warni dengan pelbagai jenis bunga. Bekalan manisan untuk mereka pun bertambah. ☺



Kamu membaca buku cerita apa, Hadif? Ceritakannya kepada saya.

Saya membaca kisah ☺.

### Aktiviti

Membaca dan menerangkan kandungan cerita. Kemudian, menyatakan nilai murni berdasarkan ayat yang dicetak berwarna.

## Bahasa Kita Jiwa Kita

Ayah dan ibu membantu Hadif menulis blognya. Hadif ingin mencatat pengalaman mereka menyaksikan majlis perasmian Dekad Bahasa Kebangsaan dalam blog tersebut.



Tentang Program

Hubungi

### Program Dekad Bahasa Kebangsaan



#### Dekad Bahasa Kebangsaan Isnin, 25 Januari 20□□

- ramai pengunjung - majlis perasmian - teruja dan seronok

#### Ayat

1. Ramai pengunjung datang ke majlis perasmian Dekad Bahasa Kebangsaan.
2. Majlis perasmian tersebut sangat meriah.
3. Saya berasa teruja dan seronok.

#### Perenggan

Pada hari Isnin, 25 Januari 20□□ telah diadakan majlis perasmian Dekad Bahasa Kebangsaan. Ramai pengunjung datang ke majlis perasmian Dekad Bahasa Kebangsaan. Majlis perasmian tersebut sangat meriah. Saya berasa teruja dan seronok.

#### Aktiviti program



- banyak aktiviti - menyertai pertandingan  
- sambutan menggalakkan

#### Ayat




---



---

#### Perenggan




---



---

#### Aktiviti

Membina dan menulis ayat dan perenggan berdasarkan gambar dan frasa.



# Seni Bahasa

## 10 Minit Sahaja

### Maksud Lirik Lagu

Marilah kawan  
Jom membaca sepuluh minit  
Banyak membaca lahirkan murid  
Luas pengetahuan

Penyanyi mengajak kawan-kawannya membaca bersama-samanya selama sepuluh minit. Bagi penyanyi, amalan membaca dapat menjadikan mereka murid yang bijak.

Pupuklah minat  
Rajin membaca setiap masa  
Hebahkan program  
Membaca itu amalan mulia

Ayuhlah kawan  
Tingkatkan ilmu dengan membaca  
Buku sekolah, buku cerita  
Pasti berguna

Marilah kawan  
Semai di hati suka membaca  
Ibu dan bapa  
Pasti gembira mendengarkannya

(Melodi lagu *Anak Ayam*)



Jom Imbas



### Aktiviti

Menyanyikan lagu dan menjelaskan lirik lagu.

**Satu untuk Semua**

Pada cuti hujung minggu, Rajiv berkunjung ke rumah Hadif.



**1** Kamu sedang buat apa di situ, Hadif?  
 Haziq tidak dapat datang kerana dia menolong ibunya mengemas rumah. \_\_\_\_\_ akan datang ke sini setelah selesai menolong ibunya.

Saya sedang membaca e-buku ini. Kamu datang seorang sahaja? Mengapakah \_\_\_\_\_ tidak datang bersama-sama dengan Haziq?

Marilah kita membaca bersama-sama di meja sana. Adik-adik saya hendak bermain di \_\_\_\_\_. Mereka akan mengganggu \_\_\_\_\_ nanti.

Kamu boleh menggunakan tablet \_\_\_\_\_ atau komputer riba itu. Saya pula akan menggunakan telefon bimbit milik ibu \_\_\_\_\_. Ibu sudah memberi keizinan.



**2** Terima kasih, Hadif. Bagaimanakah cara membaca e-buku \_\_\_\_\_ ?



**3** Kalian sedang membaca e-buku?  
 Ayah, kita boleh membaca buku cerita yang sama secara serentak menggunakan peranti berbeza.  
 Ya, \_\_\_\_\_ sedang membaca e-buku.

\_\_\_\_\_ perlu memuat turun buku cerita yang telah dibeli. Kemudian, masukkan nama pengguna dan kata laluan.

**Munshi Cilik**

Kata ganti nama ialah kata yang menggantikan kata nama. Kata ganti nama terbahagi kepada dua, iaitu kata ganti nama diri dan kata ganti nama tunjuk.

Kata ganti nama diri pertama:	saya, aku, kita, kami
Kata ganti nama diri kedua:	kamu, awak, kalian
Kata ganti nama diri ketiga:	mereka, dia, beliau, ia
Kata ganti nama tunjuk umum:	ini, itu
Kata ganti nama tunjuk tempat:	sini, situ, sana

**Aktiviti**

Menggunakan kata ganti nama untuk melengkapkan dialog.



▪ Bimbing murid memahami dan menggunakan kata ganti nama mengikut konteks tidak formal.

Strategi P&P: Pembelajaran Kontekstual  
 KBAT: Mengaplikasi  
 EMK: TMK



## Kami Prihatin

Baca petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

Hadif pulang dari sekolah. Dia ternampak seekor kucing di dalam longkang. Kucing tersebut basah kuyup. Kaki kucing itu cedera. Hadif berasa kasihan. Dia membawa kucing itu pulang. Hadif memandikan kucing itu. Hadif merawat kucing tersebut. Hadif menamai kucing tersebut Kelabu.



Hadif mengambil gambar Kelabu. Dia menggunakan telefon pintar. Hadif memuat naik gambar tersebut ke laman sosial Facebook. Kemudian, beberapa orang jiran dan kawan-kawannya datang. Mereka memberikan wang kepada Hadif. Mereka juga ingin membantu merawat Kelabu.

Hadif dan bapanya membawa Kelabu ke klinik haiwan untuk dirawat. Setelah selesai, Hadif membuat pembayaran menggunakan wang sumbangan tersebut. Beberapa hari kemudian, Kelabu sihat dan kembali aktif. Kawan-kawan Hadif selalu datang ke rumahnya untuk bermain dengan Kelabu.





## Aktiviti Masyarakat

Berdasarkan poster, bina ayat dan perenggan.

### Karnival Mini Masyarakat Kita

**Tarikh:** 28 Februari 20□□  
**Hari:** Sabtu  
**Masa:** 8:00 pagi - 4:00 petang  
**Tempat:** SK Seri Pertiwi

#### Aktiviti:

- ✓ Senamrobik
- ✓ Ceramah Hidup Sihat
- ✓ Pameran produk kesihatan
- ✓ Kempen derma darah
- ✓ Jualan produk komuniti dan banyak lagi aktiviti yang menarik

#### Insentif:

- ◆ Pelbagai hadiah menarik disediakan
- ◆ Percuma RM500 Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN)







## Rekreasi Bahasa

### Arahan:

- Buat empat stesen.
- Bahagikan murid kepada empat kumpulan kecil.
- Setiap kumpulan perlu bergerak dan menyempurnakan tugas di setiap stesen.

### Lokasi:

- Di dalam kelas atau di luar kelas.

### Pemenang:

- Berdasarkan kumpulan yang terpantas menyiapkan tugas dengan betul.





## TEMA 2

# KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Berbincang tentang gambar.





## Mendengar dan Bertutur

### Sayangi Orang Sekeliling

Hadif ditemani Rajiv dan Jit Wen ke bilik rawatan setelah pening dan lemah badan. Sepanjang hari itu, dia sering batuk dan bersin.

#### AMALAN KETIKA ANDA BATUK DAN BERSIN



Tutup mulut dan hidung.



Buang tisu yang telah digunakan.



Cuci tangan dengan sabun dan air bersih.



Gunakan penutup hidung jika perlu.

Amalkan ini untuk mengelakkan jangkitan penyakit.

(Sumber: www.myhealth.gov.my)

Maaf, Hadif. Kamu perlu 🗣️

Mengapakah saya perlu melakukannya?

Hadif, amalan ini bertujuan 🗣️

### Aktiviti

Bertutur untuk menilai dan memberikan alasan.



## Perihal Penderma Darah

Puan Nurul membawa anaknya, Nazri yang demam ke klinik. Nazri terpancang poster Syarat-syarat Menderma Darah.



### SYARAT-SYARAT MENDERMA DARAH

18-60 tahun


Seorang penderma darah perlu memenuhi beberapa syarat sebelum dibenarkan menderma darah. Pertama, mereka perlu berumur antara 18 hingga 60 tahun. Selain itu, mereka juga perlu bebas daripada penyakit kronik.

Penderma darah juga perlu makan dan mendapat rehat yang secukupnya supaya tidak lemah semasa menderma darah. Mereka yang baru mengambil alkohol serta ubatan berjadual tidak dibenarkan menderma darah.

(Sumber: Pusat Darah Negara)

Seorang penderma darah perlu memenuhi beberapa syarat sebelum dibenarkan menderma darah. Pertama, mereka perlu berumur antara 18 hingga 60 tahun. Selain itu, mereka juga perlu bebas daripada penyakit kronik.

Penderma darah juga perlu makan dan mendapat rehat secukupnya supaya tidak lemah semasa menderma darah. Mereka yang baru mengambil alkohol serta ubatan berjadual tidak dibenarkan menderma darah.



### Aktiviti

Membaca teks dan melengkapkan Peta Bulatan.



- Bimbing murid membaca dan menganalisis kandungan teks karya bukan sastrera.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar KBAT: Menganalisis  
EMK: Nilai Murni - Baik hati

Peta i-Think (Peta Bulatan)





## Penjagaan Kesihatan Mata

Di sebuah klinik, Hadif membaca majalah tentang kesihatan mata.



# JAGALAH MATA KITA


Oleh: Dr. Hayati Yusof

Kesihatan mata merupakan perkara yang perlu diambil berat. Tujuannya adalah untuk menjaga keseluruhan fungsi penglihatan.

Kita perlu memastikan jarak penglihatan semasa membaca adalah antara 30 cm hingga 40 cm. Jarak yang terlalu dekat akan menyebabkan otot-otot mata menegang untuk memfokus. Kedudukan badan hendaklah sentiasa tegak.


Semasa menggunakan komputer, pastikan kedudukan komputer adalah sama paras dengan mata pada jarak 30 cm. Cahaya skrin komputer juga tidak boleh terlalu terang. Keadaan ini akan menyebabkan mata mengalami keletihan.





Pemakanan yang betul memainkan peranan penting dalam penjagaan kesihatan mata. Antaranya termasuklah vitamin A dan vitamin C yang terdapat dalam susu, sayur, terutamanya lobak dan brokoli serta buah-buahan.

Mata juga memerlukan cara senaman yang betul. Cara pertama adalah dengan memandangi objek yang jauh kemudian objek yang paling dekat. Cara kedua, menggerakkan mata ke arah kanan, kiri, atas, dan bawah selama beberapa saat. Cara ketiga, melihat objek hijau seperti tumbuhan hijau di taman.



(Sumber: [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my))

1. Apakah tujuan penjagaan kesihatan mata?
2. Berapakah jarak yang sesuai antara mata dengan bahan bacaan?
3. Mengapakah cahaya skrin komputer tidak boleh terlalu terang?
4. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan vitamin A dan C?
5. Nyatakan tiga cara senaman mata yang betul.



## Aktiviti

Menjawab soalan pemahaman.



- Bimbing murid menghasilkan jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu secara kritis dan kreatif.

Strategi P&P: Pembelajaran Kontekstual

KBAT: Menganalisis

EMK: Nilai Murni - Kesyukuran





## Nikmat Kesihatan

Sinar mentari menerangi kota,  
 Nampak bukit berdiri megah;  
**Kesihatan diri** tanggungjawab kita,  
 Agar penyakit dapat dicegah.



Susu diperah di bawah dahan,  
 Lembu dibelai banyak hasilnya;  
**Mata** anugerah ciptaan Tuhan,  
 Sungguh bernilai tiada gantinya.

Ikan gelama berenang di tepian,  
 Dipancing Hasan sambil ketawa;  
**Darah** diderma sebagai bantuan,  
 Buat insan menyambung nyawa.



Dua tiga si anak angsa,  
 Termasuk pukot kakinya luka;  
**Gigi** dijaga setiap masa,  
 Bersih memikat pemanis muka.

Rambut

Hidung

Organ

Kebersihan diri



### Aktiviti

Mengubah suai pantun berpandukan perkataan yang dicetak berwarna dan mempersembahkannya.

**Farmasi Pandu Lalu**

Encik Husin mengambil Hadif dari sekolah dengan menaiki kereta.



- botal
- helai
- buah
- papan
- keping
- biji
- orang

Pada petang itu, Hadif mengikut bapanya Encik Husin ke hospital. Mereka terus ke laluan farmasi pandu lalu. Terdapat dua kereta sedang menunggu di hadapan mereka. Pemandu yang melalui kaunter itu menyerahkan se kertas kepada se pegawai perubatan.

Apabila tiba giliran mereka, Encik Husin menyerahkan se slip ubatnya. Pegawai itu berpesan supaya se ubat yang mengandungi 14 tablet itu perlu dihabiskan dalam tempoh seminggu. Beliau juga memberikan se ubat cecair yang perlu diminum tiga kali sehari. Semua ubat itu diserahkan kepada Encik Husin. Selepas mengucapkan terima kasih, Encik Husin memandu keluar dari kaunter farmasi pandu lalu itu.

penjodoh bilangan	buah <sup>ss</sup> keping <sup>ss</sup> orang <sup>ss</sup> helai <sup>ss</sup> papan <sup>ss</sup> biji <sup>ss</sup> botal
kata nama	kereta _____

**Munshi Cilik**

**Penjodoh bilangan** ialah kata nama yang menjadi pasangan kepada kata bilangan.

**Contoh:** dua buah rumah  
 “buah” dalam frasa di atas ialah penjodoh bilangan.

**Aktiviti**

Menggunakan penjodoh bilangan dengan betulnya dan melengkapkan **Peta Titi** dengan kata nama yang tepat.



## Jauhi Penyakit Tangan-Kaki dan Mulut

Hadif dan ibunya, Puan Nurul, ke pasar raya. Puan Nurul menerima brosur Kempen Pencegahan Tangan-Kaki dan Mulut seperti yang terdapat di bawah.

**Amalkan Langkah Pencegahan Penyakit Tangan-Kaki dan Mulut**

**Cuci tangan dengan air sabun.**

**Buat saringan pemeriksaan di sekolah.**

**Bersihkan barangan yang terkena air liur anak.**

**Tutup mulut dan hidung semasa bersin atau batuk.**

**Jangan bawa pesakit tangan-kaki dan mulut ke tempat awam.**

(Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang)

Kita perlu **mengamalkan** langkah-langkah pencegahan penyakit tangan-kaki dan mulut. Antara langkah pencegahan tersebut termasuklah tangan dengan air dan sabun. Selain itu, kita perlu saringan pemeriksaan di sekolah.

Kita juga perlu barangan yang terkena air liur anak seperti alat permainannya. Ketika bersin dan batuk, kita harus mulut dan hidung. Akhir sekali, kita tidak boleh pesakit tangan-kaki dan mulut ke tempat awam. Keadaan ini bagi **mengelakkan** penularan penyakit ini.

**Munshi Cilik**

**Kata kerja aktif transitif** ialah kata kerja yang menerima objek selepasnya.

**Contoh:**

- (i) Yusni memasak **nasi**.
- (ii) Amin menyepak **bola**.

Perkataan **nasi** dan **bola** ialah objek.

### **Aktiviti**

Melengkapkan tempat kosong dengan kata kerja yang sesuai.


# UNIT 5

## Persekitaran Bersih Hidup Ceria

### Mendengar dan Bertutur

#### Kempen Bebas Penyedut Minuman Plastik

SK Seri Pertiwi mengadakan Kempen Bebas Penyedut Minuman Plastik. Hadif dan rakan-rakannya sedang melihat gegantung yang dipasang pada tiang kantin.




### Aktiviti

Membuat banding beza menggunakan Peta Buih Berganda dan menjelaskannya.



- Bimbing murid menjelaskan dan membanding beza maklumat tersurat dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
KBAT: Menganalisis  
EMK: Kelestarian global





Hadif membaca cerpen tentang projektor mini yang diperbuat daripada kotak.

Pada hujung minggu, Amir membersihkan biliknya. Amir menggunakan penutup hidung agar tidak bersin. Banyak barangan lama yang telah rosak perlu dibuang. Tiba-tiba, dia terjumpa jam tangan yang telah rosak. Dia teringat tentang pertandingan inovasi bahan terbuang di sekolahnya. Amir meletakkan jam tangan tersebut di dalam satu bekas bersama-sama dengan beberapa barang lain yang difikirkan berguna.

Keesokan hari, Amir terserempak dengan kawannya, Rakesh, selepas selesai membasuh tangan.

“Amir, kamu ingin menyertai pertandingan inovasi bahan terbuang?” tanya Rakesh.

“Ya, Rakesh. Saya ingin menyertainya tetapi saya mati akal untuk mencipta bahan yang akan dipertandingkan,” ujar Amir.

“Kamu jangan risau. Pertandingan itu secara berkumpulan. Marilah sertai saya,” balas Rakesh bersungguh-sungguh.

Bagai orang mengantuk disorongkan bantal, Amir kembali bersemangat.


“Baik, Rakesh. Saya akan menyertai kamu,” jawab Amir.

Selepas selesai mengemaskan kelasnya, Amir mencari-cari Rakesh. Tidak lama kemudian, dia ternampak Rakesh di tempat menunggu bas.

“Rakesh, apakah bahan yang akan kita buat untuk pertandingan itu nanti? Bukankah kita perlu menghantarnya pada minggu hadapan?” tanya Amir kerisauan.

“Oh, jangan risau! Petang ini saya akan menunjukkannya kepada kamu,” jelas Rakesh.

Petang itu, Rakesh dan Amir bertemu di padang. Rakesh menunjukkan video tentang projektor mini di laman Youtube. Mereka berdua menontonnya pada telefon pintar Rakesh.



“Nampaknya kita perlu menyediakan beberapa bahan. Di belakang rumah saya ada banyak kotak. Daripada dibiarkan sahaja, lebih baik saya menggunakannya untuk projek kita. Dapat juga saya membersihkan kawasan itu”, kata Rakesh.

“Jangan risau, Rakesh. Saya akan membantu kamu membersihkan kawasan itu. Di rumah saya pun ada beberapa utas jam tangan lama yang telah rosak. Nanti saya pilih cermin jam yang sesuai,” balas Amir teruja.

Amir bertemu dengan Rakesh seperti yang dijanjikan. Dia membawa gunting, gam dan cermin bulat. Rakesh pula telah menyediakan pita pelekat. Mereka terus ke belakang rumah Rakesh untuk membersihkan kawasan itu. Mereka memilih beberapa kotak terbiar untuk menjalankan projek mereka.

“Bagus, Amir. Mak cik bangga melihat kamu berdua bersungguh-sungguh membersihkan belakang rumah mak cik,” sapa Mak Cik Nithiya, ibu Rakesh.

Amir membalas pujian Mak Cik Nithiya dengan senyuman. Dia dan Rakesh terus membawa kotak-kotak itu ke dalam bilik. Rakesh memasang video tentang projektor mini itu semula. Mereka tekun menonton sambil mengikut langkah-langkah yang ditunjukkan.

Akhirnya, siaplah projektor mini itu. Setelah semuanya selesai, Rakesh dan Amir mengemas bilik itu. Mereka menyapu dan membuang sisa-sisa kotak yang telah digunting.

Semasa hari pertandingan, ramai orang memuji projektor mini itu. Walaupun tidak sebaik projektor biasa, namun sudah cukup untuk dipilih sebagai juara.



### Aktiviti

Membaca teks dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.



- Bimbing murid membaca karya sastera dengan gaya penyampaian yang sesuai.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Kreativiti dan Inovasi



## Inap Desa Dahlia

Encik Husin dan keluarganya bercuti di Pahang. Di sana, mereka menginap di sebuah inap desa.

Cantik sungguh inap desa ini. Ramai kawan ayah telah menginap di sini. Persekitarannya yang nyaman dan bersih sentiasa menjadi sebutan mereka.

Encik Husin

Susun atur dapurnya sangat kemas. Peralatan dapur disimpan di dalam kabinet bertutup.

Hajar

Hajar, habuk dan debu akan mudah melekat pada peralatan itu jika tidak bertutup. Ingat anak-anak, kita perlulah mengemas dan membersihkan inap desa ini sebelum keluar.

Puan Nurul

Kawasan persekitaran inap desa ini tiada sampah atau daun kering yang bertaburan. Sekiranya terdapat sampah atau daun kering, pasti mengundang haiwan pembawa penyakit.

Hadif

Bakul sampah disediakan di semua ruang di dalam inap desa ini.

Nazri

1. Apakah keistimewaan Inap Desa Dahlia?
2. Mengapakah peralatan dapur disimpan di dalam kabinet bertutup?
3. Mengapakah persekitaran yang kotor menjadi punca penyakit?
4. Pada pendapat kamu, apakah yang perlu kamu lakukan sebelum meninggalkan inap desa?
5. Adakah bakul sampah sesuai diletakkan di semua ruang di dalam inap desa itu? Mengapa?

### Aktiviti

Menghasilkan jawapan pemahaman.

## Briged Kebersihan Sekolah

Hadif menceritakan pengalamannya melawat ke SK Seri Kirana kepada kawan-kawannya.

Saya telah melawat ke SK Seri Kirana. Sekolah itu telah menubuhkan pasukan Briged Kebersihan Sekolah untuk meningkatkan kesedaran warga sekolah tentang kebersihan. Ahli-ahli dipilih dalam kalangan murid tahap dua dan diberi lencana khas.



Setiap hari, pasukan ini akan meronda di sekitar kawasan sekolah. Mereka akan memantau tahap kebersihan setiap kelas. Kelas yang bersih akan diberikan bintang dan mendapat ganjaran.

Pada waktu rehat, ahli pasukan yang bertugas akan memerhatikan murid-murid di kantin. Murid yang meninggalkan sisa makanan atau sampah akan diberikan teguran. Mereka dikehendaki membuang dan membersihkannya. Murid yang melanggar peraturan dicatat namanya dan dikenakan hukuman.



Pembentukan pasukan ini telah menjadikan sekolah tersebut diangkat sebagai sekolah terbersih peringkat negeri. Pasukan ini menjadi model kepada sekolah lain. Hal ini secara tidak langsung meningkatkan kesedaran warga sekolah terhadap kebersihan.

### Aktiviti

Ber cerita secara kreatif dengan mengubah suai perkataan yang dicetak berwarna.



Hadif menulis sepucuk surat kepada rakannya untuk menceritakan perihal kelasnya.

Hadif bin Husin,  
14, Taman Impian,  
81200 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim.

20 Mac 20□□.

Menemui sahabatku, Anding, yang berada di Sarawak.

Saudara,

Apa khabar? Diharapkan saudara dan keluarga sihat selalu.

Saya dan keluarga sihat-sihat sahaja di sini.

Saudara,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk  tentang kelas saya. Kelas saya telah dipilih sebagai kelas terbersih untuk bulan ketiga berturut-turut. Semuanya berkat kesungguhan murid-murid yang  untuk membersihkan kelas.

Setiap hari, guru bertugas akan memeriksa kelas kami. Markah diberikan  kriteria yang ditetapkan. Oleh sebab itu, kami akan segera membersihkan kelas selepas .

Guru kelas saya selalu  supaya kami sentiasa menjaga kebersihan. Tempat yang berhabuk menyebabkan kita . Untuk mengelakkannya, kami sentiasa mengelap tingkap.

Akhir kata, saya  agar saudara dapat menceritakan aspek kebersihan di sekolah saudara. Semoga kita akan  lagi dalam warkah seterusnya.

Sekian, terima kasih.



Sahabatmu,  
**Hadif**

berpesan

bertugas

berehat

bersin

berharap

bercerita

bertemu

berpandukan



**Munshi Cilik**

**Kata kerja aktif tak transitif** terdiri daripada:

(a) kata kerja aktif tak transitif berpelengkap

**Contoh:**

Adik **berdiri** di tepi pintu.  
pelengkap

(b) kata kerja aktif tak transitif tanpa pelengkap

**Contoh :**

Semua murid bangun.

**Aktiviti**

Menggunakan kata kerja yang diberikan untuk melengkapkan teks.

# UNIT 6

## Pilih Gaya Hidup Sihat

### Mendengar dan Bertutur

#### Makanan Ruji Kita

Puan Nurul ke pasar raya untuk membeli beras. Beliau ingin membeli dua jenis beras. Beliau meneliti label pada bungkusan beras itu.




#### BERAS REBUS

- Kadar penyerapan nutrien perlahan
- 19 miligram kalsium bagi setiap hidangan
- Beras berwarna kuning
- Membekalkan karbohidrat untuk tumbesaran

#### BERAS PUTIH

- Kadar penyerapan nutrien pantas
- 10 miligram kalsium bagi setiap hidangan
- Beras berwarna putih
- Membekalkan karbohidrat untuk tumbesaran



Pada pendapat kamu, beras yang manakah yang lebih baik untuk kesihatan?



#### Aktiviti

Melengkapkan Peta Buih Berganda dan menjelaskannya.



- Bimbing murid menjelaskan dan membanding beza maklumat tersirat dengan menggunakan idea yang kritis dan kreatif.

Strategi P&P: Pembelajaran Kontekstual  
KBAT: Menganalisis  
EMK: Nilai Murni - Rasional

Peta i-Think  
(Peta Buih Berganda)





## Melancong untuk Sihat


Semasa sedang berehat di rumah, Encik Husin dan keluarganya menonton rancangan televisyen.

Bagaimanakah melancong membantu kesihatan, Encik Azhar?

Bagi saya, melancong dapat mengurangkan tekanan. Apabila saya melancong, saya dapat melihat tempat baharu sambil merehatkan minda. Saya juga dapat meluangkan masa berkualiti dengan keluarga. Oleh itu, kami berasa sangat gembira.

Wah, banyak juga faedah melancong! Apakah pesanan Encik Azhar kepada penonton di luar sana?

Pergilah bercuti bersama-sama dengan keluarga. Selain menikmati keindahan alam, kita juga dapat mencari ketenangan. Cara ini dapat menjadikan kita lebih sihat dan ceria.



### Aktiviti


Membaca temu bual dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.

## Hati-hati Menggunakan Fon Telinga

Sempena Hari Pendengaran Sedunia, pejabat kesihatan daerah telah mengadakan pertandingan mereka bentuk poster. Hadif mahu menyertai pertandingan tersebut. Dia telah mendapatkan maklumat tentang cara menggunakan fon telinga daripada jirannya, Doktor Azlan. Mereka berkomunikasi melalui media sosial.



Masalah pendengaran ialah




(Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia)



Penggunaan Fon Telinga yang Selamat

kurangkan penggunaan fon telinga



### Aktiviti

Berbincang untuk mencatat dan melengkapkan poster.



- Bimbing murid untuk menganalisis dan mencatat maklumat tentang sesuatu perkara yang dirujuk.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
KBAT: Menganalisis  
EMK: Kelestarian Global




**Tubuh Sihat Kekal Aktif**

Min Lee, kawan Hadif, sedang berjoging di atas sawat injak sambil mendengar muzik. Dia begitu asyik mendengar lagu yang diputarkan juruhebah radio.



Kesihatan paling utama  
**Jangan kita mengabaikannya**  
 Kita perlu kekal aktif  
 Tubuh sihat minda positif

Satu dua kubermula  
 Mula dengan memanaskan badan  
 Agar diri dijauhi  
**Daripada kecederaan**



Ingat-ingat wahai kawan  
 Padankanlah pakaian kita  
**Kasut sukan digunakan**  
**Wajib untuk berjoging di taman**


Ayuh kita jadi aktif  
 Agar kita lebih kreatif  
 Biar ini jadi amalan  
**Hidup pasti sihat dan gembira**

(Melodi lagu *Wau Bulan*)



Jom Imbas

**Kamus Poket**  
 Sawat injak ialah alat senaman yang digunakan untuk berjoging atau berlari setempat.



**Aktiviti**

Mengubah suai lirik lagu berpandukan gambar dan mempersembhkannya secara kreatif.

**Teknik Masakan Berkhasiat**

Puan Nurul dan jiran-jirannya menghadiri kursus masakan berkhasiat. Kemudian, mereka bersama-sama mencuba setiap cara.

**merebus**



- Puan Nurul merebus keropok lekor. Contoh ayat pasif: Keropok lekor direbus oleh Puan Nurul.
- Keropok akan menjadi lembut dan bebas bakteria berbahaya.

**mengukus**



- Puan Faizah mengukus ikan.
- Cara ini dapat mengekalkan khasiat dalam makanan.

**memanggang**



- Puan Dayang memanggang daging.
- Teknik memanggang akan menjadikan daging kurang berlemak.

**penggorengan kering**



- Puan Soo menggoreng kentang dengan penggoreng kering.
- Kaedah menggoreng ini mengurangkan penggunaan minyak dalam makanan.



**Munshi Cilik**

Kata kerja pasif ialah kata kerja yang mengubah ayat aktif menjadi ayat pasif.

Contoh: memeriksa → diperiksa



**Aktiviti**

Membina ayat pasif berdasarkan ayat yang dicetak berwarna.




## Persediaan Praujian

Catat maklumat tentang persediaan praujian dalam Peta Bulatan.

Para ahli tae kwan do, kamu akan menduduki ujian kenaikan pangkat tali pinggang tae kwan do esok. Saya berharap agar kamu dapat bersedia dari segi mental dan fizikal. Kamu perlu mendapatkan rehat yang secukupnya. Tidurlah awal pada malam ini. Usahlah lewat ke tempat ujian. Jangan lupa bersarapan. Lakukan regangan sebelum dipanggil.

Baiklah, cikgu. Kami akan menuruti semua nasihat cikgu.

dialog







## Lompatan Trampolin

### Laporan Temu bual

Sukan yang digemari Haziq ialah lompatan trampolin. Aktiviti ini dilakukannya dengan melompat di atas trampolin. Lompatan trampolin melibatkan semua otot badan. Biasanya lompatan ini dilakukan di taman trampolin. Sukan ini dapat mengurangkan berat badan. Haziq sangat yakin semasa melompat di atas trampolin. Untuk menjaga keselamatan, dia tidak melompat terlalu tinggi. Haziq sangat seronok setiap kali melakukannya.



Baca laporan di atas. Jalankan satu temu bual berpandukan langkah yang berikut. Tulis satu laporan daripada hasil temu bual tersebut.

Kenal pasti maklumat untuk membina soalan temu bual.



#### Langkah 1

Kenal pasti rakan yang ingin ditemu bual.

#### Langkah 2

Pilih topik yang sesuai untuk ditanyakan kepada rakan.

#### Langkah 3

Sediakan lapan soalan untuk ditanyakan kepada rakan semasa temu bual.

#### Langkah 4

Jalankan temu bual terhadap rakan.

#### Langkah 5

Buat laporan ringkas berpandukan temu bual yang telah dilakukan.

TEMA  
3

# KESELAMATAN



## Barang Larangan di dalam Kabin Kapal Terbang

- 1 Bahan letupan dan bahan mudah terbakar
- 2 Senjata
- 3 Alatan tajam
- 4 Cecair, aerosol dan gel yang melebihi 100 ml



Ber cerita tentang gambar.



## Mendengar dan Bertutur

### Dengar Nasihat Ibu

Hadif dan keluarganya sedang menonton berita di ruang tamu. Mereka berbual-bual tentang iklan yang disiarkan.

Cara ini dapat:

mengelakkan diri daripada  
terkena renjatan elektrik

mengurangkan kadar  
kemalangan jalan raya

menghindari kebakaran  
di stesen minyak

Berhentikan motosikal  
di tempat yang selamat  
untuk menjawab  
panggilan telefon.

Tidak menggunakan  
telefon semasa  
mengecas sewaktu  
hari hujan.

Tidak menggunakan telefon  
bimbit semasa mengisi minyak  
di dalam kenderaan.



Itu iklan apa, ayah?

Ya, saya tahu, ayah.  
Antara keadaannya

Cara tersebut dapat

Iklan tentang pengguna telefon bimbit, Hadif. Ada beberapa keadaan telefon bimbit tidak boleh digunakan. Adakah kamu tahu, Hadif?

Ya, betul. Mengapakah kita perlu menggunakan telefon dengan cara yang betul, Hadif?

Jika kamu melihat adik bermain telefon semasa hujan, apakah yang perlu kamu lakukan?

Saya akan

Ibu berharap kamu dapat mematuhi langkah yang ditunjukkan dalam iklan tersebut.

Baiklah, ibu. Nasihat ibu akan saya patuhi.



## Aktiviti

Bersoal jawab untuk mendapatkan penjelasan.

Nota  
Guru  
1.2.3


- Bimbing murid bersoal jawab dan memberikan penjelasan.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Nilai Murni - Rasional



## Tadika Taman Impian

Encik Lim ingin mencari tadika untuk anaknya. Jirannya, Encik Husin, menunjukkan brosur tadika kepada Encik Lim.



Ciri-ciri keselamatan amat diutamakan di tadika ini.

Tadika selamat menjadi impian semua ibu bapa. Adakah anda bimbang? Kami ada penyelesaiannya.

- Pagar hadapan tadika ini sentiasa berkunci.
- Tangga kecemasan disediakan kerana tadika ini di bangunan dua tingkat.
- Alat pemadam api yang disediakan sentiasa dalam keadaan baik dan mudah diambil.
- Peti kecemasan sentiasa lengkap dan disemak tarikh luputnya.
- Seluruh kawasan tadika dilengkapi dengan kamera litar tertutup.
- Ibu bapa boleh memantau susun atur perabot agar pergerakan anak mereka sentiasa selamat.

**Jangan berlelah untuk mendaftar.**

### Aktiviti

Membaca teks dengan sebutan dan intonasi yang betul.



## Awas Selalu

Hadif dan kawan-kawannya membaca maklumat tentang keselamatan kanak-kanak dalam talian.



Jangan berkongsi maklumat seperti nama penuh, nombor telefon, alamat dan nama sekolah dengan orang yang tidak dikenali.



Elakkan diri daripada bertemu dengan orang yang tidak dikenali. Dapatkan kebenaran daripada ibu bapa.



Jangan membaca pesanan, e-mel atau memuat naik fail daripada orang yang tidak dikenali.



Jangan mudah percaya akan maklumat orang lain dalam talian. Seseorang mungkin memalsukan identiti dirinya.



Laporkan sebarang gangguan kepada ibu bapa dengan segeranya jika kamu berasa tidak selesa.

### Aktiviti

Mengimlakkan perenggan yang dibaca oleh guru.






- Bimbing murid membaca dan mengimlakkan perenggan yang dibaca oleh guru.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
KBAT: Menganalisis  
EMK: Nilai Murni - Rasional



**Dengar Arahan**

Cikgu Afani mengajar murid-muridnya tentang simpulan bahasa dan tulisan Jawi.



**Info**

- Warna pada huruf menunjukkan langkah demi langkah untuk menulis.


**Aktiviti**

Mengenal, mengecam dan menyebut huruf tunggal. Kemudian, menulis huruf tersebut.

## Pelan Kawad Kebakaran Sekolah

Sekolah Hadif telah mengadakan latihan kawad kebakaran.

### Panduan Keselamatan



**Munshi Cilik**

Kata adjektif cara ialah kata yang digunakan untuk menunjukkan cara.

Contoh: *jelas, gopoh, cepat dan laju*

### Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata adjektif.



- Bimbing murid mengecam kata adjektif cara yang terdapat dalam gambar.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Nilai Murni - Rasional




## Hindari Laluan Bahaya

Hadif dan rakan-rakannya baru pulang dari kelas tambahan dengan menunggang basikal.

Hadif selalu ingat akan pesanan ibunya supaya tidak melalui kawasan yang berbahaya.

Kawasan tersebut mungkin akan membawa padah kepada mereka. Contohnya, laluan yang sibuk dengan lalu lintas, jalan berlopak dan jambatan yang rosak.

Setiap ibu bapa **risau** akan keselamatan anak mereka. Jika berlaku kemalangan, ibu bapa tentu akan berasa **sedih** dan **kecewa**.



### Munshi Cilik

Kata adjektif perasaan ialah kata yang menunjukkan perasaan.

Contoh: gembira, risau, sedih, kecewa dan bimbang



### Aktiviti

Menggunakan kata adjektif yang diberikan untuk membina ayat.



# UNIT 8

## Hargai Diri



### Mendengar dan Bertutur

#### Fikirlah Dahulu

Hadif sedang menelefon Rajiv.

hujan

batu-batu kecil bertaburan

pokok tumbang

ranting bertaburan

padang becak

Rajiv, bagaimanakah keadaan padang sekolah? Kita akan bermain ragbi nanti.

Mengapakah keadaan itu tidak sesuai untuk kita bermain?

Keadaan padang sekarang \_\_\_\_\_

Keadaan itu tidak sesuai untuk kita bermain pada hari ini.

\_\_\_\_\_



### Aktiviti

Bercerita dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.

Nota Guru  
1.3.1

- Bimbing murid bercerita dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.


Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
KBAT: Menganalisis  
EMK: Nilai Murni - Kasih sayang



## Bahaya Penyakit Rabies

Persatuan Kelab Doktor Muda SK Seri Pertiwi mengundang pegawai kesihatan ke sekolah untuk memberikan ceramah.

Murid-murid, jika terdapat anjing liar berkeliaran di kawasan tempat tinggal kamu, laporkannya kepada pihak berkuasa tempatan.





- ♦ Rabies merebak melalui gigitan haiwan.
- ♦ Pesakit hanya menunjukkan tanda-tanda selepas 20 hingga 60 hari terkena gigitan haiwan.
- ♦ 40% daripada mangsa kes rabies merupakan kanak-kanak.

### PENCEGAHAN RABIES

- ♦ Jangan mendekati anjing liar untuk mengurangkan risiko digigit, terutamanya kanak-kanak.
- ♦ Anjing peliharaan perlu diberi suntikan vaksin antirabies.
- ♦ Dapatkan rawatan segera di klinik kesihatan atau hospital terdekat jika mengalami gigitan anjing liar.
- ♦ Basuh gigitan anjing liar dengan air yang bersih.

(Sumber: <http://www.myhealth.gov.my>)



### Aktiviti

Meneliti bahan grafik untuk membuat gambaran.

## Jangan Dedah Maklumat

Hajar sedang berswafoto di dalam biliknya.

### Pernyataan

### Draf




1

#### Pendahuluan

- Hajar berswafoto
- memuat naik gambar dalam media sosial

Hajar suka berswafoto. Dia memuat naik gambarnya dalam media sosial.



2

#### Isi 1

- berkongsi lokasi
- berkongsi maklumat tentang ketiadaan ibu bapa di rumah

---



---



---



3

#### Isi 2

- kelihatan seorang pencuri
- menceroboh masuk

---



---



---



4

#### Isi 3

- jiran menelefon polis
- polis memberikan nasihat

---



---



---

5

#### Penutup

- menyesal akan perbuatan
- akan sentiasa berwaspada

---



---



---

### Aktiviti

Menulis draf dan menghasilkan penulisan.



- Bimbing murid menulis draf berdasarkan gambar dengan betulnya.
- Bimbing murid menghasilkan penulisan imaginatif.

Strategi P&P: Pembelajaran Kontekstual  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Nilai Murni - Semangat bermasyarakat





## Gurindam Leka Bermain

Hadif melagukan gurindam yang mengandungi simpulan bahasa di hadapan kelas.




Jangan biarkan si kecil menyendiri,  
Menuding jari sesama sendiri.

Jangan berada di tempat sunyi,  
Saudara kandung perlu dilindungi.

Jangan dibiarkan rakan terluka,  
Ambil berat, ikhlas dan peka.

### Info

Setelah murid mahir penulisan huruf **ب** dan **ر** di sebelah, murid digalakkan mencuba penulisan huruf **ب** dan **ر** di bawah.



### Aktiviti

Menyambung tulisan Jawi dan mempersembhkannya.






**Beringat ketika Menonton**

Hadif, Haziq dan Jit Wen berpeluang untuk menonton perlawanan bola sepak di Stadium Larkin.

**Situasi di luar Stadium**



• datang **awal**



• alat pengimbas **baharu**

**Situasi di dalam Stadium**



• tempat duduk yang **lama**



• **segera** ke luar stadium



**Munshi Cilik**

Kata adjektif waktu ialah perkara yang menerangkan waktu.  
**Contoh:** awal, lama, segera, baharu, kini.

**Aktiviti**

Bercerita tentang gambar menggunakan kata adjektif.

## Mendengar dan Bertutur

### Pemandu Bijak

Hadif dan ayahnya ke bengkel kereta. Di situ, mereka menonton iklan di televisyen.

**PANDUAN KESELAMATAN JALAN RAYA**

- 1 Periksa kenderaan anda sebelum memulakan perjalanan.
- 2 Patuhi had laju yang ditetapkan.
- 3 Dilarang memotong garisan berkembar.
- 4 Patuhi lampu isyarat.
- 5 Elakkan mengekori kenderaan lain terlalu dekat.
- 6 Berilah isyarat sewaktu membelok.

**HARGAI NYAWA** ⚠️  
Patuhi peraturan jalan raya

(Sumber: <http://www.jpj.gov.my>)

Hadif, kamu menonton apa?

Apakah panduannya?

Panduan keselamatan jalan raya ada banyak. Mengapakah kita perlu mematuhi panduan tersebut?

Iklan keselamatan jalan raya, ayah.

Oh, ada enam ayah! Antaranya, 😊 \_\_\_\_\_

Kita perlu mematuhi panduan keselamatan jalan raya supaya 😊 \_\_\_\_\_

### Aktiviti

Menceritakan iklan yang ditonton dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.



## Nasihat Ayah Bonda

Hadif mempersembahkan syair di tapak perhimpunan bersempena dengan minggu bahasa.


Nasihat diberikan untuk anakanda,  
Iringan doa ayah dan bonda,  
Sematkan semua di dalam dada,  
Agar selamat di mana berada.

Di tepi koridor berhati-hati,  
Bergurau di tangga bahaya menanti,  
Peraturan di padang harus diikuti,  
Tiada cedera ceria pasti.

Di kantin dan tandas usahlah leka,  
Jika terjatuh kaki terluka,  
Kalau hindari tiada berduka,  
Guru di sekolah semuanya suka.



**Jom Imbas**



### **Aktiviti**

Melagukan syair dan melengkapkan Peta Bulatan.



# Makanan Selamat

Hadif dan kawan-kawannya mencari maklumat tentang keselamatan makanan di perpustakaan.

## Pendahuluan

- ✓ keselamatan makanan perlu diutamakan
- ✓ pelbagai cara harus dilakukan

Keselamatan makanan perlu diutamakan oleh semua orang. Terdapat pelbagai cara yang harus dilakukan.

## Isi 1

- ✓ basuh tangan
- ✓ cuci peralatan dapur



---



---



---



## Isi 2

- ✓ asingkan makanan
- ✓ gunakan bekas yang sesuai



---



---



---



## Isi 3

- ✓ masak dengan sempurna
- ✓ membunuh bakteria



---



---



---



## Isi 4

- ✓ jangan makan makanan tamat tarikh luput
- ✓ keracunan makanan



---



---




---



## Penutup

- ✓ patuhi keselamatan makanan
- ✓ menjadi amalan dalam kehidupan



---



---



---

## Aktiviti

(Sumber: myhealth.gov.my)

Membina ayat berdasarkan draf untuk menghasilkan karangan.



- Bimbing murid menulis draf.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
 KBAT: Menilai  
 EMK: Nilai Murni - Rasional



## Lindungi Si Kecil

Hadif dan keluarganya mengunjungi pusat beli-belah. Mereka ke sana untuk membeli kerusi keselamatan bayi.



Bapa Hadif membeli kerusi keselamatan bayi. Ibu Hadif tidak perlu memegang \_\_\_\_\_ meriba anak kecil mereka di dalam kereta.



Encik Husin meletakkan kerusi keselamatan bayi di tempat duduk belakang \_\_\_\_\_ keluar bersiar-siar. Kerusi keselamatan itu mempunyai tali pinggang mengikut saiz \_\_\_\_\_ bayi berasa selesa.



Anak kecil Encik Husin tidak menangis \_\_\_\_\_ dalam perjalanan. Kerusi tersebut mempunyai penutup kepala \_\_\_\_\_ melindungi anaknya daripada pancaran cahaya matahari.



### Munshi Cilik

**Kata hubung** ialah kata yang menghubungkan dua ayat atau lebih.

**Contoh:** atau, supaya, sewaktu, ketika, untuk, kerana

Encik Husin memandu kereta dengan tenang. Anak kecilnya duduk dalam keadaan selesa \_\_\_\_\_ terdapat pelapik kepala yang lembut pada kerusi tersebut.



### Aktiviti

Menulis ayat menggunakan kata hubung.

## Kita Harus Berwaspada

Hadif membaca rencana di hadapan kelas.

Menjaga keselamatan diri perlu diutamakan oleh setiap orang. Usaha ini menunjukkan seseorang itu menyayangi dirinya sendiri.

Tempat-tempat yang perlu diberikan perhatian serius termasuklah pasar raya. Pengguna perlu mengelap pemegang troli dengan tisu yang basah sebelum menggunakannya. Hal ini dapat mengelakkan jangkitan kuman dan penyakit berjangkit.

Selain itu, ibu bapa yang membawa anak kecil ke pusat dobi layan diri juga harus berwaspada. Hal ini penting bagi memastikan anak kecil mereka tidak masuk ke dalam mesin tersebut.

Wayar penyambung yang digunakan di rumah turut mengundang kemalangan. Kejadian litar pintas berpunca daripada wayar penyambung yang berserabut.

Pengguna kerusi urut juga boleh ditimpa kemalangan. Pengusaha kedai kerusi urut tidak menyelenggarakan kerusi tersebut pada setiap bulan secara berkala. Hal ini menyebabkan pengguna kerusi urut mengalami renjatan elektrik.



### Munshi Cilik

Kata sendi nama ialah perkataan yang letaknya di hadapan frasa nama.

Contoh: di, ke, oleh, daripada, dalam, pada



### Aktiviti

Membaca dan menyenaraikan kata sendi nama.



- Bimbing murid membaca rencana dan mengenal pasti kata sendi nama.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai

KBAT: Mengaplikasi

EMK: Nilai Murni - Semangat bermasyarakat





## Pemulihan

### Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)

Imlak perenggan yang dibaca oleh guru.

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) merupakan sebuah agensi penyelamat. Peranan APM ini amat besar dalam pengurusan bencana negara.

Antara tugas yang dilaksanakan oleh APM termasuklah menyelamatkan mangsa lemas dan mangsa kemalangan. Selain itu, tugas pegawai APM juga menangkap haiwan yang memberikan ancaman kepada orang awam.



Pegawai APM turut memberikan bantuan keselamatan kepada mangsa-mangsa banjir yang mengalami kesulitan. APM juga perlu menyebarkan maklumat dan memberikan amaran serta khidmat nasihat kepada orang awam tentang ancaman bahaya, kecemasan dan bencana.

Oleh hal yang demikian, para pegawai APM perlu mengikuti pelbagai kursus kemahiran. Kursus ini dapat melahirkan pegawai APM yang terlatih.



(Sumber: Jabatan  
Pertahanan  
Awam Malaysia)



## Pengayaan

### Keselamatan di Sekolah

Baca petikan di bawah. Kemudian, pindahkan maklumat ke dalam Peta Pelbagai Alir.


Sekolah tempat kita menuntut ilmu. Namun begitu, kemalangan sering berlaku di persekitaran sekolah. Oleh hal yang demikian, murid-murid hendaklah peka dan mengambil pelbagai langkah untuk mengelakkan kemalangan.

Tempat-tempat seperti stor barang, tangki air dan kolam hiasan landskap terbiar hendaklah dihindari. Tempat-tempat ini berkemungkinan boleh mengundang bahaya. Oleh itu, janganlah bermain di kawasan ini.

Selain itu, semasa di kantin, kita hendaklah berhati-hati. Keadaan lantai yang licin akibat tumpahan makanan boleh juga mendatangkan padah. Elakkan berlari-lari di kawasan tersebut. Sentiasalah berwaspada supaya tidak tergelincir.

Seterusnya, bangunan bertingkat khususnya di koridor sekolah boleh mendatangkan bahaya. Janganlah melompat-lompat di tepi koridor tersebut. Perbuatan ini boleh menyebabkan kemalangan.

Ketika berada di tangga, jangan berebut-rebut dan bertolak-tolakan semasa menuruni tangga. Perlakuan ini boleh mengakibatkan kecederaan. Maka, sentiasalah menjaga keselamatan diri.



Apakah kepentingan menjaga keselamatan di sekolah? Nyatakan tempat-tempat lain di sekolah yang boleh mendatangkan bahaya.





### Tempat Kerja Selamat



Peralatan yang digunakan seperti pakaian keselamatan dan alatan memanjat bangunan perlu diperiksa terlebih dahulu.

Kemalangan yang kerap berlaku melibatkan pekerja bengkel kereta. Mereka perlu berhati-hati ketika memasang tayar kereta dan menukar minyak hitam.



Pekerja kilang juga harus mengutamakan keselamatan. Pemeriksaan berkala pada mesin yang digunakan perlu dijalankan mengikut jadual. Sebarang kerja pengubahsuaian dan pembaikan pada mesin perlulah mendapat kelulusan daripada jabatan.



Seseorang pekerja perlu mementingkan keselamatan dan kesihatan. Jika keselamatan dan kesihatan diutamakan, pekerja akan bekerja dalam keadaan yang ceria.





**TEMA  
4**

**KEBUDAYAAN,  
KESENIAN  
DAN ESTETIKA**

Bercerita tentang gambar.



## Mendengar dan Bertutur

### Salam Diberikan Tetamu Dihormati

Ibu Haziq berpesan kepada anak-anaknya tentang adab melayan tetamu.

#### Situasi 1

Ibu ingin berpesan kepada kamu tentang adab melayan tetamu.

Kita mestilah menyambut kedatangan tetamu dengan senyuman dan menjamu tetamu mengikut kemampuan kita.

Selain itu, kita juga perlu menjaga percakapan ketika di hadapan tetamu, menghantar tetamu yang ingin pulang ke pintu pagar dan mengucapkan terima kasih atas kehadiran mereka.



Apakah adabnya, ibu?

Cikgu ada memberitahu, menerima dan melayan tetamu ialah amalan yang mulia.

#### Situasi 2

Seronok sungguh tajuk "Hormatilah Tetamu" pada hari ini cikgu. Ibu selalu berpesan supaya hormat akan tetamu yang datang ke rumah.

Ibu berpesan supaya \_\_\_\_\_

Kita perlu menghormati tetamu \_\_\_\_\_



Apakah pesanan itu, Haziq?

Haziq, mengapakah kita perlu menghormati tetamu?

### Aktiviti

Mendengar dan menyebut maklumat yang diperlukan semula.



# Membaca

## Etnik Lun Bawang

Dayang Rosni menghantar e-mel kepada kawannya tentang masyarakat etnik di Sarawak.

Daripada : dayangrosni@ymel.com

Kepada : minlee\_1@ymel.com

Perkara : Etnik Lun Bawang

Hantar

Simpan




Sarawak sememangnya negeri yang memiliki pelbagai etnik. Antaranya termasuklah etnik Lun Bawang. Kebanyakan etnik ini terdapat di utara Sarawak, iaitu di bahagian Limbang terutamanya di daerah Lawas.

Pekerjaan utama etnik Lun Bawang ialah pertanian sara diri. Mereka terkenal sebagai penanam padi Adan. Selain itu, mereka juga menghasilkan garam bukit. Masyarakat Lun Bawang mengadakan pesta menuai yang dikenali sebagai Irau Aco Lun Bawang. Pesta ini diadakan selama tiga hari dua malam, iaitu pada 31 Mei hingga 2 Jun setiap tahun. Pelbagai aktiviti kebudayaan diadakan. Antaranya termasuklah pertandingan permainan tradisional, demonstrasi kebudayaan, pertandingan sukaneka, jualan kraf tangan tradisional serta pameran dan jualan makanan tradisional.

Kemuncak pesta Irau Aco Lun Bawang ialah pertandingan ratu cantik bagi perempuan dan pertandingan yang memaparkan kepahlawanan bagi lelaki. Pemenang pertandingan ratu cantik digelar Ruran Ulung manakala pemenang pertandingan kepahlawanan digelar Padan Liu Burung.

Dengan adanya pertandingan ini, para peserta dapat menonjolkan pakaian tradisional, kebudayaan tradisional, tarian dan muzik tradisional yang diamalkan oleh nenek moyang mereka. Adat ini juga dipamerkan kepada para pelancong yang datang ke negeri Sarawak.



### Aktiviti

Membaca dan menganalisis kandungan teks.



- Bimbing murid membaca secara luncuran dan mekanis.
- Bimbing murid mengisi maklumat dalam Peta Pokok.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
 KBAT: Menganalisis  
 EMK: Nilai Murni - Patriotisme





## Kampung Chetti Melaka

Hadif dan kawan-kawannya baru pulang daripada mengikuti rombongan di Melaka.

Lawatan ke Kampung Chetti, Melaka

**1** 8:00 pagi

Saya dan kawan-kawan **menaikkan** bas menuju ke bandar Melaka. Kami tiba di Kampung □ hetti pada pukul 8:45 pagi. Kami diberi taklimat terlebih dahulu tentang perlunya menjaga **displin** semasa lawatan.



**2** 9:00 pagi

Kami melawat ke kawasan perumahan Kampung Chetti yang **teletak** di Gajah Berang, Melaka. Rumah □ rumah yang **mendiami** masyarakat Chetti masih kekal tradisinya sehingga sekarang.



**4** 11:00 pagi

Kemudian, kami bergerak ke **majelis** perkahwinan masyarakat Chetti yang terletak berhampiran dengan muzium. Di situ □ kami dapat melihat persandingan sepasang pengantin □ Pengantin perempuan berpakaian **songkit** dan bersanggul lintang.





### 3 10:00 pagi

Kami berpeluang untuk melawat ke Muzium Chetti di situ. Terdapat pelbagai koleksi di muzium itu. Antara koleksi yang terdapat di muzium tersebut termasuklah pakaian **traditional** perempuan masyarakat Chetti, iaitu kebaya dan kain batik. **Pakai** lelaki pula ialah baju kemeja dan kain pelekat.



### 5 12:00 tengah hari

Kami sempat melihat kolam yang dihasilkan. Kemudian, kami pulang dengan **perasan** riang. Pengalaman melawat ke Kampung Chetti Melaka **mengingati** kami agar menghormati budaya lain.



## Aktiviti

Mengedit dan memurnikan teks daripada aspek ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan.

Nota  
Guru  
3.3.2

- Bimbing murid mengenal pasti kesalahan ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan.
- Bimbing murid mengedit dan memurnikan teks.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Nilai Murni - Patriotisme





### Pejuang Tanjak Masa Kini

Hadif, Haziq dan Rajiv ke pesta kebudayaan di pusat komuniti.

Hadif: Selamat pagi, abang.

Abang Aziz: Selamat pagi.

Hadif: Abang, banyak peniaga di sini memakai tanjak.

Abang Aziz: Betul, adik. Kami **bulat kata** bersetuju memakai tanjak sewaktu berniaga.

Hadif: Mengapakah mereka memilih untuk memakai tanjak?

Abang Aziz: Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu menghargai hasil seni tradisional negara, bak kata pepatah **tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas**. Memakai tanjak dapat menyanjung adat resam kita seperti pepatah **adat lama pusaka usang**.

Hadif: Mengapakah tanjak mereka pelbagai bentuk?

Abang Aziz: Tanjak mempunyai pelbagai jenis lipatan. Lipatan tanjak ini berbeza mengikut negeri seperti peribahasa **lain padang lain belalang**. Setiap negeri ada cara ikatan dan lipatan masing-masing. Lipatan tanjak negeri Terengganu terkenal dengan nama Lang Melayang. Negeri Sabah pula terkenal dengan Dastar Siga. Motif Dastar Siga menjadi corak utama pada duit syiling lima sen baharu.

Hadif: Terima kasih, abang. Banyak maklumat saya peroleh tentang tanjak.

Abang Aziz: Sama-sama.



#### Info

Peribahasa **lain padang lain belalang** bermaksud setiap tempat yang dikunjungi mempunyai cara dan adat yang berbeza.



#### Aktiviti

Bercerita dan mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa.



## Anyaman Ribu-ribu

Hadif, Min Lee dan Rajiv membaca buku tentang anyaman ribu-ribu.



Ribu-ribu ialah sejenis tumbuhan paku pakis yang boleh dibuat anyaman. Penggunaan ribu-ribu **bukan** sahaja di Sabah tetapi juga di Kelantan dan di Terengganu. Cara untuk membuat anyaman ribu-ribu sebenarnya **tidak** sukar namun memerlukan kesungguhan.

Langkah awal untuk menghasilkan produk berasaskan tumbuhan ini adalah seperti yang berikut.




**1** Batang ribu-ribu serta akarnya dicabut menggunakan tangan cangkul.



**2** Hanya bahagian pangkal ribu-ribu sahaja dibelah menggunakan pisau kecil. Belahan seterusnya pada batang ribu-ribu perlu menggunakan jari supaya seimbang, mudah putus dan rosak.



**3** Helaian ribu-ribu yang telah kering diraut dengan pisau. Helaian tersebut boleh terkena air sebelum digunakan.



**4** Helaian ribu-ribu diukur dengan pisau tetapi dengan memasukkannya ke dalam lubang tudung tin yang ditebuk.



### Munsji Cilik

**Kata nafi** terbahagi kepada dua, iaitu **bukan** dan **tidak**. Kata nafi **bukan** hadir di hadapan **frasa nama** dan **frasa sendi nama**. Kata nafi **tidak** hadir di hadapan **frasa kerja** dan **frasa adjektif**.

**Contoh:** Kereta api itu **bukan** dari Ipoh.  
Pak cik itu **bukan** ayah saya.  
Kata-katanya itu **tidak** benar.  
Adik **tidak** tidur di dalam buaian.

### Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata nafi mengikut konteks.



- Bimbing murid mengemam dan memahami penggunaan kata nafi.



**Pusaka Bangsa**



Hadif mencari maklumat tentang seni tari dabus daripada Internet. Dia perlu membentangkan tugasannya itu pada hari esok.

Tarian dabus ialah tarian tradisional yang berasal dari negeri Perak. Tarian ini dipersembahkan sejak beratus-ratus tahun dahulu. Dabus terdiri daripada beberapa peralatan muzik seperti rebana, gong dan buah dabus. Rebana diperbuat daripada pelbagai kayu seperti kayu nangka, cengal, halban, tembusu dan jati. Kayu-kayu ini keras dan tahan lama.



Untuk mempersembahkan tarian dabus, sekurang-kurangnya tiga orang diperlukan, iaitu pemain rebana, pemain gong dan penari. Namun begitu, untuk lebih meriah, sekurang-kurangnya tujuh atau lapan pemain diperlukan. Dalam sesuatu persembahan, sekiranya tanpa penari, kesenian ini tidak dipanggil dabus tetapi dipanggil bardah.

Untuk seseorang itu mahir dalam kesenian dabus memerlukan masa lebih kurang enam bulan. Namun begitu, seseorang yang berlatih menari memerlukan masa lebih kurang sebulan sahaja. Setiap pemain dabus perlu pandai memainkan semua alat muzik dan pandai menari. Hal ini dikatakan demikian bagi memastikan masalah mencari pengganti tidak timbul dan mengganggu kelancaran persembahan.

Dabus merupakan tarian tradisional yang unik. Tarian ini dipersembahkan dalam adat istiadat Melayu seperti adat perkahwinan, berkhatan dan berendoi. Sebahagian daripada masyarakat dahulu menganggap tarian ini untuk golongan berada kerana dimainkan di istana. Tarian ini harus dipelajari oleh generasi kini bagi memastikan pusaka bangsa ini terus kekal dan dipelihara sepanjang zaman.

(Sumber: Dewan Budaya, 2018)



**Aktiviti**



**Munshi Cilik**

**Kata bilangan** ialah perkataan yang menerangkan jumlah pada frasa nama.

Kata bilangan tentu	dua, tiga puluh, lima ratus
Kata bilangan tak tentu	semua, para, beberapa, segala
Kata bilangan himpunan	ketiga-tiga, berguni-guni
Kata bilangan pisahan	masing-masing, setiap
Kata bilangan pecahan	separuh, setengah, sepertiga

Membina ayat menggunakan kata bilangan dengan betul.

## Mendengar dan Bertutur

### Semutar Datuk

Hadif menemani datuknya menyirat jala di tepi laut.

Atuk, panasnya hari ini.

Ya, Hadif. Cuaca panas boleh menyebabkan kepala kita berasa sakit.

Betul, atuk. Apakah kain di atas kepala yang atuk pakai itu?

Oh, ini namanya semutar! Semutar ini atuk pakai sewaktu cuaca panas. Semutar merupakan lilitan kain di kepala.

Mengapakah semutar atuk menggunakan kain batik?

Sebenarnya, semutar boleh terdiri daripada kain batik, kain pelekat atau kain lain yang sesuai.

Apakah kegunaannya, atuk?

Apakah perbezaan antara semutar dengan tanjak, atuk?

Rujuk muka surat 70 untuk mendapatkan maklumat tentang tanjak.

### Info

#### Fungsi Semutar:

- penahan panas terik matahari
- mengesat peluh
- kelengkapan pendekar
- melambangkan pekerjaan pemakai



## Aktiviti

Mendengar, memahami dan memberikan respons.



## Gerobok Pusaka Nenek

Hadif dan kakaknya, Hajar, menolong neneknya mengemas rumah. Hadif mengelap gerobok lama sambil mendengar neneknya melagukan syair.

### *Syair Gerobok Pusaka*

Gerobok pusaka tinggalan bangsa,  
Tetap kukuh sepanjang masa,  
Gunanya lama banyak berjasa,  
Dijaga elok rapi sentiasa.

Hidangan disimpan pasti terjaga,  
Menyimpan barang perhiasan juga,  
Nampaknya unik berbunga jingga,  
Coraknya penuh tidak terhingga.

Buatan tangan uniknya ukiran,  
Kayu dipilih jati dan belian,  
Tiada tandingan di luar pasaran,  
Harganya mahal cecah ribuan.

Gerobok pusaka warisan negara,  
Janganlah lupa wahai saudara,  
Cinta akan seni moga membara,  
Agar khazanah tetap terpelihara.



Jom Imbas

Gaya penyampaian yang betul berdasarkan penghayatan, bahasa tubuh dan penampilan.

### **Aktiviti**

Melagukan syair dan menyampaikannya dengan gaya yang sesuai.

- Bimbing murid melagukan syair dengan intonasi yang betul.
- Bimbing murid mencari maksud syair.



## Tempok Orang Asli

Hadif membaca maklumat tentang perhiasan Orang Asli daripada surat yang dikirimkan oleh pihak muzium.

Muzium Seni Kraf Orang Asli,  
Jabatan Muzium Malaysia,  
Jalan Damansara,  
50566 Kuala Lumpur.

Guru Besar,  
SK Seri Pertiwi,  
81200 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim.

7 MEI 20□□.

Tuan □

Pengesahan Maklumat tentang Tempok Orang Asli

Merujuk perkara di atas, pihak Muzium Seni Kraf Orang Asli ingin mengesahkan maklumat yang dikehendaki oleh Persatuan Bahasa Melayu sekolah tuan tentang tempok Orang Asli.

- Untuk maklumat pihak tuan, Orang Asli merupakan penduduk **pribumi** yang tinggal di daerah **pendalaman**. Mereka mempunyai perhiasan yang **istemewa**.
- Antara perhiasan yang **tekenal** termasuklah tempok. Tempok merupakan **pehiasan** yang digunakan di atas kepala. Tempok ini diperbuat daripada daun kelapa □ daun nipah, kulit kayu terap, kulit kayu gaharu dan daun rumput. Tempok dihasilkan daripada seni anyaman. Orang Asli pandai **meanyam** pelbagai bentuk tempok mengikut suku tertentu □ Mereka dapat menghasilkan tempok dalam **tempuh** masa sepuluh minit sahaja.
- Diharapkan maklumat ini dapat memberikan pengetahuan kepada Persatuan Bahasa Melayu sekolah tuan. **Semuga** maklumat ini dapat menyemaikan perasaan cinta akan budaya negara kita.

Sekian □ terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,

*Asmawi*

(ASMAWI BIN MOHAMED YUNOS)  
Ketua Muzium Seni Kraf Orang Asli



## Aktiviti

Mengedit dan memurnikan ayat dari aspek ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan.



- Bimbing murid mengenal pasti kesalahan ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan.
- Bimbing murid menulis petikan dengan ejaan yang betul semula.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
KBAT: Menganalisis  
EMK: Nilai Murni - Semangat bermasyarakat



## Halwa Betik

Balkis sedang **meneliti** buku resipi. Dia **berminat** untuk **membuat** halwa betik berdasarkan panduan yang berikut.



Basuh buah dan buang kulitnya. Potong mengikut **kehendak**.



Setelah \_\_\_\_\_ (**hiris**), kepingan betik boleh dibentuk mengikut kreativiti. \_\_\_\_\_ (**ukir**) dan anyaman boleh dibuat pada kepingan betik.

### Bahan:

- sebiji buah betik muda
- 3 senduk gula mengikut tahap kemanisan
- 1 sudu kapur sirih

\* Gunakan \_\_\_\_\_ (**warna**) mengikut cita rasa.



Kemudian, celur kepingan betik di dalam air yang \_\_\_\_\_ (**didih**) selama dua hingga tiga minit.



3



Kepingan betik perlu \_\_\_\_\_ (**rendam**) di dalam air kapur selama satu hari.

6



Pastikan kepingan betik benar-benar kering setelah \_\_\_\_\_ (**tus**).



### Aktiviti

Menggunakan kata imbuhan awalan dengan betulnya.

Nota  
Guru  
5.2.1  
(i)

- Bimbing murid mengecam perkataan berimbuhan awalan.
- Bimbing murid membina ayat menggunakan kata berimbuhan awalan yang lain.

4



Kepingan betik tersebut perlu \_\_\_\_\_ (**bilas**) dengan air yang bersih.

7



Setelah sejuk, kepingan betik perlu direndam di dalam air gula. \_\_\_\_\_ (**laku**) proses di atas sehingga gula menyaluti kepingan betik. Proses ini boleh dilakukan \_\_\_\_\_ (**ulang**) kali.



### Munsyi Cilik

Kata berimbuhan awalan ialah kata yang menerima imbuhan pada bahagian hadapan kata dasar seperti **pe-**, **ber-**, **me-**, **ke-**, **di-**.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Nilai Murni - Kerajinan





## Ukiran Penyeri Halaman

Dayang Rosni menghantar e-mel kepada Min Lee untuk bercerita tentang seni ukiran yang ada di Sarawak.

Daripada :


Kepada :




Perkara :


Hantar


Simpan




Ke hadapan sahabatku, Min Lee, semoga berada dalam keadaan sihat sejahtera.

**Tujuan** saya menulis e-mel ini adalah untuk bercerita tentang seni  klirieng di negeri Sarawak. Masyarakat **tempatan** perlu mengetahui seni ukiran tangan ini demi memelihara kesenian tersebut.

Klirieng ialah tiang kayu yang digunakan oleh suku kaum di Sarawak. Klirieng biasanya didirikan di kawasan kediaman  berada sahaja. Kayu yang menjadi  ialah batang kayu pokok belian yang tidak mudah reput akibat pengaruh cuaca dan  serangga perosak.

Batang pokok belian ditebang dan diukir dari atas ke bawah dengan motif-motif ukiran yang mempunyai makna yang tertentu. Batu besar berbentuk sfera dan leper diletakkan di  atas klirieng untuk menstabilkannya. Terdapat klirieng yang mencecah ketinggian sehingga 10 meter.

Fungsi klirieng berubah mengikut peredaran zaman. Keindahan ukiran klirieng telah dijadikan mercu budaya Sarawak. Keunikan tersebut dapat dijadikan produk  dan landskap.

Sampai di sini sahaja  saya kali ini.  salam saya untuk keluarga kamu di sana. Saya  surat saya dengan ucapan terima kasih.

pilihan

golongan

serangan

akhiri

coretan

hiasan

ukiran

sampaikan

bahagian

jahitan

hindari



### Munsyi Cilik

Kata berimbuhan akhiran ialah kata yang menerima imbuhan pada bahagian belakang kata dasar seperti **-an, -kan, -i**.



### Aktiviti

Menggunakan kata berimbuhan mengikut konteks.

# UNIT 12

## Adat Dijunjung Budaya Disanjung

### Mendengar dan Bertutur

#### Anggun Jahitan Tradisional

Balkis dan kawan-kawannya menonton video tentang jahitan tulang belut di dalam bilik tayang.



Jahitan tulang belut satu seni dalam jahitan. Jahitan ini biasanya terdapat pada leher baju kurung tradisional dan baju Melayu teluk belanga.



Jahitan tulang belut yang cantik dihasilkan secara bertindih-tindih, serong dan meruncing. Masih belum ada tukang jahit yang dapat menjahit tulang belut dengan mesin. Oleh itu, seni jahitan ini begitu berharga dan istimewa sehingga kini. Jahitan tulang belut amat diminati kerana mempunyai nilai tradisi yang tinggi.



Pada pendapat kamu, apakah keunikan jahitan tulang belut?

Mengapakah seni jahitan tersebut perlu dikekalkan?

#### Aktiviti

Memberikan respons terhadap soalan yang diberikan.

Nota  
Guru  
1.1.3

- Bimbing murid mendengar, mentafsir dan memberikan respons terhadap soalan secara kritis.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
KBAT: Menilai  
EMK: Keusahawanan





## Seni Benang Emas



Hadif dan rakan-rakannya menghadiri Hari Kraf Kebangsaan. Di situ, mereka membaca maklumat berita di reruai seni tekat.

**KUALA LUMPUR, 9 Mei** - Puan Azizah binti Mohamad Yusof telah dianugerahi Tokoh Kraf Negara 2018 bersempena dengan Hari Kraf Kebangsaan. Beliau yang berumur 80 tahun merupakan pengusaha kraf tangan tekat benang emas.

Beliau diberi pengiktirafan atas usahanya memartabatkan industri seni tekat benang emas. Pelbagai pengiktirafan telah diterima di peringkat kebangsaan dan negeri. Selain itu, beliau turut menerima pelbagai anugerah seperti Anugerah Tokoh Usahawan Wanita, Darjah Ahli Mangku Negara (AMN), Anugerah Karyawan Kraf, Anugerah Usahawan Jaya Parlimen Kuala Kangsar, Anugerah Yayasan Kesenian Negeri Perak dan Adiguru Kraf Tekatan.

Beliau mula mendalami kemahiran seni tekat sejak di bangku sekolah. Seni tekat ini menjadi warisan turun-temurun daripada nenek dan ibunya. Selepas tamat persekolahan, beliau menumpukan sepenuh masa mempelajari kemahiran seni tekat. Beliau mula menyiapkan tempahan ketika berumur 16 tahun.

Antara produk sulaman tekat yang dihasilkan termasuklah hiasan pelamin, set bilik tidur dan pakaian. Kehalusan kerja tangan beliau sering mendapat perhatian pihak istana. Puan Azizah masih menerima tempahan tekat benang emas menggunakan tangan bagi mengekalkan keaslian seni tekat tradisional.

(Sumber: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia)



### Aktiviti

Membaca teks dengan gaya dan intonasi yang betul.





## Seindah Pinakol

Min Lee dan Balkis ke Kompleks Seni Budaya.  
Mereka ingin membeli cenderamata untuk ibu mereka.

Pinakol ialah hiasan manik yang mempunyai nilai kesenian kraf tangan tempatan. Manik tersebut merupakan seni kraftangan etnik Rungus, Sabah. Perusahaan manik ini menjadi sumber ekonomi majoriti wanita di Sabah.

Kebiasaannya, pinakol dijadikan sebagai perhiasan kaum perempuan seperti gelang rantai tali pinggang dan kerongsang. Corak pinakol pada perhiasan mengikut motif tumbuh-tumbuhan, bunga dan haiwan. Manik hitam, putih dan merah merupakan warna asas yang sering menggunakan oleh masyarakat Rungus.



Manik tersebut terbahgi kepada dua jenis iaitu, manik kaca dan manik plastik. Harga manik kaca lebih mahal daripada manik plastik kerana diimport dari negara Cina dan Jepun. Rekaan manik kaca boleh mencecah ribuan ringgit.

Usaha kerajaan untuk memperkenalkan hiasan manik ke pasaran antarabangsa bertujuan untuk memasarkan produk kraf tangan negeri Sabah. Usaha ini dapat meningkatkan pendapatan negara.

## Aktiviti

Mengedit dan memurnikan petikan.



- Bimbing murid mengedit dan memurnikan petikan dengan perkataan, tanda baca dan imbuhan.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Keusahawanan





## Tiupan Emas

Balkis mendeklamasikan sebuah sajak dalam pertandingan kebudayaan di sekolahnya.

Nafiri lambang kedaulatan menjadi saksi peristiwa penting saat berlaku pertabalan ketika hari perkahwinan hadir nafiri pelengkap istiadat.

Nafiri memilih insan yang hebat untuk ditiup dengan cermat peniup nafiri sentiasa dihormat menyambung adat di dalam nobat.

Nafiri tidak pernah tua dijaga dan disimpan dengan selamat naik dan turun raja di takhta nafiri berkhidmat penuh setia selagi kudratnya masih ada.

### Maksud Rangkap 1

Nafiri ialah alat kebesaran diraja. Nafiri dimainkan dalam majlis rasmi seperti adat istiadat pertabalan dan perkahwinan.

### Maksud Rangkap 2

- dimainkan oleh orang yang mahir

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

### Maksud Rangkap 3

- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_
- \_\_\_\_\_

Pertandingan Kebudayaan  
SK Seri Pertiwi



### Aktiviti

Mendeklamasikan sajak dengan sebutan dan intonasi yang betul serta menjelaskan maksudnya.

## Penyeri Majlis

Hadif dan keluarganya menghadiri majlis perkahwinan abang sepupu mereka. Di sana, dia melihat hantaran yang cantik di atas pahar.

Pahar ialah dulang yang digunakan untuk meletakkan barang hantaran bagi majlis **perkahwinan** dan pertunangan. Pahar diperbuat daripada tembaga.



Corak-corak pada pahar masih **mengekalkan** ukiran tradisional. Ukiran tersebut masih digunakan dalam seni tempa pahar sehingga kini.



Warna pahar tembaga seakan-akan keemasan. Terdapat dua jenis pahar, iaitu pahar leper dan pahar berkaki. Kebiasaannya, pahar dialas dengan kain bersulam supaya kelihatan lebih menarik.



Pahar tembaga agak berat dan tahan lasak. Terdapat pahar tembaga yang beratnya dianggarkan mencecah tiga kilogram.



### Munshi Cilik

Kata berimbuhan **apitan** ialah kata yang menerima imbuhan pada bahagian hadapan dan belakang kata dasar.

Contoh: ke-...-an-, per-...-an-, di-...-kan-, men-...-kan



### Aktiviti

Menyenaraikan dan membina ayat daripada kata berimbuhan apitan.




- Bimbing murid membina ayat menggunakan kata berimbuhan apitan.

Strategi P&P: Pembelajaran Konstruktivisme  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Nilai Murni - Semangat bermasyarakat








## Tikar Kelasah

Isikan imbuhan pada perkataan yang dicetak berwarna.



Tikar kelasah boleh didapati di Sarawak. Tikar ini adalah warisan hasil seni budaya kraf tangan komuniti Bidayuh.

1. Tikar kelasah diperbuat daripada rotan dan kulit kayu yang (  ) **ambil** daripada pokok bayuh sebagai bahan utama.
2. Pembuatan tikar ini menggunakan bahan semula jadi, termasuk (  ) **warna** yang digunakan untuk mewarnakan rotan.
3. Rotan tersebut direndam di dalam air yang (  ) **campur** dengan daun pokok rambutan.
4. Rotan (  ) **jadi** warna hitam apabila direndam selama beberapa minggu.
5. Corak geometri, tulisan, masjid, tempayan, binatang dan rama-rama yang terdapat pada tikar kelasah telah (  ) **tarik** ramai pelanggan.





## Pengayaan

### Pantang Larang Jadi Nasihat

Nyatakan maksud pantun di bawah.

Buah duku dan sayur ulam,  
Jamu sedikit di tengah hari;  
**Ketip kuku ketika malam,  
Rasa sakit terketip jari.**



Maksud: Kita perlulah berhati-hati semasa mengetip kuku untuk mengelakkan kecederaan.

Benang dikait alas berseri,  
Bunga sabun penghias jua;  
**Usah menjahit di senja hari,  
Matamu rabun sebelum tua.**



Maksud: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Anak kera jatuh ke lumpur,  
Hendak makan langsung segugus;  
**Anak dara menyanyi di dapur,  
Lauk dimasak menjadi hangus.**



Maksud: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_





## Penilaian

(a) Betulkan kesalahan dalam teks berikut.

Dapur kayu lama ini kebiasaannya terdapat di rumah rumah tradisional. Dapur kayu ini berbentuk kotak. Batu bata digunai untuk membuat tungku. Di bawah dapur terdapat seberkas kayu api untuk dijadikan ungun. Alatan memasak yang terdapat di ruang dapur lama ialah batu guling batu lesong kukur kelapa periuk belanga senduk kayu dan bekas rempah ratus. Masakan tetap berasa sangat enak walaupun megambil masa yang lama untuk memasak.



(b) Isi tempat kosong dengan kata berimbuhan yang sesuai.

Dapur moden kini      ruang yang lebih cantik dan     . Kabinet dapur      daripada batu, aluminium dan kayu. Dapur yang digunakan untuk      adalah seperti dapur gas atau dapur elektrik.      memasak pula seperti mesin     , dapur nasi elektrik, ketuhar dan peti sejuk. Masakan yang      lebih cepat dan mudah kerana peralatan memasak kini      masa dan tenaga.



tersusun

memasak

menjimatkan

diperbuat


mempunyai

peralatan

pengisar

disediakan

(c) Lengkapkan Peta Pokok di bawah dengan kata bilangan yang betul.



berpuluh-puluh

beberapa

seribu

sepertiga

separuh

tiap-tiap

banyak

lima

masing-masing

berguni-guni



## Jiwa Hamba

Termenung seketika sunyi sejenak  
kosong di jiwa tiada penghuni  
hidup terasa diperbudak-budak  
hanya suara melambung tinggi.

Berpusing roda beralihlah masa  
pelbagai neka hidup di bumi  
selagi hidup berjiwa hamba  
pasti tetap terjajah abadi.

Kalau hidup ingin merdeka  
tiada tercapai hanya berkata  
ke muka maju sekata, maju kita  
melemparkan jauh jiwa hamba.

Ingatkan kembali kata sakti  
dari bahang kesedaran berapi  
di atas robohan Kota Melaka  
kita dirikan jiwa merdeka.

**USMAN AWANG**

Sasterawan Negara



# JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN

Mendeklamasikan sajak.



 **Mendengar dan Bertutur**

**Setia kepada Raja**

Zara dan rakan-rakannya melawat ke galeri diraja.


*Kesetiaan  
kepada  
Raja  
dan  
Negara*

*Rakyat  
harus  
setia  
kepada  
Raja*

*Keamanan  
dan  
keharmonian  
negara  
akan dapat  
dipelihara*

Selamat pagi, Cikgu Rizal.


Cikgu, saya membaca tentang raja kita. Benarkah raja pemimpin negara?


Oh, rakyat juga harus  !  
Inikah bukti raja kita raja berdaulat?

Terima kasih, cikgu.



Selamat pagi, Zara. Apakah yang sedang kamu baca, Zara?

Ya, Zara. Baginda merupakan pemimpin kita. Lagipun, prinsip kedua Rukun Negara ada menyatakan \_\_\_\_\_  \_\_\_\_\_.

Betul, Zara. Raja kita raja berdaulat. Masyarakat harus menghormati raja supaya \_\_\_\_\_  \_\_\_\_\_.

Sama-sama, Zara.


 **Aktiviti**

Memberikan alasan tentang sesuatu perkara secara bertatasusila.

## Petua Kejayaan

Zara di perpustakaan. Dia membaca maklumat penting tentang petua kejayaan murid cemerlang.

Apakah murid-murid sudah bersedia untuk menjadi murid cemerlang? Terdapat banyak cara seperti yang dinyatakan di bawah.




Saya sentiasa jujur dan menjaga tingkah laku dalam pertuturan serta perbuatan. Inilah sikap **amanah** yang perlu ada dalam diri setiap murid.

Wah, petua ini sangat bagus! Saya perlu **bijak** mengurus diri, masa serta melakukan aktiviti yang berfaedah. Petua ini dapat menjadikan kita murid yang hebat.



Bagaimanakah kamu menjaga kesihatan? Saya memastikan diri sentiasa **cergas**. Kesihatan mental dan fizikal perlulah dijaga dengan baikny. Murid perlu mengambil makanan seimbang dan bersenam.

Saya perlu menjadi seorang yang ber**dedikasi** tinggi. Saya juga bertanggungjawab terhadap tugas yang diberikan. Oleh itu, tugas yang diberikan oleh guru perlu disiapkan mengikut masa.



### Aktiviti

Membaca petikan dan melengkapkan Peta Pokok dengan idea utama.



## Kerjasama Membawa Keceriaan

SK Sri Astana mengadakan aktiviti gotong-royong sempena Bulan Kebangsaan. Ibu bapa hadir untuk menceriakan kelas anak mereka.

*Belakang parang kalau diasah lagikan tajam.*

*Biar putih tulang, jangan putih mata.*

*Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.*

Guru boleh mengadakan pertandingan tulisan berangkai secara berkumpulan.

### **Aktiviti**

Menulis peribahasa menggunakan tulisan berangkai.

- Bimbing murid menulis tulisan berangkai.
- Bimbing murid melaksanakan aktiviti Jalan Galeri untuk mencari maksud peribahasa.

## Nusaku

Alif dan rakan-rakannya membuat persembahan boria ketika majlis sambutan Bulan Kebangsaan.

### Maksud Rangkap 1

Assalamualaikum pembuka kata  
Salam semua bersua kita  
Boria Nusaku tajuk cerita  
Kami 4 Wira penyampai berita

Alif dan rakan-rakannya mengucapkan selamat sejahtera dan mengalu-alukan para hadirin.

Bahasa Melayu bahasa bangsa  
Sematkan di jiwa setiap masa  
Jadikan bahasa identiti nusa  
Agar bergema ke antarabangsa

### Maksud Rangkap 2

Bahasa Melayu merupakan



Adat dibawa ke mana-mana  
Budaya disanjung sini dan sana  
Jati diri belia mestilah dijana  
Moga menarik menambah pesona

### Maksud Rangkap 3



Akhir bicara menyusun jari  
Inilah kisah kami berperi  
Ampun dan maaf harap diberi  
Sekian sahaja kami undur diri

### Maksud Rangkap 4



### Kamus Poket

- nusa - tanah air
- identiti - sifat-sifat yang terdapat pada seseorang
- berperi - bercerita



Jom Imbas



### Aktiviti

Menyanyikan lagu dan menjelaskan maksud lirik lagu.



- Bimbing murid menyanyikan lagu mengikut irama lagu rakyat dan menjelaskan maksud lirik.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Nilai Murni - Kesyukuran



## Sapaan Mesra

Min Lee menghadiri majlis perkahwinan sepupu Zara. Zara memperkenalkan saudara-maranya kepada Min Lee.

Min Lee, inilah keluarga saya.

Yang duduk di kerusi berhadapan bunga manggar itu mak long saya.

Mak ngah saya pula yang sedang sibuk menghidangkan nasi minyak.

Yang sedang mengangkat dulang air itu pak su saya.

Pak lang saya tuan rumah ini, Min Lee.

Wah, ramainya! Siapakah mereka, Zara?

Siapakah tuan rumah majlis ini, Zara?





### Munshi Cilik

Kata majmuk bebas ialah dua kata dasar yang dirangkaikan untuk membentuk satu perkataan baharu yang ditulis secara terpisah.

Contoh: bunga manggar, nasi minyak, dulang air, kerusi roda, beg tangan, ibu jari.

### Aktiviti

Menyenaraikan kata majmuk yang terdapat dalam gambar.

Nota  
Guru  
5.2.2  
(f)

- Bimbing murid membina ayat menggunakan kata majmuk.

Strategi P&P: Pembelajaran Kontekstual  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Nilai Murni - Hemah tinggi



## Suri Teladan

Zara seorang murid yang baik. Guru besarnya telah memberikan anugerah atas sahsiahnya yang terpuji.

### ANUGERAH SAHSIAH TERPUJI



4

Kelab Bahasa Melayu



Pengerusi: Aiff | Timbalan Pengerusi: Weng Kit  
Sekausaha: Zara | Bendahari: Dayang Rosni

5



Zara murid kelas 4 Wira. Dia memberikan **kerjasama** kepada rakan-rakan sekelasnya semasa menjalankan perbincangan.

Zara selalu membantu masyarakat secara \_\_\_\_\_. Dia membantu orang buta melintas jalan. Zara murid yang cergas. Dia berjaya menyertai sukan \_\_\_\_\_ sehingga peringkat antarabangsa.

Zara juga murid yang rajin. Dia telah menjalankan tugas sebagai seorang \_\_\_\_\_ Kelab Bahasa Melayu di sekolahnya. Zara prihatin dengan rakan-rakan di sekolah. Dia menjalankan \_\_\_\_\_ merawat murid yang tercedera ketika bersukan.



### Munshi Cilik

**Kata majmuk mantap** ialah dua perkataan yang ditulis secara bercantum.

**Contoh:** sukarela, tanggungjawab, kerjasama, olahraga, jawatankuasa, setiausaha, antarabangsa, matahari, kakitangan, warganegara, bumiputera, pesuruhjaya, tandatangan, suruhanjaya, beritahu.



### Aktiviti

Menggunakan kata majmuk mantap mengikut konteks.

## Mendengar dan Bertutur

### Jelajah Merdeka

Zara dan Dina terserempak dengan sekumpulan penunggang basikal yang membawa Jalur Gemilang sempena Hari Kebangsaan.



Selamat pagi, adik.

Selamat pagi, abang. Ini apa?

Oh, ini risalah Hari Kebangsaan!

Wah, menariknya risalah ini! Apakah maklumat dalam risalah ini?

Ya, adik. Dalam risalah ini terdapat pelbagai maklumat. Maklumat tersebut

Betul, adik. Sebagai rakyat Malaysia

Poster ini

Sama-sama.

Terima kasih, abang. Saya akan berkongsi risalah ini dengan rakan-rakan di sekolah.

### Aktiviti

Bersoal jawab untuk mendapatkan penjelasan.





## Megahnya Jalur Gemilang

Zara dan kawan-kawannya mencari maklumat tentang Jalur Gemilang di perpustakaan sekolah.

# JALUR

### Cara Menggantung Bendera


Gegantung Jalur Gemilang yang digantung hendaklah membujur dari atas ke bawah.



Jalur Gemilang yang dikibarkan perlu mengikut susunan yang betul. Susunan seperti ini digunakan pada hari biasa dan hari kebesaran Persekutuan.

Jalur Gemilang perlu mendahului bendera-bendera lain ketika dibawa secara sebaris semasa perarakan.

Jika Jalur Gemilang terbentang semasa perarakan, bahagian kepala bendera hendaklah diusung mendahului perarakan.



Jalur Gemilang hendaklah dikibarkan pada tiang yang condong ke arah jalan raya di rumah atau kedai.



(Sumber: <http://www.penerangan.gov.my>)



tempat  
kediaman



premis  
perniagaan



bangunan  
pejabat

### Tempat Pemasangan

# MILILANG



pengangkutan



bangunan sekolah

### Aktiviti

Melukis Jalur Gemilang dan menjelaskan maklumat berdasarkan bahan yang kamu baca.

Nota  
Guru  
2.2.1


- Bimbing murid memahami bahan grafik daripada multimedia untuk membuat gambaran.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
KBAT: Menilai  
EMK: Nilai Murni - Patriotisme



## Idola di Litar

Zara telah menulis biografi tentang pelumba motor negara.



Hafiz Syahrin bin Abdullah merupakan anak kelahiran Selangor. Beliau dilahirkan pada 5 Mei 1994. Beliau telah mengharumkan nama negara dalam bidang sukan permotoran.



Beliau mula berkecimpung dalam sukan permotoran sejak tahun 2007. Beliau mendapat tempat ketiga dalam perlumbaan terbuka mewakili pasukan Petronas. Pada tahun 2009, beliau telah dinobatkan sebagai pemenang kategori pelumba muda dalam perlumbaan yang diadakan di Alor Setar, Kedah.



Pada tahun 2012, Hafiz Syahrin berjaya menaiki podium di tempat ketiga dalam kategori Pelumba Jemputan Kelas Moto2. Kemudian, beliau mendapat tempat kedua dalam perlumbaan kelas Moto2 di San Marino, Itali dan mendapat tempat ketiga di Motegi, Jepun. Hafiz Syahrin melakar sejarah menjadi pelumba pertama negara dan Asia Tenggara yang berlumba di kelas utama MotoGP. Pembabitannya dalam kelas utama MotoGP bermula pada tahun 2017. Sikap kesungguhan beliau harus dipuji.

1. Siapakah pelumba dalam sukan permotoran negara?
2. Di manakah negeri kelahiran beliau?
3. Apakah kejayaan yang telah diperolehi beliau?
4. Mengapakah semangat beliau harus dicontohi?
5. Sekiranya kamu berminat untuk berlumba, di manakah tempat yang sesuai? Mengapa?

### Aktiviti

Menghasilkan jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dan bercapah.

## Karya Seni Negaraku

Cikgu Hazim menampal gambar bangunan-bangunan bersejarah pada papan putih. Cikgu Hazim menerangkan cara menghasilkan montaj kepada murid-murid di dalam kelas.



Mula-mula, kenal pasti huruf-huruf dan \_\_\_\_\_ yang diperlukan. Kemudian, guntingkan \_\_\_\_\_ itu dengan berhati-hati. Seterusnya, tampalkan huruf-huruf dan gambar-gambar yang telah digunting pada kertas lukisan. Hias montaj dengan kertas-kertas berwarna atau \_\_\_\_\_ daripada \_\_\_\_\_ dan surat khabar. Akhir sekali, tampalkan \_\_\_\_\_ yang telah siap di sudut hasil kerja murid.

montaj-montaj

bahan-bahan

gambar-gambar

majalah-majalah

perkataan-perkataan



### Aktiviti

Menggunakan kata ganda penuh mengikut konteks.

**Nota Guru**  
5.2.3  
(i)

- Bimbing murid mengenal pasti kata ganda penuh.
- Bimbing murid menulis ayat lain menggunakan kata ganda penuh.



### Munshi Cilik

**Kata ganda penuh** ialah proses yang menggandakan keseluruhan kata dasar.

**Contoh:**

gambar-gambar, kertas-kertas, majalah-majalah, huruf-huruf, perkataan-perkataan



## Tatabahasa

### Cintai Negara

Zara mendendangkan sebuah lagu dalam pertandingan nyanyian di sekolahnya.

Wahai anak, anak Malaysia kita  
Tunjukkan budi pekerti kita  
Hormati **tetamu** tidak dilupa  
Hidup harmoni kita sejahtera

**Pepohon**, beburung khazanah kita  
Semua itu harus kita jaga  
Untuk generasi masa depan  
Untuk tatapan kita semua

Malaysia kita pelbagai bangsa  
Jiran **tetangga** beramah mesra  
**Bantu-membantu** sesama kita  
Hidup ceria kekal sepanjang masa

Ayuh kawan gunakan bahasa kita  
Gunakanlah bahasa jiwa bangsa  
Martabatkanlah **setinggi-tingginya**  
Dikagumi di seluruh dunia

Adat resam janganlah kita lupa  
Kekalkanlah walau di mana-mana  
Jati diri bina **bersama-sama**  
Jadi inspirasi warganegara

(Melodi lagu *Keranamu Malaysia*)



### Munshi Cilik

Kata ganda separa ialah proses penggandaan sebahagian kata dasar.

- Kata ganda separa tunggal: **tetamu, pepohon, beburung, tetangga**
- Kata ganda separa berimbuhan awalan: **tersenyum-senyum, sebaik-baik, setinggi-tinggi, bantu-membantu**



### Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata ganda separa yang terdapat dalam lirik lagu.



Jom Imbas



## Mendengar dan Bertutur

### Hari Pendaftaran Negara

Zara dan keluarganya ke karnival Hari Pendaftaran Negara.

Hari Pendaftaran Negara  
Tarikh: 15-16 Oktober 20□□

### Antara Peranan Jabatan Pendaftaran Negara:

- Permohonan MyKad bagi kanak-kanak 12 tahun
- Permohonan gantian kad pengenalan rosak
- Mendaftar kelahiran, kematian dan perkahwinan
- Permohonan taraf kewarganegaraan

(Sumber: <https://www.jpn.gov.my/perkhidmatan/>)



### Ciri-ciri Keselamatan MyKad

**Nombor MyKad turisan laser**  
Mengelakkan nombor MyKad daripada ditoreh

**Imej turisan laser**  
Gambar kedua pemilik MyKad

**Cetakan Pelangi**  
Memantul cahaya pelangi apabila terkena cahaya



**Sinaran UV pelbagai warna**  
Variasi warna pada MyKad tulen

**Nombor MyKad turisan laser**  
Mengelakkan nombor MyKad daripada ditoreh



Ayah, banyaknya aktiviti karnival ini.

Mengapakah karnival ini diadakan, ayah?

Selamat Datang ke  
Karnival Hari Pendaftaran Negara

Betul, Zara. Jabatan Pendaftaran Negara mengadakan karnival seperti ini pada setiap tahun.

Karnival ini diadakan untuk memberikan maklumat tentang peranan Jabatan Pendaftaran Negara. Antaranya, \_\_\_\_\_.

Ciri-ciri keselamatan kad pengenalan \_\_\_\_\_.

Zara, apakah ciri-ciri keselamatan kad pengenalan?

### Aktiviti

Bersoal jawab untuk mendapatkan penjelasan.





## Keistimewaan Rakyat Malaysia

Zara bercerita kepada ibunya tentang sebuah cerita yang telah dibacanya di sekolah.

Alia terus berlari memeluk ibunya yang sedang melipat baju di pangkin rumahnya.

“Ibu, saya dapat 6A.”

“Tahniah, nak! Kamu berjaya akhirnya,” kata Puan Zira.

Alia yang duduk di hadapan pangkin memberitahu ibunya bahawa Anil, Lily dan Arif turut berjaya dalam peperiksaan UPSR. Alia juga memberitahu mereka perlu ke sekolah esok untuk berjumpa dengan Cikgu Syakir.

Jam menunjukkan pukul 8:00 pagi. Alia dan rakan-rakannya sudah berada di bilik guru untuk berjumpa dengan guru kelas mereka.


“Tahniah cikgu ucapkan atas kejayaan kamu! Inilah hasil yang kamu peroleh sewaktu belajar di sekolah ini. Banyak kemudahan yang disediakan telah kamu nikmati. Antaranya termasuklah pinjaman buku teks, kemudahan asas dan yuran peperiksaan percuma,” kata Cikgu Syakir.

Mereka berasa gembira mendengar perkara itu. Menurut Cikgu Syakir, inilah antara keistimewaan menjadi warganegara Malaysia. Mereka berhak menerima faedah dan kemudahan seperti kebajikan dan pelajaran. Oleh sebab itu, mereka perlu bersyukur.

“Cikgu berharap agar kamu terus berusaha untuk menjadi murid yang cemerlang dan mengharumkan nama negara,” kata Cikgu Syakir.

“Terima kasih, cikgu. Kami akan belajar dengan bersungguh-sungguh lagi,” kata Alia dan rakan-rakannya penuh semangat.

### Keistimewaan Warganegara



### Aktiviti

Membaca petikan dan melengkapkan Peta Pokok.



## Pasport Malaysia

Zara dan rakan-rakannya merujuk maklumat tentang pasport Malaysia.

Setiap warganegara Malaysia berhak untuk memohon dokumen perjalanan sebelum ke luar negara. Dokumen ini dikenali sebagai pasport Malaysia.

Pada pasport ini tertera nama negara Malaysia. Dokumen ini penting bagi perjalanan yang sah untuk seseorang ke luar negara. Pengguna perlu memperbaharu pasport setiap lima tahun sekali.

Bahagian dalam pasport ini mempunyai maklumat pemilik seperti nama, warganegara, tarikh lahir, tempat lahir, nombor pasport dan nombor kad pengenalan. Selain itu, maklumat tentang jantina, tinggi, tarikh pasport dikeluarkan, tarikh tamat tempoh dan gambar turut dipamerkan.

Pasport Malaysia mempunyai pelbagai ciri keselamatan. Antaranya termasuklah penggunaan cip, alur keselamatan berwarna dan cahaya ultraungu untuk mengesahkan ketulenannya.

Pasport ini penting dibawa bersama-sama semasa melancong atau urusan kerja di luar negara. Pasport ini merupakan identiti kita sebagai rakyat Malaysia.



### Aktiviti

Menulis ayat dalam perenggan yang diimplakkan.





## Pemuda Harapan Bangsa, Pemuda Tiang Negara

Zara menyertai pertandingan mendeklamasikan sajak di sekolahnya.

Wahai pemuda, wahai pemuda  
berusahalah ke arah **kejayaan**  
bangkit menempuh **cabaran**  
lihatlah **pembangunan** di hadapan.

Wahai pemuda, wahai pemuda  
**bantulah** bangsamu  
menjadi **pejuang** negara  
jika kau **rebah** namamu dijulang.

Wahai pemuda, wahai pemuda  
usah **leka** dengan kemodenan  
ceritakan **perananmu**  
agar generasi **mencontohimu**.

Wahai pemuda, wahai pemuda  
berusahalah ke arah **kecemerlangan**  
bangkit menghadapi **dugaan**  
lihatlah **kemajuan** di hadapan.

Wahai pemuda, wahai pemuda

\_\_\_\_\_ /  
\_\_\_\_\_ /  
\_\_\_\_\_ /

Wahai pemuda, wahai pemuda

\_\_\_\_\_ /  
\_\_\_\_\_ /  
\_\_\_\_\_ /



### Aktiviti

Mendeklamasikan sajak dengan intonasi yang sesuai dan mengubah suai perkataan yang dicetak berwarna.

**Kemudahan untuk Insan Istimewa**

Zara dan rakan-rakannya membaca brosur tentang kemudahan untuk insan istimewa.

**A**

1. lif menggunakan khas Orang Kurang Upaya (OKU)  
Ayat: Orang Kurang Upaya (OKU) menggunakan lif khas.
2. khas bergerak memudahkan OKU lif  
Ayat: Lif khas memudahkan OKU bergerak.



**B**

1. tandas OKU di pusat beli-belah terdapat  
Ayat: \_\_\_\_\_
2. sangat selesa tandas ini OKU  
Ayat: \_\_\_\_\_



**C**

1. di dalam awam disediakan kerusi khas OKU pengangkutan  
Ayat: \_\_\_\_\_
2. kerusi tiang di hadapan pemegang disediakan  
Ayat: \_\_\_\_\_

**D**

1. mendapat golongan OKU diskaun kad  
Ayat: \_\_\_\_\_
2. awam 50 peratus tambang golongan OKU diskaun pengangkutan mendapat  
Ayat: \_\_\_\_\_



**Munshi Cilik**

Ayat tunggal ialah ayat yang mempunyai satu subjek dan satu predikat.

Contoh: Ali membasuh kasut sekolah.



**Aktiviti**

Membina ayat tunggal dengan menyusun perkataan semula.



- Bimbing murid membina ayat tunggal mengikut konteks.





### Sukarelawan Berjasa

Isi tempat kosong dengan kata majmuk bebas.

warga emas

ambil tahu

anak yatim

- 1 Para belia perlu memberikan lebih perhatian kepada \_\_\_\_\_ yang berumur 12 tahun ke bawah.
- 2 Para belia yang prihatin perlu menghulurkan bantuan kepada \_\_\_\_\_.
- 3 Sumbangan berbentuk barangan dan \_\_\_\_\_ dapat mengurangkan beban mangsa banjir.
- 4 Belia yang baik hati hendaklah \_\_\_\_\_ tentang kebajikan masyarakat sekeliling.
- 5 Sukarelawan digalakkan \_\_\_\_\_ warga emas selepas memberikan bantuan.
- 6 Para sukarelawan boleh beramah mesra dengan anak-anak yatim semasa \_\_\_\_\_.

bertanyakan khabar

wang ringgit

menjamu selera

### Pahlawan Terbilang

Baca petikan di bawah dan jawab soalan yang diberikan. Kemudian, imlakkan perenggan yang dibaca oleh guru.

Mat Kilau terkenal dengan gelaran pahlawan. Beliau merupakan anak jati kelahiran Kampung Pulau Tawar, Pahang.

Nama Mat Kilau meniti di bibir rakyat kerana tercatat dalam lipatan sejarah negara. Beliau berperang menentang askar Inggeris dan Siam di sekitar Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Dalam pertempuran yang berlaku dengan askar penjajah Inggeris, beliau hanya menggunakan kayu dan buluh selain keris dan parang. Beliau juga bijak memperdayakan musuh dengan cara membuat helah bela diri untuk menyelamatkan diri.

Mat Kilau mahir dalam ilmu persilatan menggunakan keris dan parang. Sikap beliau sebagai seorang pemimpin terserlah kerana ketegasan beliau, berpandangan jauh dan berfikiran matang. Beliau meninggal dunia pada usia 122 tahun.



(Sumber: Talib Samat dan Azhar Wahid, 2013. *Menelusuri Perjuangan Tiga Tokoh Pahlawan (Rawa) Pahang: Tok Shahrom, Tok Gajah dan Mat Kilau*. Perak: Penerbit Mentari.)

1. Siapakah nama pahlawan ini?
2. Dari manakah beliau berasal?
3. Apakah alatan yang mahir digunakan oleh beliau?
4. Bagaimanakah cara beliau menghadapi cabaran menentang penjajah Inggeris?
5. Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu menentang musuh negara?



## Pengukuhan

### Tisu Jalur Gemilang

#### Tugasan:

- Hasilkan tisu bendera yang menggunakan teknik ikatan dan celupan.

#### Bahan atau alatan:

- Sediakan tisu, cat air, berus lukisan, tali atau getah.

#### Cara Membuat:

1. Ikat tisu dengan tali atau getah.
2. Warnakan bahagian-bahagian yang telah diikat.
3. Buka ikatan pada tisu.
4. Keringkan tisu.

#### Arahan:

- Tulis karangan autobiografi tentang “Aku Sehelai Tisu”.

Bahan seperti kain kapas putih dan kemeja-T juga boleh digunakan dalam aktiviti ini.



Aku sehelai tisu. Aku diperbuat daripada \_\_\_\_\_. Badanku berwarna putih.

Aku dibawa oleh tuan aku, Hadi, ke sekolah. Aku telah diwarnakan dengan warna bendera Malaysia, iaitu \_\_\_\_\_, \_\_\_\_\_ dan kuning.

Aku berasa gembira kerana badanku \_\_\_\_\_. Setelah diwarnakan, aku \_\_\_\_\_ di bawah cahaya \_\_\_\_\_. Aku telah dipilih oleh cikgu untuk dipamerkan. Hadi berasa \_\_\_\_\_ kerana menjadi contoh menghasilkan tisu berwarna bendera.

Akhirnya, aku telah dibingkaikan untuk dipamerkan pada Hari Kesenian peringkat sekolah.

# SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

TEMA  
6



Berbincang tentang gambar.



## Mendengar dan Bertutur

### Meluncur di Udara

Zara sedang belajar di dalam kelas. Guru Sainsnya masuk ke kelas. Kemudian...




3 kategori masa penerbangan paling lama

kategori pertandingan kapal terbang kertas

kategori jarak penerbangan paling jauh

Saya telah membuat kapal terbang bersayap lebar dan muncung yang lurus agar dapat meluncur di udara lebih lama.



Saya telah membuat kapal terbang bermuncung tirus dan sayap yang kurang lebar bagi membolehkan kapal terbang meluncur laju.



### Aktiviti

Ber cerita berdasarkan gambar dengan sebutan dan intonasi yang betul.

# Membaca


## Balai Cerap di Rumah

Zara sedang membaca rencana dalam majalah *Dewan Pelajar*.



Minat yang tinggi dalam bidang astronomi telah mendorong seorang penduduk kampung membuka balai cerap mini di rumahnya. Kedengaran agak pelik, bukan? Namun, begitulah yang dilakukan oleh Profesor Dr. Mahamarowi Omar, pemilik balai cerap di Kubang Rawa, Salor, Kota Bharu, Kelantan. Balai cerap tersebut dibina di pekarangan rumahnya.


Balai cerap mini yang dibina lengkap dengan binokular dan teleskop serta peralatan berteknologi tinggi. Sebanyak 15 buah teleskop pelbagai saiz telah ditempatkan di balai cerap mini tersebut. Kini, usaha tersebut telah mendapat pengiktirafan daripada Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) melalui projek Inovasi Sosial Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC).



Impian Profesor Dr. Mahamarowi adalah agar usahanya ini mampu memupuk kesedaran dan minat masyarakat dalam ilmu astronomi dan angkasa. Selain itu, beliau juga berhasrat untuk mengembangkan ilmu astronomi ini kepada segenap lapisan masyarakat.

Apakah yang Zara faham tentang rencana tersebut?

Saya \_\_\_\_\_ 😊



### Aktiviti

Membaca dan menerangkan kandungan rencana.



- Bimbing murid membaca dan menganalisis kandungan teks karya bukan sastera.

Strategi P&P: Pembelajaran Masteri  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Sains, Teknologi dan Inovasi






## Kuasa Kentang

### Pendahuluan

Zara dan rakan sekelasnya menyertai pameran sempena Minggu Sains, Teknologi dan Inovasi. Dengan bantuan guru kelas, mereka mengadakan pameran tentang kuasa kentang. Mereka bersama-sama menyiapkan bahan pameran kelas mereka.


#### Isi 1

- menyediakan peralatan
- bahan-bahan yang diperlukan
- menjalankan aktiviti bersama-sama



#### Isi 2

- memulakan uji kaji
- berpandukan langkah kerja
- melengkapkan litar



#### Isi 3

- berdiri di samping bahan pameran yang dihasilkan
- lampu LED menyala
- para penonton bertepuk tangan



### Penutup

Zara dan rakan-rakannya berasa gembira kerana dapat menyertai pameran Minggu Sains, Teknologi dan Inovasi dengan jayanya. Pengalaman ini tidak akan dilupakan oleh mereka.

### Aktiviti

Menghasilkan draf dan menulis karangan berpandukan kerangka dan gambar.

## Boleh Saya Bantu, Ibu?

Sudah beberapa hari singki di dapur rumah Zara tersumbat. Zara mencari maklumat daripada Internet untuk membantu ibunya, Puan Zurah.



1. Puan Zurah menggunakan pelocok.
  2. Singki di dapur Puan Zurah masih tersumbat. (**tetapi**)
- Ayat: Puan Zurah menggunakan pelocok **tetapi** singki di dapurnya masih tersumbat.



1. Zara melayari Internet menggunakan tablet.
  2. Ibu Zara melayari Internet menggunakan tablet. (**dan**)
- Ayat: \_\_\_\_\_.



1. Zara mengajak ibunya.
  2. Zara mencuba kaedah daripada Internet. (**untuk**)
- Ayat: \_\_\_\_\_.



1. Zara memasukkan serbuk penaik ke dalam lubang singki.
  2. Ibu Zara mencurahkan cuka. (**manakala**)
- Ayat: \_\_\_\_\_.



1. Zara berjalan ke arah singki.
  2. Zara membawa serbuk penaik. (**sambil**)
- Ayat: \_\_\_\_\_.



### Munshi Cilik

**Ayat majmuk** ialah ayat yang terdiri daripada beberapa ayat tunggal.

**Contoh:**

- (a) Zara mengemas rumah.
- (b) Ibu Zara mengemas rumah. (**dan**)  
Zara **dan** ibunya mengemas rumah.

### Aktiviti

Membina ayat majmuk berdasarkan ayat-ayat yang diberikan.



**Kelab Robotik**

Alif telah menyertai pertandingan robotik. Dia ingin berkongsi pengalaman dengan ayahnya.



**Munsji Cilik**  
Ayat penyata ialah ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan.



**Aktiviti**

Mengenal pasti ayat penyata dalam dialog. Kemudian, membina ayat penyata berpandukan gambar dan frasa.

## Mendengar dan Bertutur

### Tempat Letak Kereta Mesra Pengguna

Pada suatu hari, Zara menonton kembali rakaman video yang dirakam semasa berkunjung ke sebuah pasar raya.



### Aktiviti


Bercerita berdasarkan gambar dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.





## Membaca

### Oh, Telefonku!



7:35 AM

Oh, telefonku!  
Teknologimu pantas meluas  
tiada lagi setia melekat  
menjadi penunggu dinding  
kini dikau berkaki  
mampu ke mana-mana  
menabur bakti.


Oh, telefonku!  
murninya jasmu  
saat aku kerinduan  
ibu bapa yang berjauhan  
kau menghulurkan tanganmu  
memperdengarkan pesanan  
buat mewarnai kehidupan.

Oh, telefonku!  
Beruntung sungguh nasibmu  
dibawa mengharungi dunia  
berswafoto sini sana  
merakam saat indah  
buat tatapan mata  
jadikan kenangan.


#### Maksud Rangkap Pertama

Maksud rangkap pertama ialah teknologi telefon cepat berkembang maju. Dahulunya, telefon hanya berada di rumah. Pada masa sekarang telefon bimbit boleh dibawa ke mana-mana untuk memudahkan pemiliknya.

#### Maksud Rangkap Kedua

  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

#### Maksud Rangkap Ketiga

  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_



## Aktiviti

Mendeklamasikan sajak dan menyatakan maksud sajak.

## Tidak Basah Lagi Kasutku

Zara dan ibunya ke kedai untuk membeli kasut sekolah yang baharu.



“Encik, kami sedang mencari kasut sekolah yang kalis air. Adakah encik menjualnya?” tanya Puan Zurah.

“Ada, kasut tersebut diperbuat daripada getah  Namun, tidak selesa terpakai. Saya cadangkan puan dibeli kasut sekolah biasa yang diperbuat daripada kanvas. Kasut tersebut lebeh selesa dipakai,” terang jurujual.

Memang selesa, encik tetapi mudah basah apabila terkena air hujan,  balas Puan Zurah.

“Jika begitu, saya mengesyurkan puan membeli penyembur kalis air ini. penyembur ini dapat melindungi kasut daripada basah ketika hujan,” kata jurujual.

“Wah, bagusnya penyembur ini  Bagaimanakah menggunakannya ” tanya Zara.

“Kamu hanya perlu menggoncangkannya dan menyemborkannya pada kasut. Jarak semburan ialah 15 cm dari kasut. Biarkan selama sepuluh minit di bawah pancaran matahari. Bagi mendapatkan hasil yang lebih baik, kamu boleh menyemburkannya untuk lapisan kedua. Selepas itu, kamu boleh memakainya seperti biasa,  jelas jurujual.

“Oh, begitu cara menggunakannya! Mudah sahaja. Saya berharap kasut saya berseh dan tidak basah lagi jika hari hujan,” kata Zara.

### Aktiviti

Mengedit dan memurnikan teks.



**Robot Impian**

Zara dan kakaknya, Fika, mempunyai impian memiliki robot untuk membantu ibu mereka. Mereka telah berjumpa dengan robot impian mereka semasa berkunjung ke Pameran Inovasi Robotik.

**Cerita Fika**




Hai, kawan-kawan! Nama saya Robot Vakum. Saya dicipta dengan teknologi terkini. Saya mampu meringankan tugas membersihkan rumah.

Saya mampu membersihkan rumah setiap hari. Saya berupaya menyedut segala kotoran. Tuan saya hanya perlu menekan suis untuk menggerakkan saya.

Saya akan bergerak secara automatik ke setiap sudut di dalam rumah. Apabila pergerakan saya terhalang, saya akan bertukar arah.

Badan saya berbentuk bulat dan nipis. Bentuk ini memudahkan saya membersihkan kotoran di ruang yang sempit seperti di bawah kerusi dan meja.

**Cerita Zara**



Hai, kawan-kawan! Nama saya Robot Pengelap. Saya dicipta dengan teknologi moden. Saya mampu

Saya mampu mengemop lantai setiap hari. Saya berupaya

Saya akan bergerak secara automatik ke setiap sudut di dalam rumah. Apabila

Badan saya berbentuk

**Aktiviti**

Mengubah suai cerita dan mempersembhkannya.



## Tatabahasa

### Mudahnya Menyiram

Alif, kawan Zara, berbual-bual dengan ayahnya yang sedang memasang alat pemasa siraman.

Alif: Ayah sedang buat apa?

Ayah: Ayah sedang memasang alat pemasa siraman.

Alif: Di manakah ayah hendak memasang alat ini?

Ayah: Ayah hendak memasang alat pemasa siraman ini di sebelah paip air penjuru sana.

Alif: Mengapakah ayah memasang alat ini?

Ayah: Ayah memasang alat ini untuk memudahkan kerja siraman tanaman kita.

Alif: Bagaimanakah alat ini berfungsi, ayah?

Ayah: Alat ini berfungsi secara automatik.

Alif: Wah, bagusnya alat ini! \_\_\_\_\_?

Ayah: Alat ini berfungsi untuk menyemburkan air mengikut masa yang telah kita tetapkan.

Alif: Berapa lamakah tempoh siramannya, ayah?

Ayah: Tempoh siramannya ayah tetapkan selama dua minit sahaja.

Alif: \_\_\_\_\_?


Ayah: Alat ini akan menyiram tanaman sebanyak dua kali sehari.

Alif: \_\_\_\_\_?

Ayah: Alat siraman ini akan mula menyiram tanaman kita pada pukul 8:00 pagi dan 7:00 malam.

Alif: Terima kasih, ayah, kerana memberikan penerangan.

Ayah: Sama-sama.



#### Munshi Cilik

**Ayat tanya** ialah ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal berdasarkan nada suara dan penggunaan perkataan tertentu.



## Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat tanya.

Nota Guru  
5.3.2  
(ii)

- Bimbing murid memahami dan membina ayat tanya mengikut konteks.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Kreativiti dan Inovasi



## Nat Berpenunjuk

Pada waktu petang, Alif ingin menunggang basikalnya untuk bersiar-siar.

**1**



Mengapakah basikal saya tidak seimbang?

menunggang

Alif menunggang basikal.

**2**



Aduhai, kempis pula tayar ini!

melihat

**3**



Terima kasih, ayah, kerana membantu saya. Apakah keistimewaan nat ini?

membantu

**4**



Nat ini mempunyai penunjuk tekanan angin.

memasang

**5**



Nat berpenunjuk ini mempunyai tiga warna. Hijau menunjukkan tekanan angin mencukupi. Kuning pula menunjukkan tekanan angin perlu ditambah. Jika warna merah, tekanan angin tiada dalam tayar.

memberitahu

**6**

Ramalkan kesudahan cerita ini dengan menggunakan ayat aktif.

### Aktiviti

Menaakul gambar dan membina ayat aktif.

## Mendengar dan Bertutur

### Kit Penanaman Mudah Alih

Zara menolong ayahnya memasang kit penanaman mudah alih.

#### Situasi 1

Zara, boleh tolong ayah pasang kit penanaman mudah alih ini?

Zara, bantu ayah isi tangki di bawah ini dengan air bercampur baja.

Sebenarnya, kaedah penanaman ini tidak menggunakan tanah.

Boleh, ayah. Saya akan menolong ayah memasang kit penanaman mudah alih ini.

Baiklah, ayah. 😊

Oh, 😊

#### Situasi 2

Zara, mari kita tolak kit penanaman ini ke tepi tingkap sana. Kemudian, masukkan kapas ke dalam cawan hidronik dan letakkan biji benih.

Zara, hidupkan suis pam supaya air dapat mengalir melalui saluran paip penanaman.

### Aktiviti

Mendengar, menyebut semula dan melakonkan dialog di atas.



## Mesin Lipat Pakaian

Zara dan keluarganya sedang membaca surat khabar tentang mesin lipat pakaian.

# BERITA SEMASA

www.suratkhbar.com

18 JULAI 20□□

**JOHOR BAHRU**, 18 Julai - Sebuah mesin lipat pakaian menjadi tumpuan orang ramai. Mesin tersebut telah dipamerkan di Festival Sains, Teknologi dan Inovasi. Kini, mesin tersebut mesin tercanggih kerana menggunakan teknologi robotik.

Menurut pengurus jualan di festival tersebut, selain mampu melipat pakaian, mesin ini juga berfungsi sebagai seterika wap. Oleh itu, mesin lipat pakaian ini dapat membantu meringankan tugas.

Mesin tersebut mampu melipat dan menggosok sebanyak sepuluh helai pakaian pada satu-satu masa.

Pakaian tersebut perlu digantung pada penyepit khas. Kemudian, pakaian akan ditarik masuk ke dalam mesin satu demi satu. Di dalam mesin, satu alat khas akan menyemburkan pewangi pada pakaian yang digosok. Setiap pakaian hanya mengambil masa selama sepuluh saat untuk digosok dan dilipat.

## Mesin Lipat Pakaian Jadi Tumpuan



Pakaian yang telah siap dilipat kemas akan dikeluarkan melalui ruang khas pada bahagian bawah mesin tersebut. Inilah inovasi yang memudahkan tugas harian.

### Aktiviti

Membaca teks berita dengan gaya penyampaian yang sesuai.

## Pesanan Sampai di Rumah

Zara dan kakaknya baru pulang dari sekolah.

1



Ayat

- ♦ Zara menggunakan telefon pintar.
- ♦ Zara memesan nasi goreng dan minuman.
- ♦ Zara menggunakan media sosial.
- ♦ Zara menerima makanan yang dipesan di hadapan rumahnya.

Perenggan

Zara menggunakan telefon pintar. Dia memesan nasi goreng dan minuman kegemarannya menggunakan media sosial. Tidak lama kemudian, Zara menerima makanan yang dipesan di hadapan rumahnya.

2



Ayat

Perenggan

<ul style="list-style-type: none"> <li>♦ _____</li> <li>♦ _____</li> <li>♦ _____</li> <li>♦ _____</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>_____</li> <li>_____</li> <li>_____</li> </ul>
--	---

3



Ayat

Perenggan

<ul style="list-style-type: none"> <li>♦ _____</li> <li>♦ _____</li> <li>♦ _____</li> <li>♦ _____</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>_____</li> <li>_____</li> <li>_____</li> </ul>
--	---

### Aktiviti

Membina dan menulis ayat serta perenggan berdasarkan gambar.





## Tatabahasa

### Eh, Boleh Makanlah!

Encik Hasif dan Puan Zurah mengadakan majlis sambutan hari ulang tahun kelahiran Zara.

#### Ayat Susunan Biasa

Subjek

Predikat

1. Puan Zurah pembuat pelbagai jenis kuih.
2. Kuih-muih itu di atas meja.
3. Kuih-muih dibungkus dengan pembungkus istimewa.
4. Pembungkus istimewa boleh dimakan.
5. Pembungkus tersebut akan cair di dalam mulut.
6. Inovasi pembungkus ini sungguh hebat.

#### Ayat Songsang

1. Pembuat pelbagai jenis kuih Puan Zurah.
2. \_\_\_\_\_.
3. \_\_\_\_\_.
4. \_\_\_\_\_.
5. \_\_\_\_\_.
6. \_\_\_\_\_.

#### Ayat Songsang

Predikat

Subjek

Sangat mahir membuat kek Puan Zurah.  
 Dengan foto Zara kek sangat cantik. Dicitak di atas filem nipis foto Zara. Daripada rumpai laut filem nipis itu. Boleh dimakan semua hiasan pada kek.

#### Ayat Susunan Biasa

Puan Zurah sangat mahir membuat kek. \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_



#### Munshi Cilik

Ayat songsang ialah ayat yang susunannya berlawanan dengan ayat susunan biasa, iaitu predikat mendahului subjek.

Contoh:

Subjek

Predikat

1. Kek itu sangat enak. (ayat susunan biasa)
2. Sangat enak kek itu. (ayat songsang)



#### Aktiviti

Membina ayat susunan biasa dan ayat susunan songsang.



### Pembayaran Tanpa Tunai

Zara dan keluarganya ke **Pasar Raya Impian** untuk membeli barangan keperluan.



Ibu: Mari kita ke bahagian makanan. Ibu ingin membeli dua paket gula, **sekampit beras jenama Kejora**, dua botol sos cili Delima dan tiga tin susu cair.

Zara: Baiklah, ibu. Bolehkah saya dan Fika membeli sebuku roti? Kami mahu bersarapan **roti bakar** pada pagi esok.

Ibu: Boleh, Zara. Ayah akan membayarnya menggunakan kaedah pembayaran tanpa tunai.

Zara: Apakah maksud pembayaran tanpa tunai, ayah?

Ayah: Maksudnya, **kita** melakukan pembayaran menggunakan kad debit. Pembayaran akan dipotong daripada akaun bank.

Fika: Ibu, Puan Khoo akan berkunjung ke rumah kita petang nanti. Beliau akan datang bersama-sama dengan anaknya. Apakah yang akan kita hidangkan?

Ibu: Kita belikan mereka sebiji kek dan **sesikat pisang**.

Fika: Ibu, boleh saya membeli sekotak coklat untuk Li Yen? Dia akan menyambut ulang tahun kelahirannya esok.

Ibu: Ya, boleh, Fika. Selepas ini, ibu ingin membeli seekor ayam, seikat sawi dan beberapa **tongkol jagung**.

Sejam kemudian, mereka pun menuju ke kaunter pembayaran.

Zara: Wah, mudahnya ayah membuat pembayaran tanpa tunai! Kita akan lebih selamat kerana tidak perlu membawa wang tunai yang banyak.



### Aktiviti

Membaca petikan dan mengenal pasti kata nama am, kata nama khas, kata ganti nama serta penjodoh bilangan. Kemudian, membina ayat menggunakan perkataan yang dicetak berwarna.



# Pemulihan

## Di Manakah Kucingku?

Kenal pasti kata nama am yang terdapat dalam petak bersilang. Kemudian, bina ayat menggunakan perkataan tersebut.

Panduan:

- Gunakan gambar sebagai panduan.
- Cari perkataan yang dikehendaki secara melintang atau menegak.

Kucing Roshini telah hilang. Namun, dia bernasib baik kerana kucingnya telah dipakaikan alat pengesan sistem kedudukan sejagat atau GPS. Dia telah menggunakan telefon bimbit untuk mencari kucingnya. Semasa mencari kucingnya, Roshini telah menemukan...

**Mula**

B	A	N	E	K	E	D	A	I	J	I	N
T	J	A	L	E	B	A	N	G	A	U	S
S	E	K	O	R	A	H	I	T	M	P	A
I	J	A	N	E	P	G	L	M	B	O	N
N	A	M	O	T	O	S	I	K	A	L	P
T	N	A	T	A	K	A	N	O	T	I	R
D	T	E	N	L	O	R	I	B	A	S	S
C	A	W	A	M	K	A	R	S	N	A	T
G	S	E	K	O	L	A	H	I	T	A	N

**Tamat**



### Info

GPS ialah singkatan bagi *Global Positioning System*. GPS menentukan kedudukan objek dengan bantuan satelit.



## Mudahnya Menyukat

Baca teks dan lengkapkan Peta Dakap.

Kini, terdapat inovasi bagi alat penyukat. Pembuat kek dan pastri pasti memerlukan sudu istimewa ini. Sudu ini merupakan sudu berpenyukat digital.

Alat ini mempunyai bentuk yang menarik dan unik. Pemegangnya diperbuat daripada keluli tahan karat dan plastik yang berkualiti. Sudu ini ringan sahaja. Berat bahan yang disukat akan dipaparkan melalui skrin yang jelas.



Sudu berpenyukat digital ini banyak keistimewaannya. Antaranya termasuklah dapat menimbang dengan cepatnya dan tepatinya. Pengguna pasti berasa gembira kerana sudu ini senang digunakan dan mudah disimpan.



**Sudu Penyukat**

Ciri-ciri

{ \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Keistimewaan

{ \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_





### Perekat Segar

Tahukah kamu akan perekat segar? Perekat segar ialah penyegar buah-buahan. Perekat tersebut merupakan satu produk hasil ciptaan anak tempatan.

Perekat segar diperbuat daripada bahan yang berasaskan organik dan disalut dengan lilin lebah. Bahan-bahan ini akan mengeluarkan etilena, iaitu hormon pematangan. Hormon ini dapat melambatkan proses kematangan buah.

Perekat ini berbentuk bulat dan mampu mengekalkan kesegaran buah-buahan sehingga dua minggu. Selain itu, perekat ini juga dapat melindungi buah daripada penyakit dan serangan kulat. Serangan penyakit dan kulat pada buah ini biasanya berlaku semasa proses penghantaran dan penyimpanan.


Hasil ciptaan ini dapat membantu pengguna menyimpan buah-buahan yang dibeli lebih lama. Di samping itu, peniaga buah juga dapat mengelakkan kerugian akibat buah-buahan yang cepat rosak. Antara buah yang sesuai ditampal dengan perekat ini termasuklah mangga, buah naga, epal, pir, betik dan oren. Perekat segar ini boleh digunakan sekali sahaja.

(Sumber: <https://www.thevocket.com/stixfresh-pelekat-hebat-dari-malaysia-yang-kini-popular>)



**TEMA  
7**

**PERTANIAN DAN  
PENTERNAKAN**



Berbincang tentang gambar.



**BERITA TERKINI**

**PERANAN JURUTERA PERTANIAN**



HALAMAN 11





## Mendengar dan Bertutur

### Pesawah Moden

Encik Hasif membawa Zara dan Dina bertemu dengan rakannya, Encik Azli, pesawat moden.

Pak Cik Azli, apakah objek yang sedang terbang itu?

Itu dron, Zara.

Pak Cik Azli, apakah yang disemburkan oleh dron itu?

Dina, dron itu menyemburkan racun perosak di sawah padi.

Zara, apakah kelebihan penggunaan dron dalam bidang pertanian?

Bagaimanakah dron meringankan beban kerja petani?

#### Kelebihan Penggunaan Dron dalam Pertanian

Penggunaan dron dalam pertanian dapat menjimatkan tenaga kerja manusia. Dron dapat memantau kawasan pertanian yang lebih luas. Kawalan perosak juga dapat dijalankan secara berkelompok.

### Aktiviti

Memberikan respons tentang maklumat yang dibaca.





## Membaca

### Gurindam Keranamu Petani

Encik Hasif membawa keluarganya ke ekspo pertanian. Di sana, mereka menonton persembahan gurindam.

Duhai petani memerah keringat,  
Bertemankan tulang empat kerat.

Keranamu petani kami pun kenyang,  
Kehidupan kami bertambah senang.

Wahai petani tingkatkan potensi,  
Bersama-sama kita berinovasi.

Dron digunakan menabur baja,  
Bijak petani mudahkan kerja.

Petani moden meningkat hasilnya,  
Teknologi baharu dimanfaatkannya.

Sekiranya petani sudah berjaya,  
Tandanya negara semakin kaya.

Senja pun sudah mula menjelang,  
Ayuh petani marilah pulang.

Gurindam ini bercerita tentang sumbangan petani kepada pertanian negara. Bidang pertanian ialah sumber makanan negara. Bidang ini juga menjanakan ekonomi negara. Pelbagai inovasi telah dihasilkan dalam bidang pertanian. Teknologi ini memudahkan kerja petani pada masa kini.



Jom Imbas



Apakah sumbangan petani dalam memajukan pertanian negara?



## Aktiviti

Melakukan gurindam dengan gaya yang sesuai.

Nota Guru  
2.3.2


- Bimbing murid membaca karya sastera dan karya bukan sastera dengan gaya penyampaian yang sesuai.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Bahasa



## Alat Semaian Automatik

Zara, Dina dan Alif melawat ke pusat semaian milik Encik Harun. Di sana, mereka telah melihat alat semaian.



Encik Harun: Selamat datang Alif, Dina dan Zara ke pusat semaian benih sayur-sayuran. Ini alat semaian yang baru sahaja pak cik beli. Alat ini ciptaan syarikat anak tempatan.

Zara: Apakah kegunaan alat ini, pak cik?

Encik Harun: Alat ini untuk memudahkan proses penyemaian biji benih.

Dina: Bagaimanakah alat ini berfungsi, pak cik?

Encik Harun: Begini, Dina. Mula-mula, masukkan biji benih ke dalam alat ini. Tujuannya untuk meratakan biji benih. Kemudian, letakkan alat ini di atas bekas semaian. Biji benih akan diisikan secara serentak ke dalam bekas semaian.

Alif: Wah, kerja semaian akan menjadi lebih pantas! Lebih banyak biji benih dapat disemai.

Encik Harun: Betul, Alif. Jumlah pengeluaran sayur-sayuran daripada kebun ini juga akan meningkat.

Zara: Nanti, bolehlah kita memetik sayur-sayuran di sini.

Encik Harun: Boleh, Zara.

Zara: Terima kasih, Pak Cik Harun.



1. Siapakah yang mencipta alat semaian itu?
2. Apakah kegunaan alat semaian?
3. Nyatakan cara penggunaan alat semaian tersebut.
4. Mengapakah alat tersebut dikatakan dapat meningkatkan pengeluaran sayur?
5. Pada pendapat kamu, bolehkah alat ini mengurangkan beban kerja manusia? Mengapa?

### Aktiviti

Menjawab soalan pemahaman.

**Hasil dari Kebun**

Puan Zurah dan Zara menziarahi Puan Fazrina di rumah. Mereka membawa buah delima dari kebun sebagai **buah tangan**. Zara membantu Puan Fazrina menghidangkannya. Puan Fazrina memuji sikap Zara yang **ringan tulang**.

**tangan**

nun      nga      😊      😊

**buah**

ha      😊      wau      😊

**tulang**

nga      😊      wau      😊

**ringan**

nun      nga      😊      😊

Rujuk halaman 48 untuk menyebut huruf yang bertanda 😊.

**Aktiviti**

Mengecam dan menulis huruf tunggal dalam tulisan Jawi.



- Bimbing murid mengenal, mengecam dan menyebut huruf tunggal yang ditulis dalam tulisan Jawi berdasarkan simpulan bahasa dan mempersembahkannya dalam bentuk tulisan. Pensel khat dan buku garis lima boleh digunakan untuk penulisan Jawi.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Bahasa





## Buah Tangan Petani

Zara, Alif dan Dina membantu Pak Hamid membawa beberapa tandan pisang pulang dari kebunnya. Oleh sebab sikap **ringan tulang** mereka, Pak Hamid menghadihkan pisang itu sebagai **buah tangan**.

ريغن تولع

ريغن تولع

بواه تاغن

بواه تاغن

### Info

Setelah murid mahir penulisan huruf ر dan ن di sebelah, murid digalakkan mencuba penulisan huruf ن dan ر di bawah.

ريغن تولع

بواه تاغن

### Aktiviti

Menulis dan mempersembahkan simpulan bahasa dalam seni tulisan Jawi.

**Jurutera Pertanian**

Zara baru pulang dari sekolah. Dia menghadiri ceramah tentang kerjaya dalam bidang pertanian.



Zara baru pulang dari sekolah. Selepas mengurus diri, dia ...

**Aktiviti**

Ber cerita menggunakan kata kerja yang diberikan.

Nota Guru  
5.1.2  
(i)

▪ Bimbing murid memahami dan menggunakan kata kerja aktif transitif dan tak transitif mengikut konteks.

Strategi P&P: Pembelajaran Konstruktivisme  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Nilai Murni - Hemah Tinggi



## Tepung Kulit Pisang

Zara membaca surat khabar tentang penghasilan tepung daripada kulit pisang.

1



Kulit pisang **dibersihkan** bagi membuang kotoran.

2



Kulit pisang **dipotong** daripada isinya.

4

Kulit pisang **dipanggang** di dalam mesin pengering.



3

Kulit pisang **dididihkan** ke dalam air panas dan garam.



5



Kulit pisang **dipukul** ke dalam mesin pengisar.

6

Akhirnya, kulit pisang yang telah **dipukul** menjadi tepung.



(Sumber : Kolej Komuniti Chenderoh)

### Aktiviti

Melengkapkan ayat menggunakan kata kerja.



### Info

Tepung kulit pisang boleh menggantikan tepung gandum bagi menghasilkan pelbagai jenis kek dan roti. Roti yang dihasilkan itu juga lebih gebu dan lembut.



## Mendengar dan Bertutur

### Penyediaan Bongkah Cendawan

Zara menyertai lawatan ke pusat penghasilan bongkah cendawan. Dia mendengar taklimat yang disampaikan oleh Puan Ayu, pegawai pertanian.

Murid-murid, sila tonton video ini.

Adakah kamu berminat untuk membuat bongkah cendawan? Mengapa?



#### Kelebihan Menggunakan Bongkah Cendawan



mudah dibawa ke mana-mana

pengeluaran hasil dapat dikawal

mudah dijaga

dapat digunakan berulang kali

#### Produk Berasaskan Bongkah Cendawan



### Aktiviti

Memberikan alasan tentang perkara yang dibincangkan.



## Cara Membuat Penggalak Tumbuhan

Cikgu Shah mengedarkan artikel tentang cara membuat penggalak tumbuhan kepada murid-muridnya.

Penggalak tumbuhan berfungsi untuk menggalakkan kesuburan pokok selepas dibaja. Kita boleh membuat penggalak tumbuhan sendiri. Bahan dan peralatan yang diperlukan adalah seperti yang berikut.



- 1 Mula-mula, pecahkan telur ke dalam bekas plastik.



- 2 Kemudian, tuang sebotol susu kultur ke dalam bekas tersebut.

- 3 Goncang sehingga sebati. Simpan dalam suhu bilik selama tiga hari.



**4** Penutup bekas plastik perlu dilonggarkan agar gas-gas yang terhasil dapat keluar.

**5** Selepas tiga hari, periksa keadaan larutan. Ambil dua hingga tiga sudu larutan tersebut dan tambahkannya dengan satu liter air ke dalam botol penyembur.



**6** Semburkan larutan pada daun pokok buah-buahan atau sayur-sayuran pada waktu pagi dan petang. Penggalak tumbuhan tersebut boleh digunakan antara satu hingga tiga kali seminggu.



Mengapakah penggunaan bahan semula jadi lebih baik daripada bahan kimia?



### Aktiviti

Membaca teks dengan sebutan dan intonasi yang sesuai. Kemudian, terangkan proses penghasilan penggalak tumbuhan.

Nota  
Guru  
2.1.1


- Bimbing murid membaca dan memahami petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.

Strategi P&P: Pembelajaran Konstruktivisme  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Kreativiti dan Inovasi



## Buah Kuning Telur

Jiran Zara, Encik Rahim, baru pulang dari Sabah. Beliau menghendahkan beberapa biji buah kuning telur sebagai oleh-oleh dari sana. Oleh sebab teruja, Zara terus mendapatkan maklumat tentang buah itu daripada Internet.




**BUAH KUNING TELUR**

Buah kuning telur mempunyai kepanjangan antara 6 cm hingga 7 cm. Kulitnya licin dan nipis. Semasa putik, kulitnya berwarna hijau. Buah yang telah masak berwarna kuning atau jingga. Bahagian pulpa buah ini pejal, manis dan berlemak setelah masak. Terdapat satu hingga empat biji kecil dalam sebiji buah. Buah ini mengandungi pelbagai nutrien seperti karotena, vitamin A, vitamin C, niasin, thiamin, karbohidrat, kalsium dan fosforus. Buah ini sesuai dimakan segar dan boleh dijadikan puding, jem atau kek cawan. Buah ini mudah didapati di Sabah dan di Sarawak.

(Sumber: Jabatan Pertanian Malaysia)

**Info**

Pulpa ialah bahagian isi buah yang lembut, berair dan mengandungi serat.



### Aktiviti

Membaca petikan dan melengkapkan grafik.





**Muzium Pertanian**

Zara mengikuti rombongan Kelab Warisan Budaya SK Putri Jaya melawat ke muzium pertanian.

- kini silam cantik lama bersih  
 awal kasar suntuk wangi segera



1  
 Cikgu Wani memuji ahli rombongan kerana tidak **lewat** dan tidak berbuat **bising**.



2  
 Rombongan mereka bertolak pada \_\_\_\_ pagi.



3  
 Semasa di hentian rehat dan rawat, beberapa murid \_\_\_\_ berjalan ke tandas. Tandas itu \_\_\_\_.



4  
 Selepas menempuh perjalanan yang \_\_\_\_, mereka tiba di muzium pertanian. Muzium itu kelihatan \_\_\_\_.



5  
 Mereka dapat melihat perkembangan pertanian negara sejak zaman \_\_\_\_.



6  
 Cikgu Wani yang \_\_\_\_ menerangkan cara penanaman padi.



7  
 Zara melihat lesung dan nyiru yang dipamerkan. Permukaan nyiru itu \_\_\_\_.



8  
 Mereka terus bergambar di hadapan muzium kerana masa semakin \_\_\_\_.



9  
 Zara bersyukur kerana pertanian \_\_\_\_ lebih moden dan lebih mudah.

**Aktiviti**

Bercerita tentang gambar menggunakan kata adjektif.

## Mendengar dan Bertutur

### Lembu Wagyu

Semasa mata pelajaran Bahasa Melayu, Cikgu Rizal meminta murid-murid melakukan situasi keadaan di sebuah kedai.

#### Promosi Daging Lembu Wagyu



#### Kelebihan daging lembu Wagyu

- kandungan kolesterol rendah
- mengandungi omega-3
- kandungan protein tinggi
- kaya dengan zat besi
- daging yang sangat lembut

Marilah beli daging ini. Daging ini mempunyai banyak kelebihan.



Adakah ibu ingin membeli daging ini?

Mengapa?

## Aktiviti

Bertutur untuk membuat keputusan dan memberikan alasan.



## Emas Borneo

Zara membaca kisah tentang seorang penternak empurau.

Pagi itu Puan Puri agak sibuk. Seorang pengusaha restoran akan datang mengambil ikan empurau yang telah ditempah beberapa hari yang lepas. Setiap kali mendapat tempahan ikan yang mendapat julukan “emas Borneo” ini, pasti Puan Puri akan sibuk di kolamnya.

“Awang, tangkap ikan yang telah bersih itu,” arah Puan Puri kepada pekerjaanya.

Pekerjanya menangkap ikan di dalam kolam yang paling jernih itu. Puan Puri menyediakan tiga buah kolam. Hal ini dilakukan bagi memastikan kebersihan ikan yang ditempah terjamin.

“Remi, nanti jangan lupa masukkan buah engkabang ini ke dalam kolam. Rasa ikan empurau di sungai sedap kerana ikan-ikan itu makan buah ini,” terang Puan Puri kepada pekerjaanya.

Setelah selesai memantau kerja-kerja di kolam, Puan Puri pergi ke stor sejuk bekunya. Di sana, beliau melihat ikan-ikan yang telah ditangkap dimatikan secara “ikejime” bagi memastikan kesegarannya. Ikan-ikan itu akan dipek secara vakum dan menjalani proses sejuk beku sebelum dieksport.

Akhirnya pengusaha restoran itu tiba. Dia mengambil tempahan dan membayar harga ikan tersebut. Puan Puri bersyukur dengan rezekinya pada hari itu.

### KEISTIMEWAAN IKAN EMPURAU PUAN PURI



- Ikan dijamin bersih
- Rasanya asli seperti ikan sungai
- Kesegaran ikan terjamin



#### Kamus Poket

**Ikejime** ialah proses mematikan ikan untuk mengekalkan kesegaran isinya.

buah engkabang



#### Ikan Empurau Puan Puri

bersih

Cara: menyediakan tiga buah kolam

\_\_\_\_\_

Cara: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Cara: \_\_\_\_\_



### Aktiviti

Membaca untuk melengkapkan carta.

## Tanduk Berharga

Zara teringat akan pengalamannya berkunjung ke ladang ternakan rusa.

Suatu hari, Zara dan rakan-rakannya mengikut ayah Zara, Encik Hasif, melawat ke ladang ternakan rusa. Ladang itu kepunyaan Encik Akbar. Di situ dia melihat banyak tanduk rusa yang terkumpul.



“Zara, pak cik membela rusa kerana ingin mendapatkan tanduknya. Tahukah Zara, tanduk rusa mempunyai banyak khasiat perubatan? Pengamal perubatan tradisional terutamanya dari luar negara ingin mendapatkan bekalan tanduk rusa,” jelas Encik Akbar.

“Pak cik, apakah khasiat tanduk rusa?” tanya Alif kepada Encik Akbar.

“Tanduk rusa boleh dijadikan kapsul untuk membantu melancarkan perjalanan darah. Selain itu, tanduk rusa dapat mengawal tekanan darah serta meningkatkan tahap sel darah merah,” terang Encik Akbar kepada Alif.

Kemudian, mereka dibawa ke pejabatnya. Menurut Encik Akbar, tanduk rusa mengambil masa setahun untuk tumbuh. Tanduk rusa yang telah matang akan gugur dengan sendirinya.

Zara dan rakan-rakannya menjamu selera bersama-sama dengan Encik Akbar. Hidangan istimewa pada hari itu ialah daging rusa bakar. Sebelum pulang, Encik Akbar menghadiahkan mereka sebungkus daging rusa sejuk beku.

(Sumber : Panduan Menternak Rusa Jenis Cervus Timorensis  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang)



### Aktiviti

Menulis ayat yang diimplakkan.



Nota  
Guru  
3.2.4
































- Bimbing murid menulis ayat dalam perenggan yang diimplakkan.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Kreativiti dan Inovasi



## Baja Ikan

Sepupu Zara, Aidil, **baik hati** kerana rajin membantu **ibu kandung**nya, Puan Zila. Mereka membuat baja ikan untuk dijual. Baja ini dihasilkan daripada ikan yang dicampur dengan larutan gula merah.

					<b>baik</b> ←
↓	↓	↓	↓	↓	
qaf		hamzah			
					<b>hati</b> ←
↓	↓	↓	↓		
			ha		
					<b>ibu</b> ←
↓	↓	↓	↓		
					
					<b>kandung</b> ←
↓	↓	↓	↓	↓	
		dal		kaf	

Rujuk halaman 48 dan 133 untuk menyebut huruf yang bertanda 😊.

### Aktiviti

Menyebut huruf tunggal dan menulis dalam bentuk tulisan Jawi.

## Inkubator Pintar

Zara melawat ke Pameran Inovasi Politeknik Malaysia. Dia menceritakan pengalamannya melalui satu muat naik status di akaun Facebook.

- dicipta **oleh** pensyarah Politeknik Nilai
- dikawal **dengan** telefon pintar
- memastikan suhu **dan** kelembapan sesuai
- memuatkan **sehingga** 500 biji telur
- penting **agar** dapat meningkatkan hasil penternak
- sesuai untuk telur ayam **atau** telur itik



### Cipta Siaran



Pada hari ini, saya telah melawat ke Pameran Inovasi Politeknik Malaysia. Saya dapat melihat mesin inkubator pintar yang dicipta oleh pensyarah Politeknik Nilai. Mesin ini ...



Foto/Video



Tag Rakan



Rasa/Aktiviti



### Gambar

+ Buat Album


Tambah Foto/Video



Foto Diri Anda

Foto Anda

Album



### Aktiviti

Membina ayat menggunakan kata sendi nama dan kata hubung.



- Bimbing murid memahami dan menggunakan kata hubung dan kata sendi nama.

Strategi P&P: Pembelajaran Konstruktivisme  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: TMK



## Zon Tanaman Buah-buahan

Lengkapkan jadual di bawah.



(Sumber: Statistik Tanaman 2018 Jabatan Pertanian)

	Negeri Pengeluar	Buah
1	Perlis	mangga
2	Kedah	
3	Pulau Pinang	
4	Perak	
5	Selangor	
6	Negeri Sembilan	
7	Melaka	
8	Johor	
9	Kelantan	
10	Terengganu	
11	Pahang	
12	Sarawak	
13	Sabah	


## Aplikasi AgriMaths Bantu Petani

Lengkapkan petikan dengan kata kerja pasif yang sesuai.

BERITA > Nasional

Selasa 11 Ogos 20□□ | 4:22 petang

Cari kata kunci 



**Serdang** – Satu aplikasi, iaitu AgriMaths, telah \_\_\_\_\_ oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Aplikasi berkenaan \_\_\_\_\_ berpandukan Buku Asas Matematik Pertanian yang \_\_\_\_\_ oleh Jabatan Pertanian sejak tahun 2014. Aplikasi berkenaan boleh \_\_\_\_\_ turun daripada Internet.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, sejak \_\_\_\_\_ April lalu, sebanyak 2,044 pengguna telah memuat turun aplikasi AgriMaths.

Aplikasi AgriMaths ialah cara memulakan tanaman seperti kiraan jumlah biji benih, jarak tanaman, aliran kewangan dan kejuruteraan pertanian. Aplikasi ini \_\_\_\_\_ menjadi pilihan para petani moden.

(Sumber: Berita Harian)

dijangka

dipasarkan

dimuat

dibangunkan

didirikan

dirasmikan

dimaklumkan

dilancarkan

dinyatakan

diterbitkan






# Pengukuhan

## Permainan Bahasa Interaktif


Secara berkumpulan, bina permainan bahasa berasaskan perisian Microsoft PowerPoint.



1 Muat turun fail yang berikut di alamat <http://gg.gg/projekpermainanbahasa>. Klik kanan dan klik pada "muat turun".



2 Buka fail itu dengan menggunakan perisian Microsoft PowerPoint.



3 Cari kata adjektif masa, perasaan, cara dan pancaindera yang lain dan tambhkannya ke dalam kotak.



4 Apabila telah selesai mengisi kata adjektif, persembahkan slaid dalam mod tayangan.

### CARA BERMAIN

- (i) Klik pada butang "TEKAN" untuk memulakan permainan.
- (ii) Klik sehingga pilihan berhenti pada salah satu kata adjektif. Jika tidak, ulangi langkah (i).
- (iii) Bina ayat dengan menggunakan kata adjektif yang terpilih serta pilihan frasa di sebelah kanan dalam masa yang ditetapkan.



Contoh: Zara berasa **tenang** melihat kehijauan **sawah padi**.



Sumber  
Ekonomi

Usahawan  
Kita

TEMA  
8

EKONOMI,  
KEUSAHAWANAN  
DAN PENGURUSAN  
KEWANGAN



Pengurusan  
Kewangan

Berbincang tentang gambar.



## Mendengar dan Bertutur

### Hasil Kita Berbeza

Kawan Zara, Alif dan keluarganya dalam perjalanan pulang ke kampung. Sepanjang perjalanan, mereka singah di beberapa tempat. Alif merakam beberapa keping gambar yang menarik. Kemudian, Alif menyusun gambar itu.

#### Kegiatan Ekonomi Masyarakat Bandar



pusat beli-belah



gudang pendorong




sektor perindustrian



pusat kewangan


#### Kegiatan Ekonomi Masyarakat Pedalaman



kraf tangan



perladangan



inap desa



penternakan

Bolehkah Alif jelaskan perbezaan pada dua lokasi gambar ini kepada ayah?

Pada pendapat Alif, kawasan manakah yang menjadi pilihan Alif? Mengapa?



Boleh, ayah. Masyarakat di bandar kebanyakannya bekerja di \_\_\_\_\_. Masyarakat di desa pula kebanyakannya bekerja dalam bidang \_\_\_\_\_.

Pada pendapat saya, \_\_\_\_\_ kerana \_\_\_\_\_.



### Aktiviti

Ber cerita berdasarkan gambar untuk menjelaskan dan membanding beza maklumat tersurat.

## Lokasi Unik dan Istimewa

Alif membaca surat khabar bersama-sama dengan abangnya. Mereka tertarik dengan beberapa lokasi yang unik dan istimewa di kawasan petempatan Orang Asli. Kemudian, mereka cuba membina pantun berdasarkan berita tersebut.

**SUNGAI SIPUT**, 15 Ogos – Kawasan ekopelancongan yang menarik telah sedia menerima kunjungan pelancong. Kawasan tersebut merupakan tempat tinggal Orang Asli di negara ini. Kawasan ini sesuai untuk pelancong berehat jauh daripada kesibukan kota.

Pelancong berpeluang untuk menginap di calet Pos Kuala Mu. Calet ini diusahakan sendiri oleh masyarakat Orang Asli di sana. Dengan terbinanya calet tersebut, peluang untuk meningkatkan ekonomi mereka terbuka luas. Ada antara mereka berpeluang untuk menjadi pemandu pelancong. Satu keunikan di sini ialah terdapat kedai makan di dalam sungai yang cetek.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk pelancong. Dengan hanya RM20, pelancong dibawa ke lokasi memancing ikan tengas. Terdapat juga aktiviti lasak untuk mereka yang gemar meneroka alam sekitar. Pelancong akan dibawa oleh penduduk setempat memasuki hutan yang berhampiran dengan caj RM10 seorang. Yang memiliki kemahiran seni anyaman, mereka boleh menghasilkan dan menjual hasil kerja tangan mereka.



### Aktiviti


Membaca teks dan pantun. Kemudian, melengkapkan Peta Buih.

### Rajinnya Mereka

Memasak keli di waktu senja,  
Dituang santan tiada berbaki;  
Orang Asli gigih bekerja,  
Hasil hutan menjadi rezeki.

Duduk melukis di hujung desa,  
Melukis bulan penuh perasaan;  
Mencari pakis tanduk rusa,  
Buat jualan pokok hiasan.

Pisang sesikat sedap dimakan,  
Digoreng minyak sawit tempatan;  
Rajin memukat pelbagai ikan,  
Hasil banyak jana pendapatan.





## Aku Sebatang Pokok Kelapa Sawit

Zara termenung sendirian. Dia membayangkan dirinya sebagai sebatang pokok kelapa sawit.

### Pendahuluan

Aku sebatang pokok kelapa sawit. Aku hidup subur bersama-sama dengan rakanku di sebuah ladang yang luas. Aku banyak berbakti kepada peladang. Aku memberikan peluang pekerjaan kepada ramai rakyat di negara ini.





### Isi 1

- mengeluarkan buah
- berbuah lebat
- dikait oleh peladang
- dikumpulkan di tepi jalan

### Isi 2

- dinaikkan ke lori
- dihantar ke kilang
- aku dikumpulkan
- dimasukkan ke dalam kilang






### Isi 3

- produk utama minyak masak
- dijual di pasar raya
- dibeli oleh seorang wanita
- digunakan untuk menggoreng makanan



### Isi 4

- diproses menjadi pelbagai produk
- banyak kegunaan
- minyak masak dan marjerin
- sabun dan lilin



### Penutup

Aku berasa bangga kerana dapat membantu kehidupan manusia. Selain menghasilkan pelbagai barangan kegunaan harian, aku juga mampu memberikan peluang pekerjaan kepada manusia. Ekonomi negara juga akan meningkat.

### Aktiviti

Menghasilkan draf dan menulis karangan berpandukan kerangka dan gambar.





## Harum Bagai Kasturi

Semasa menyertai lawatan sambil belajar ke Pameran Hasil Industri Kayu Malaysia, Zara telah membeli sebotol minyak wangi untuk **ibu kandung**nya. Minyak wangi tersebut diperbuat daripada gaharu. Sebagai anak yang **baik hati**, dia sering membelikan hadiah untuk ibunya. Ibunya gembira kerana minyak wangi tersebut harum bagai kasturi.



### Info

Setelah murid mahir penulisan huruf ق dan ک di sebelah, murid digalakkan mencuba penulisan huruf ق dan ک di bawah.

ایبو کاندوغ

بایق هاتی

ایبو کاندوغ

ایبو کاندوغ

بایق هاتی

بایق هاتی



### Aktiviti

Menulis simpulan bahasa menggunakan tulisan Jawi.

## Uniknya Pasar Terapung

Semasa di kampung, Pak Cik Ayub telah mengajak Alif sekeluarga melihat keunikan pasar terapung di Pengkalan Datu, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan.



Alif: Apakah keunikan pasar di sini, pak cik?

Pak cik: Pasar di sini **bukan** seperti pasar lain. Di sinilah kita dapat melihat **para** peniaga menjual segala jenis barang dari bot.

Alif: Perlukah kita naik ke bot untuk membeli, pak cik?

Pak cik: Tidak. Kita hanya perlu memberitahu peniaga barangan yang ingin kita beli. Kemudian, penjual akan menghulurkan semua barang kepada kita menggunakan sebuah bakul yang diikat pada hujung sebatang galah.

Alif: Wah, kreatifnya penduduk di sini menambah pendapatan! Adakah mereka berniaga pada \_\_\_ hari, pak cik?

Pak cik: Mereka \_\_\_ berniaga setiap hari. Peniaga di sini \_\_\_ seperti peniaga di pasar-pasar lain. Cuba Alif lihat di hujung sana, kelihatan \_\_\_ buah bot dan sampan digunakan oleh peniaga. Dari seberang sana pula, kelihatan \_\_\_ pengunjung sedang menaiki bot.

Alif: Pak cik, marilah kita membeli \_\_\_ barang yang dipesan oleh ibu dan mak cik. Banyak juga barang yang dipesan.

### Aktiviti

Melengkapkan ayat dengan kata nafi dan kata bilangan mengikut konteks.



## Jualan di Awan Biru

Alif dan keluarganya ingin pulang ke Johor Bahru. Alif menaiki kapal terbang dengan anggota keluarganya. Alif sangat teruja. Dia berkongsi pengalaman dengan rakannya, Rajiv melalui media sosial.

←  Rajiv  
dalam talian

▶   

Apa khabar, Rajiv? ✓✓

Khabar baik, Alif. Bagaimanakah dengan percutian kamu?

Saya **berasa** sangat seronok. Semasa dalam penerbangan, saya melihat pramugari mengadakan jualan. ✓✓

Wah, **jualan** di awan biru! Apakah barangan yang dijual mereka?

Mereka menjual makanan, minuman dan cenderamata. ✓✓

Bagaimanakah cara mereka menjual barangan mereka?

Pramugari **meletakkan** barang-barang yang ingin dijual di atas troli. Kemudian, mereka menolak troli tersebut. ✓✓

←  Rajiv  
dalam talian

▶   


Bilakah mereka mula menjual?

Barang-barang tersebut mula **dijual** setelah keadaan di dalam kapal terbang stabil. Ada juga penumpang yang telah membuat tempahan awal secara dalam talian semasa menempah tiket. ✓✓

Wah, hebat juga cara mereka **berniaga**! Pandai mereka mencari peluang untuk meningkatkan pendapatan syarikat penerbangan mereka.

Betul kata kamu. **Perniagaan** mereka memudahkan kita. Baiklah, Rajiv, nanti kita berhubung lagi. ✓✓



### Aktiviti

Mengkatégorikan kata berimbuhan dan membina ayat menggunakan perkataan yang dicetak berwarna.

## Mendengar dan Bertutur

### Mawar Mekar

Puan Azizah, Encik Selvan dan Puan Tan terlibat dalam rangkaian urus niaga bunga. Mereka mempunyai peranan yang berbeza tetapi saling bekerjasama.

#### Maklumat Tersurat

#### Maklumat Tersirat



#### Pemilik Ladang Mawar: Puan Azizah

- ◆ ladang yang luas dan moden
- ◆ ramai pekerja
- ◆ menjaga kualiti
- ◆ pelbagai jenis dan warna bunga ros

mendapat hasil yang banyak



menarik pelanggan



#### Pengedar Bunga: Encik Selvan

- ◆ vannya besar
- ◆ van dilengkapi kabin sejuk
- ◆ mengambil bunga awal pagi
- ◆ menghantar bekalan bunga mengikut jadual

boleh membawa banyak muatan



bunga segar



#### Penjual Bunga: Puan Tan

- ◆ kedai yang luas dan menarik
- ◆ harga jualan berpatutan
- ◆ jualan bunga segar
- ◆ perkhidmatan penghantaran ke rumah pelanggan

memberikan keselesaan kepada pelanggan



kualiti terbaik dan dijaga



### Aktiviti

Ber cerita berdasarkan gambar untuk menjelaskan dan membanding beza maklumat.



## Kuih Bulan Yaya

Jimi, kawan Zara, sedang membaca cerpen di ruang tamu rumahnya.


Yaya melepaskan nafas lega. Perbincangannya dengan pihak hotel telah membuahkan hasil. Walaupun kepenatan, beliau tetap ke pejabat. Semangatnya kian berkobar-kobar setelah salah sebuah hotel di Kuala Lumpur memintanya membekalkan kuih bulan kepada hotel tersebut.

Yaya teringat akan kenangan lima tahun yang lalu, permulaan kejayaannya pada hari ini.

“Yaya, tolonglah buat kakak kuih bulan. Bukan kakak tidak mahu membelinya di kedai, tetapi kakak mahu merasa kuih bulan daripada air tangan Yaya,” rayu Shima, kakak Yaya.

“Baiklah, kak. Yaya akan cuba membuatnya. Yaya akan membuat kuih bulan yang paling sedap untuk kakak,” kata Yaya kepada kakaknya sambil tersenyum.

Yaya memutarakan rim kerusi rodanya perlahan-lahan. Dia menuju ke bilik lalu membuka komputer riba. Yaya menghubungi rakannya dari negara China. Rakannya mengajar Yaya cara-cara membuat kuih bulan.





Tahniah, Yaya. Kuih bulan Yaya semakin diminati.

Setelah membeli semua bahan yang diperlukan, Yaya mula membuat kuih bulan berpandukan resipi yang diberikan oleh rakannya itu. Setelah siap, Yaya menghidangkan kuih bulan tersebut kepada kakaknya yang sedang sarat mengandung.

“Wah, sedaplah kuih bulan ini! Terima kasih, Yaya. Pandai Yaya membuatnya. Nanti kakak akan memuat naik gambar kuih bulan ini ke laman sosial. Kakak hendak tunjukkannya kepada rakan-rakan kakak,” kata Shima kepada Yaya.

Pada keesokan harinya, rakan-rakan kakaknya datang ke rumah. Sekali lagi Yaya menghidangkan kuih bulan kepada tetamunya. Yaya berasa bangga setelah dipuji oleh mereka. Sebelum pulang, beberapa orang tetamunya telah menempah kuih bulan daripadanya.

Dari situlah, perusahaan kuih bulan miliknya bermula. Tidak lama kemudian, kuih bulan buaatannya tular di media sosial. Akhirnya, perusahaannya mula berkembang dan mempunyai beberapa buah cawangan kedai menjual kuih bulan. Kini, kuih bulan buatan Yaya semakin popular. Kuih bulan tersebut boleh dibeli secara dalam talian di [kuih-muih.com.my](http://kuih-muih.com.my).







Kuih-Muih  
https://www.kuih-muih.com.my/produk

# Kuih-Muih

Cari di Kuih-Muih

E-Duit Ganjaran

Terdapat lebih 20 perisa yang berbeza

	<b>Kuih Bulan Tofi Kopi</b> RM14.00		<b>Kuih Bulan Red Velvet</b> RM15.00		<b>Kuih Bulan Pandan</b> RM13.00
	<b>Kuih Bulan Oreo</b> RM13.00		<b>Kuih Bulan Jed Emas</b> RM13.00		<b>Kuih Bulan Bijan Hitam</b> RM15.00

## Aktiviti

Membaca cerita dengan gaya penyampaian yang sesuai.

Nota Guru  
2.3.2

- Bimbing murid membaca karya sastera dan karya bukan sastera dengan gaya penyampaian yang sesuai.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Kreativiti dan Inovasi



## Tuah Musim Kemarau

### Pendahuluan

Encik Faizal tinggal di kampung. Kampungnya kawasan penanaman padi. Selepas musim menuai padi, Encik Faizal berpeluang untuk menambahkan pendapatannya dengan cara menangkap ikan di sawah padi.



- musim kemarau
- kawasan sawah padi menjadi kering
- membawa hasil lumayan kepada Encik Faizal
- giat mencari ikan di sawah padi



- menangkap ikan dengan kawan
- menggunakan serkap ikan
- mendapat pelbagai jenis ikan air tawar
- memasukkan ikan ke dalam kolam khas untuk menghilangkan bau lumpur



- menjual ikan di pasar tani
- ramai penggemar ikan air tawar
- menjadi tumpuan orang ramai
- harga berpatutan



- menghasilkan ikan kering dan ikan pekasam
- dibantu oleh isterinya
- mendapat sambutan menggalakkan
- semakin popular

### Penutup

Encik Faizal bersyukur kerana hasil usahanya itu dapat menyara kehidupannya sekeluarga. Bagi Encik Faizal, inilah buah musim kemarau.

### Aktiviti

Menghasilkan draf dan menulis karangan berpandukan kerangka dan gambar.

## Kompang Batu Pahat

Alif, kawan Zara, telah berkunjung ke bengkel perusahaan membuat kompang di Batu Pahat, Johor. Dia telah menemu bual pengusaha kompang tersebut.

### Proses Membuat Kompang



pilih kayu yang sesuai seperti **kayu halban**



kayu ditebuk untuk dijadikan **bingkai kompang**



kulit kambing yang dilekatkan pada **bingkai kayu** dijemur



**bulu kambing** dibuang



kulit kambing diinjak-injak untuk memudahkan proses meregang kulit kompang



kulit kambing dipakukan pada **bingkai kompang**



menggunakan **paku tekan** pada kain merah



kompang siap dan boleh digunakan

Mengapakah pak cik meletakkan proses membuat kompang pada papan kenyataan ini?

Sejak bilakah pak cik mengusahakan bengkel ini?

Bolehkah saya melihat proses membuat kompang?

Terima kasih, pak cik.

Proses itu untuk memudahkan pak cik memberikan tunjuk ajar kepada para pengunjung.

Pak cik mengambil alih perusahaan ini daripada bapa angkat sejak sepuluh tahun yang lalu.

Boleh, nanti pak cik tunjukkan.



### Aktiviti

Mengenal pasti kata majmuk yang terdapat dalam dialog. Kemudian, membina ayat menggunakan kata majmuk tersebut.





### Pengusaha Rumpai Laut

Zara sedang membaca kisah usahawan yang berjaya dari Sabah.



Encik Shah pengusaha rumpai laut bumiputera. Sebagai Setiausaha Persatuan Pengusaha Rumpai Laut, di Semporna, Sabah, beliau juga diberi tanggungjawab untuk membantu penduduk yang berminat dalam perusahaan ini.

tanggungjawab

Pada awalnya, beliau hanya mengusahakan kawasan seluas sepuluh hektar dengan lima orang kakitangan. Semua pekerjanya warganegara Malaysia. Beliau berasa yakin untuk membesarkan perusahaan tersebut setelah mendapat kerjasama daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).



kakitangan



Produk rumpai laut keluarannya telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa. Beliau telah menandatangani perjanjian untuk membekalkan rumpai laut ke negara matahari terbit, iaitu Jepun. Kini, anaknya secara sukarela telah mengikut jejak langkahnya menceburkan diri dalam bidang berkaitan rumpai laut.

tandatangan

kerjasama



### Aktiviti

Menyenaraikan kata majmuk dan membina ayat.

## Mendengar dan Bertutur

### Tabungku

Alif melihat poster semasa pameran Kelab Penabung Muda di sekolahnya. Banyak maklumat yang diperolehnya.

**Jom Menabung!**

**Pembahagian Wang Tabungan**

- Perbelanjaan Diri
  - bijak mengurus wang sendiri
  - melatih kita berjimat cermat
  - mendidik kita agar bijak berbelanja
  - bebas daripada masalah kewangan
- Simpanan di Bank
  - persediaan untuk masa hadapan
  - digunakan pada waktu kecemasan
  - simpanan dijamin selamat
  - mendapat dividen dan bonus

Pulang dari sekolah, Alif dan adiknya berbual-bual tentang tabung mereka yang sudah penuh.

Abang, tabung saya sudah penuh. Apakah yang perlu saya lakukan?

Ya, saya ingin tahu. Bolehkah abang menerangkannya?

Kamu boleh \_\_\_\_\_. Adakah kamu ingin tahu cara pembahagiannya?

### Aktiviti

Bersoal jawab untuk mendapatkan penjelasan.



## Jangan Terpedaya

Vishal, kawan Zara, sedang menyampaikan pidato di sudut pidato sekolahnya.

Selamat pagi dan salam sejahtera. Yang dihormati guru-guru dan rakan-rakan.

Hari ini, saya akan berbicara tentang penipuan melalui panggilan dan mesej palsu. Bagaimanakah penipuan ini berlaku? Pemanggil akan memperkenalkan diri mereka sebagai pegawai bank atau agensi penguatkuasaan. Mereka akan meminta mangsa memindahkan wang ke akaun tertentu.

Hadirin yang saya hormati,

Pemilik akaun akan terpedaya lalu memindahkan sejumlah wang ke dalam akaun pihak yang tidak dikenali. Keadaan ini akan menyebabkan mangsa kerugian. Oleh itu, kita perlulah berwaspada. Fikirlah dahulu sebelum bertindak.

Sebagai penyimpan yang bijak, kita perlu mengetahui bahawa Bank Negara Malaysia tidak pernah meminta maklumat peribadi atau maklumat kewangan kita. Bank Negara Malaysia juga tidak pernah meminta sesiapa pun memindahkan wang ke dalam akaun pihak lain. Selain itu, Bank Negara Malaysia tidak menyimpan wang orang ramai dalam mana-mana akaun.

Jika ada sebarang keraguan, kita boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan di talian 1-300-88-5465 atau e-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my). Semoga kita tidak menjadi mangsa penipuan. Saya akhiri pidato saya pada pagi ini dengan seloka bertajuk “Jangan Terpedaya.” Sekian, terima kasih.




Jom Imbas

Wahailah rakyat Malaysia  
Dengarkanlah ini seloka  
Banyak sudah telah berlaku  
Zaman ini ramai penipu

Buat panggilan minta wang  
Konon menyamar jadi pegawai  
Suruh balas tekan butang  
Duit lesap simpanan melayang

Sesal dulu pendapatan  
Sesal kemudian tiada gunanya  
Cekalkan hati teguhkan iman  
Minta petunjuk yang Maha Esa

Akhir kalam buat semua  
Hidup perlulah bijaksana  
Jangan mudah terpedaya  
Pujuk rayu di alam siber



### Aktiviti

Membaca teks pidato dengan gaya penyampaian yang sesuai.



## Perbelanjaan Keluarga

Zara dan keluarganya sedang bercuti di sebuah pusat peranginan. Dia berasa kagum akan cara ayahnya mengurus kewangan keluarga mereka.

Zara mengucapkan terima kasih kepada ayahnya kerana membawa keluarganya bercuti.

“Ayah, bagaimanakah cara ayah mengurus perbelanjaan keluarga kita ” tanya Zara.

“Mudah sahaja Zara Ayah cuma mencatat semua perbelanjaan setiap hari. Ayah juga akan membuat analisis perbelanjaan setiap bulan,” kata ayahnya.



Mengapakah ayah berbuat demikian pada setiap bulan? tanya Zara.

“Kita perlu membuat perincian perbelanjaan supaya kita tahu akan jumlah perbelanjaan dan lebihan wang setiap bulan.

Namun, ayah memberikan faksus kepada simpanan sebelum berbelanja. Ayah juga membuat tabungan untuk menghadapi kecemasan,” jelas ayahnya.

“Bagaimanakah pula jika tiada wang lebehan perbelanjaan pada bulan ini?” tanya Zara.

“Kalau begitu, ayah akan mengkaji semula setiap perbelanjaan. Ayah akan mengenal pasti perbelanjaan yang tidak perlu dan menyusun perbelanjaan semula supaya dapat menyimpan. Prinsip ayah ialah jangan berhutang untuk perkara yang tidak penting,” jelas ayahnya.

“Wah hebatnya ayah merancang Patutlah kita dapat bercuti di sini,” kata Zara sambil tersenyum.



## Aktiviti

Mengedit kesalahan ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan untuk memurnikan ayat.



- Bimbing murid mengedit dan memurnikan ayat daripada aspek ejaan, tanda baca dan penggunaan imbuhan.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
KBAT: Menganalisis  
EMK: Nilai Murni - Bertanggungjawab





## Bantu Ibu Berjimat

Puan Salma sedang berbual dengan anaknya, Alif.

Puan Salma menanya-nanyakan anaknya tentang barang keperluan yang ingin dibeli. Puan Salma berhasrat untuk membeli barang keperluan harian. Alif menolong ibunya menulis senarai barang yang ingin dibeli seperti sayur-sayuran, ulam-ulaman dan buah-buahan. Senarai barangan yang ditulis akan memudahkan ibunya membeli tanpa perlu teragak-agak.

Puan Salma ke ruang tamu lalu membelek-belek beberapa naskhah surat khabar. Beliau mencari iklan jualan murah. Beliau tertarik akan buah rambutan yang kemerah-merahan dan berhasrat untuk membelinya. Puan Salma menggeleng-geleng kepala melihat iklan tersebut. Rupa-rupanya, harga barang semakin naik. Beliau perlu merancang perbelanjaan agar dapat berjimat-jimat.

Alif pula membanding-bandingkan harga tawaran jualan murah dalam talian. Beliau susah memilih harga jualan yang murah kerana banyak pasar raya mengadakan promosi jualan secara besar-besaran. Mudah-mudahan usahanya itu dapat membantu ibunya. Alif masih ingat akan pesanan guru kelasnya agar bertolong-tolongan sesama anggota keluarga.



sayur-sayuran



ulam-ulaman



bertolong-tolongan



kemerah-merahan



### Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat menggunakan kata ganda separa mengikut konteks.



#### Munshi Cilik

**Kata ganda separa berimbuhan akhiran** ialah kata ganda yang menerima imbuhan akhiran.

**Contoh:** kenang-kenangan, doa-doa, tinggal-tinggalkan

**Kata ganda separa berimbuhan apitan** ialah kata ganda yang menerima imbuhan apitan.


**Contoh:** bersalam-salaman, membisik-bisikkan, ditinggal-tinggalkan

## Berhemat untuk Bercuti

Zara berbual-bual dengan Li Yen. Mereka berbual-bual tentang gambar yang diambil semasa mengunjungi karnival pelancongan dan percutian di Sabah.



- ◆ gembira ◆ karnival
1. Saya berasa sangat **gembira**.
  2. Saya dapat pergi ke **karnival** pelancongan.



- ◆ memalu ◆ bertepuk
1. \_\_\_\_\_
  2. \_\_\_\_\_



1. Ramai pengunjung yang datang.  
2. Suasana menjadi riuh-rendah. (**hingga**)  
**Ayat Majmuk**  
Ramai pengunjung yang datang **hingga** suasana menjadi riuh-rendah.



1. Kami mendapat hadiah.  
2. Kami mendengar penerangan jurujual. (**setelah**)  
**Ayat Majmuk**



1. Saya berasa sangat teruja ketika menaiki kapal terbang ke Sabah.  
**Ayat Tunggal**  
1. Saya berasa sangat teruja.  
2. Saya menaiki kapal terbang ke Sabah.



1. Kami tinggal di Inap Desa Kundasang supaya dapat menjimatkan perbelanjaan.  
**Ayat Tunggal**  
1. \_\_\_\_\_  
2. \_\_\_\_\_

### Aktiviti

Membina ayat tunggal dan ayat majmuk untuk melengkapkan cerita.



## Imaginasi Jadi Realiti

Sebut perkataan dan baca cerita dengan gaya penyampaian yang sesuai.



Encik Hasan usahawan. Beliau mengusahakan pembuatan simen fero. Simen fero ialah hasil gabungan simen, pasir, air dan rangka besi. Beliau belajar membuat simen fero di Pusat Latihan Giat Mara.

Encik Hasan bekerja di sebuah syarikat hiasan seni taman. Selepas itu, beliau membuka syarikatnya sendiri. Encik Hasan membuat simen fero sendiri.

Kini, syarikat milik Encik Hasan bertambah maju. Ramai pelanggannya berpuas hati dengan hasil kerja tangannya. Beliau banyak menggunakan kreativiti dalam menghasilkan reka bentuk simen fero.




## Jika Aku Kaya

Tulis draf berdasarkan grafik. Kemudian, lengkapkan penulisan.



Pendahuluan - Jika ditakdirkan aku kaya, aku... 

- Isi 1 - \_\_\_\_\_ 
- Isi 2 - \_\_\_\_\_ 
- Isi 3 - \_\_\_\_\_ 
- Isi 4 - \_\_\_\_\_ 

Penutup - Aku berharap... 



## Buku Skrap Saya

### Arahan:

- Hasilkan sebuah buku skrap.
- Tajuk buku skrap ialah **Usahawan Berjaya**.
- Bentangkan buku skrap kamu kepada rakan-rakan.
- Pamerkan hasil kerja kamu di dalam kelas.

### Panduan membuat buku skrap:

1. Kumpulkan bahan yang bersesuaian dengan tajuk daripada pelbagai sumber seperti surat khabar, majalah dan Internet.
2. Sediakan helaian kertas mengikut bilangan muka surat buku skrap yang ingin dibuat.
3. Tampalkan bahan-bahan pada helaian kertas mengikut kreativiti masing-masing.
4. Susun bahan mengikut kesesuaian.



TEMA  
9

**INTEGRITI**



Bagai isi  
dengan kuku



Masa itu emas



Kalau tidak dipecahkan ruyung,  
manakan dapat sagunya.

Menyatakan maksud peribahasa.



## Mendengar dan Bertutur

### Hulur Bantuan, Santuni Jiran

Zara telah menawarkan bantuan kepada jirannya, Puan Salma, yang kurang sihat. Dia membantu Puan Salma membeli ubat batuk.



sakit

wang

Pada suatu hari, Zara menziarahi jirannya yang sakit. Jirannya bernama Puan Salma. Puan Salma memberikan wang kepada Zara. Beliau meminta Zara membelikan ubat untuknya.



ubat

membayar




---



---



---



terima kasih

memulangkan




---



---



memuji

jujur




---



---

## Aktiviti

Ber cerita tentang gambar dengan sebutan dan intonasi yang betul.

## Sentiasa di Sisi

Zara dan Dina duduk di pondok bacaan sekolah. Mereka berdua membaca kisah pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) yang merupakan mahasiswi cemerlang di sebuah universiti.

Devika merupakan mahasiswi cacat penglihatan di sebuah universiti. Dia mempunyai seorang rakan baik bernama Sarah. Mereka mula berkawan baik sejak hari pertama mendaftar di situ. Sejak hari itu, Sarah selalu membantu Devika dengan ikhlasnya.

Setiap hari, Sarah akan memimpin Devika ke kelas. Dia akan memastikan Devika dapat belajar dengan selesanya. Devika bersyukur kerana mempunyai rakan yang bertanggungjawab seperti Sarah.

Di universiti, Devika merupakan mahasiswi yang cemerlang. Dia selalu membantu Sarah dalam pelajaran. Dia juga menasihati Sarah supaya terus gigih untuk berjaya. Setiap kali peperiksaan, mereka akan bersama-sama mengulang kaji pelajaran di perpustakaan.

Akhirnya, atas berkat kesungguhan, Devika dan Sarah telah menerima anugerah cemerlang. Mereka berpegang pada peribahasa, berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.



Bagaimanakah cara untuk membantu rakan yang kurang upaya?



### Aktiviti

Menceritakan petikan dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai.





## Kisah Si Penghantar Surat

Sekolah Zara mengadakan pertandingan menulis cerita pendek dalam tulisan berangkai. Zara menulis cerita tentang pekerjaan posmen.

Encik Nor Lisman seorang posmen. Beliau amat bertanggungjawab terhadap tugasnya. Setiap hari, Encik Nor Lisman akan memastikan semua surat siap dihantar ke lokasinya. Begitulah tugasnya pada setiap hari.

Pada suatu hari, seperti biasa beliau telah ditugaskan untuk menghantar surat berdaftar. Semasa dalam perjalanan, beliau kemalangan. Dalam keadaan sakit, beliau telah membuka peti motosikal dan menyelamatkan surat-surat yang dibawanya.

Apabila ambulans tiba, beliau tetap tidak melepaskan surat-surat tersebut sehinggalah beliau tidak sedarkan diri. Keesokannya, beliau sedar. Beliau terus mencari surat-suratnya walaupun dalam keadaan lemah. Beliau berasa panik kerana surat-surat tersebut tiada.

Tanpa dijangka, beliau dizarahi oleh ketuanya. Ketuanya memuji Encik Nor Lisman. Sebenarnya, surat-surat itu telah pun dihantar. Sikap amanah Encik Nor Lisman telah disiarkan dalam akhbar. Beliau telah menerima ucapan penghargaan dan sejambak bunga daripada Perdana Menteri.

*Berdasarkan kisah tersebut, orang yang melaksanakan tanggungjawabnya dengan bersungguh-sungguh akan sentiasa dihargai. Sikap bertanggungjawab menjadikan seseorang manusia dihormati dan disegani. Sikap sebegini perlu ada pada setiap warga.*




### Aktiviti

Menulis ayat dengan menggunakan tulisan berangkai.



## Bakat Asli

Zara berhasrat untuk menyertai pertandingan mengarang pantun anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Dia telah berjumpa dengan Cikgu Wani untuk mendapatkan tunjuk ajar.



### Situasi 1

Zara: Selamat pagi, cikgu. Maafkan saya kerana menggangu.

Cikgu Wani: Selamat pagi, Zara. Ada apa-apa yang boleh cikgu bantu?

Zara: Cikgu, saya **ada hati** untuk menyertai pertandingan menulis pantun kanak-kanak. Saya memerlukan pertolongan cikgu untuk menyemak **bekas tangan** saya ini.

Cikgu Wani: Tahniah, kamu berjaya menghasilkan pantun! Pantun ialah warisan bangsa yang **tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas**. Zara, cikgu ada kelas sekarang. Sebelum balik, kamu datang ke bilik guru.

### Situasi 2

Sebelum mula menulis Zara telah...



### Aktiviti

Mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa.



- Bimbing murid bercerita dan mengujarkan dialog yang mengandungi peribahasa.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Nilai Murni - Kejujuran



## Warga Kerja

Cikgu Wani mengadakan aktiviti Kerusi Panas di dalam kelas. Zara dipanggil ke hadapan untuk memainkan peranan sebagai jururawat.

guru

BAHASA MELAYU

- ◆ sekolah
- ◆ mengajar
- ◆ melahirkan murid berilmu

jururawat

- ◆ hospital
- ◆ membantu doktor merawat
- ◆ menjaga kesihatan masyarakat

polis



- ◆ balai polis
- ◆ mencegah jenayah
- ◆ menjaga ketenteraman awam

tentera



- ◆ kem tentera
- ◆ mengawal sempadan negara
- ◆ menjaga keselamatan negara

Apakah tugas guru?

Apakah tanggungjawab guru kepada negara?


### Aktiviti

Mengujarkan ayat tanya dan ayat penyata berpandukan maklumat.



- Bimbing murid memahami dan membina ayat tanya dan ayat penyata mengikut konteks.
- Bimbing murid menjalankan aktiviti Kerusi Panas.

Strategi P&P: Belajar Cara Belajar  
KBAT: Menilai  
EMK: Nilai Murni - Patriotisme

 Kerusi Panas



**Insan Contoh**

Zara menonton filem pendek tentang sikap masyarakat.

Pada suatu hari, Hakimi ke kedai untuk membeli roti. Selepas mengambil roti, dia pun ke kaunter. Dia ingin segera membayar harga roti tersebut.




terlupa

keluar

Oleh sebab ingin segera pulang,  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_.



Tiba-tiba, juruwang itu memanggil Hakimi. \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_.




**Aktiviti**

Membina ayat aktif berdasarkan gambar dan maklumat.

## Mendengar dan Bertutur

### Hari Minggu Saya

Cikgu Rizal menayangkan paparan video tentang aktiviti hujung minggu. Selepas menontonnya, murid dibahagikan kepada lima kumpulan. Setiap kumpulan melakonkan simulasi berdasarkan paparan tersebut.



### Aktiviti

Ber cerita tentang bahan yang ditonton.

- Bimbing murid menceritakan bahan yang ditonton dengan sebutan dan intonasi yang sesuai.
- Bimbing murid melakonkan jalur filem di atas.





# Menulis

## Kejayaanku

Zara menulis catatan diari tentang kejayaan pasukan hoki sekolahnya menjuarai pertandingan hoki peringkat daerah.

JADUAL LATIHAN PASUKAN HOKI SERI ASTANA				
Hari	Tarikh	Latihan	Masa	Jurulatih
Sabtu	4 Oktober	Latihan Kecergasan • Larian 2.6 km	5:00 petang- 6:45 petang	Cikgu Roslan
Ahad	5 Oktober	Latihan Asas • memukul bola • mengelecek bola	5:00 petang- 6:45 petang	Cikgu Ali
Isnin	6 Oktober	Latihan akhir dan taklimat jurulatih	5:00 petang- 6:45 petang	Cikgu Roslan dan Cikgu Ali
Selasa	7 Oktober	Perlawanan akhir dengan SK Seri Nilam	5:00 petang- 6:45 petang	Cikgu Roslan dan Cikgu Ali



Sabtu, 4 Oktober 20□□

---



---



---

Ahad, 5 Oktober 20□□

---



---

Isnin, 6 Oktober 20□□

---



---

Selasa, 7 Oktober 20□□

---



---

## Aktiviti

Menulis perenggan catatan berpandukan bahan multimedia.



- Bimbing murid untuk menulis ayat dan perenggan berpandukan bahan multimedia.

Strategi P&P: Pembelajaran Konstruktivisme  
KBAT: Menganalisis  
EMK: Nilai Murni - Bekerjasama



## Kuiz Pintar Ayat

Zara dipilih menjadi penjaga masa bagi pertandingan Pintar Bahasa. Sebagai penjaga masa, Zara juga bertanggungjawab menerangkan peraturan pertandingan.

### Hentian 1: Susun Suai

Masa: 2 Minit

Susun perkataan berikut menjadi ayat:

- (a) Susunan biasa
- (b) Susunan songsang

peralatan

menyimpan

Arif

sukan

### Hentian 1: Susun Suai

Masa: 2 Minit

Susun perkataan berikut menjadi ayat:

- (a) Susunan biasa
- (b) Susunan songsang

peralatan

menyimpan

Arif

sukan

Penjaga masa akan membunyikan loceng apabila masa tamat. Setiap kumpulan perlu bergerak ke hentian seterusnya. Setiap kumpulan dibenarkan bergerak dahulu jika berjaya menghabiskan aktiviti lebih awal. Pasukan yang telah selesai menjawab soalan perlu segera menyerahkan kad jawapan kepada pencatat masa.

## Hentian 2: Kenal Pasti Ayat

Masa: 3 Minit

Tandakan (/) pada susunan ayat berikut sama ada ayat susunan songsang atau susunan biasa.

Ayat	Susunan	
	Biasa	Songsang
1. Azim ke bilik guru.		
2. Mencatat buku yang dipinjam pustakawan itu.		
3. Sangat cantik beg Atikah.		
4. Dari kantin Zana dan rakan-rakannya.		
5. Ketua kelas itu Abdul Hakim.		
6. Perlu membersihkan kelas semua murid.		

## Hentian 3: Bina Ayat

Masa: 5 Minit

Tukar susunan ayat susunan biasa kepada ayat susunan songsang dan ayat susunan songsang kepada ayat susunan biasa.

1. Guru ibunya.
2. Ke perpustakaan Zara.
3. Murid itu sangat rajin.
4. Sungguh menyeronokkan buku cerita itu.
5. Pak Cik Saleh membeli jam baharu di pasar raya.

### Aktiviti

Mengenal pasti dan membina ayat susunan biasa dan ayat susunan songsang.

Nota  
Guru  
5.3.4

- Bimbing murid memahami dan membina ayat susunan biasa dan ayat susunan songsang.

Strategi P&P: Pembelajaran Masteri  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Nilai Murni - Bertanggungjawab



## Dedikasi Penjaga Jam

Zara ke kedai jam untuk memperbaiki jamnya. Di sana, dia terpandang keratan majalah tentang penjaga jam besar Menara Sultan Abdul Samad.

# PENJAGA JAM IKONIK

Encik V. Gunasegaran ialah penjaga jam Menara Sultan Abdul Samad. Jam itu telah mula **beroperasi / berusia** sejak tahun 1897. Setiap dua hari, jam itu akan **dikunci / disiapkan** dan disenggarakan oleh beliau.

Beliau mula **berkhidmat / berbuat** sebagai penjaga jam ini pada usia 19 tahun. Beliau ialah individu ketiga yang diberikan amanah **menjaga / menyimpan** jam itu. Tempoh masa tiga tahun **diambil / dibuang** oleh beliau untuk mahir menjaga jam tersebut.

Tugas beliau termasuklah **menarik / memusingkan** engkol sebanyak 300 kali pusingan. Hal ini dilakukan supaya pemberat loceng seberat 400 kg dapat **diturunkan / dinaikkan** ke atas. Selain itu, beliau juga mengunci jam, **menyelaraskan / menukar** waktu, membersihkan dan memeriksa keadaan jam.

Pada tahun 2016, Encik V. Gunasegaran telah **bersara / berhenti** setelah bertugas selama 41 tahun. Walaupun telah bersara, beliau berikrar akan **berkongsi / bertukar** kemahiran dan pengalamannya kepada pihak yang memerlukannya.



### Aktiviti

Menggunakan kata kerja yang betul. Kemudian, menyenaraikan kata kerja aktif transitif, kata kerja aktif tak transitif dan kata kerja pasif.




## Mendengar dan Bertutur

### Bersusah Dahulu Bersenang Kemudian

Alif, kawan Zara, dalam perjalanan pulang dari sekolah bersama-sama dengan ibunya. Mereka mendengar kisah kejayaan seorang peniaga nasi lemak.

Pendengar sekalian, saya mula menjual nasi lemak di tepi jalan. Ketika itu jualan saya kurang laris. Ada ketikanya pendapatan saya tidak cukup untuk menampung modal harian. Kemudian, seorang rakan menasihati saya untuk membuat kelainan. Saya memakai kostum adiwira semasa menjual nasi lemak. Walaupun berasa malu pada mulanya, saya melakukannya untuk melipatgandakan hasil jualan. Gerai saya juga telah tular dalam media sosial. Akhirnya, saya mengambil keputusan untuk menyewa sebuah kedai dan menamakannya Restoran Adiwiraku. Kini, saya mempunyai lima orang pekerja. Saya dapat menjual pelbagai jenis makanan. Nasihat saya kepada pendengar, kita perlulah berani untuk membuat perubahan jika ingin berjaya.



Ceritakan kisah yang telah kamu dengar tadi.



## Aktiviti

Menceritakan sesuatu perkara yang didengar.



- Bimbing murid memberikan respons terhadap sesuatu yang diujarkan semula dalam situasi tidak formal.

Strategi P&P: Kecerdasan Pelbagai  
KBAT: Mengaplikasi  
EMK: Keusahawanan





## Anak Peladang dan Takar Wang

Zara membaca buku cerita untuk mengisi buku NILAM.

Pada zaman dahulu, tinggal seorang peladang bernama Pak Wahid dan isterinya, Mak Senah. Mereka mempunyai seorang anak bernama Awang. Satu hari, Pak Wahid jatuh sakit. Dia telah meninggalkan wasiat bahawa di ladang mereka ada tertanam sebuah takar yang berisi wang.

Tidak lama kemudian, Pak Wahid meninggal dunia. Kehidupan Mak Senah dan Awang menjadi susah kerana tiada siapa mengusahakan ladang itu. Tiba-tiba, Awang teringat akan wasiat bapanya.

Dia segera menggali dan membersihkan kawasan ladang. Awang bekerja dengan tekunnya. Sebelum matahari terbit dia akan ke ladang dan hanya kembali ke rumah lewat petang.

Apabila ladang itu telah bersih, Awang mula bercucuk tanam dengan pelbagai jenis tanaman. Awang sudah tidak peduli dengan wasiat itu. Dia hanya memikirkan cara untuk menjaga kebajikan keluarganya.

Selepas melihat sikap rajin Awang, Mak Senah menceritakan hal sebenar kepada Awang. Awang terkejut, namun dia bersyukur. Jika tidak kerana wasiat itu, dia pasti akan membiarkan ladang itu.

Sejak itu, kehidupan Mak Senah dan Awang berubah. Hasil ladang mereka juga semakin meningkat. Fahamlah Awang pesanan sebenar yang ingin disampaikan ayahnya.

### BUKU NILAM

Judul: Anak Peladang dan Takar Wang

#### Rumusan

Buku ini mengisahkan Awang, anak seorang petani. Awang mula mengerjakan ladang bapanya apabila menyedari ada takar berisi wang yang tersimpan di situ. Walaupun takar itu tidak ditemui, dia mula sedar akan tanggungjawabnya. Dia mula ikhlas mengerjakan ladang itu dengan penuh berdisiplin setiap hari. Akhirnya, ibunya berlaku jujur dan menceritakan hal sebenar. Awang bersyukur dan terus berusaha lebih gigih.



### Aktiviti

Melengkapkan nilai dan pengajaran pada jadual.

Nilai

Pengajaran

**bertanggungjawab**

Awang memikirkan cara menjaga kebajikan keluarganya.

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

## Menawan Asia

Zara dan Dina membaca berita tentang kejayaan atlet negara. Mereka bercadang untuk membuat maklumat bergambar tentang kejayaan Mohamad Ridzuan Puzi, atlet paralimpik negara.

Mohamad Ridzuan Puzi merupakan atlet paralimpik negara

anak jati Perlis yang dilahirkan pada 27 September 1987

dikesan mengalami palsy serebrum ketika berusia setahun

memenangi pingat emas acara 100 meter dalam Sukan Paralimpik Rio de Janeiro pada tahun 2016



memenangi tiga pingat emas semasa Sukan Para Asia 2018 bagi acara 100 meter, 400 meter dan lompat jauh

memegang rekod dunia bagi acara 100 meter T36

menjadi contoh Orang Kurang Upaya (OKU) yang berlatih dengan penuh disiplin untuk berjaya

dipilih sebagai Atlet Para Lelaki Terbaik Asia 2018

### Aktiviti

Jawab soalan di bawah.

1. Siapakah Mohamad Ridzuan Puzi?
2. Dari negeri manakah beliau berasal?
3. Apakah kecacatan yang dihidapi beliau?
4. Mengapakah beliau terpilih sebagai Atlet Para Lelaki Terbaik Asia bagi tahun 2018?
5. Pada pendapat kamu, apakah usaha beliau hingga berjaya pada peringkat antarabangsa?



## Insan Berintegriti

Kawan  
jujurlah pada diri  
hadapi cabaran dengan berani  
**untuk menggapai kejayaan  
usahlah mengambil jalan mudah.**

### Maksud

Untuk mencapai kejayaan  
kita perlu bersedia  
melalui kesusahan.

Kawan  
ayuh kita bertekad  
usaha berganda menjadi dugaan  
**jika gagal itulah ujian  
untuk mencapai impian.**

### Maksud



\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Kawan  
ayuh teruskan usahamu  
**janganlah lagi membuang masa  
terapkan diri dengan disiplin  
jadilah insan berintegriti tinggi.**

### Maksud



\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_



### **Aktiviti**

Mendeklamasikan dan menjelaskan maksud sajak yang dicetak berwarna.

**Motivasi Pagi**

Zara dan rakan-rakannya bersarapan di sebuah restoran. Pemilik restoran memasang radio. Mereka mendengar motivasi pagi.

Salam sejahtera dan selamat pagi tuan-tuan dan puan-puan. Pada pagi ini, marilah kita bersama-sama mengambil semangat positif. Buangkan semua perkara negatif dalam diri kita. Kita perlu tetapkan bahawa kita      orang yang gagal. Kita      akan berada bersama-sama dengan orang yang gagal. Terapkan dalam minda kita bahawa semua orang di sekeliling kita ialah orang yang berjaya.

Tuan-tuan, kita perlu senyum kepada semua orang di sekeliling kita. Jika kita berwajah muram, pasti ada yang      suka. Senyum sepanjang hari      bermakna kita terlalu gembira. Sebenarnya, kita ingin membawa semangat positif kepada semua orang di sekeliling kita. Sebelum mengundur diri, saya menyeru para pendengar agar      bertindak dengan terburu-buru. Itu      lah cara terbaik. Fikirkan kesan tindak-tanduk kita. Bertimbang rasalah ketika membuat keputusan.



**Aktiviti**

Melengkapkan petikan dengan kata nafi yang sesuai.





## Ahlak Terpuji

Baca pernyataan dan nyatakan nilai. Kemudian, bina dialog di dalam jalur komik untuk menunjukkan nilai tersebut.

Pernyataan	Nilai (integriti)
<p>Zara telah terpilih sebagai Tokoh Murid di sekolahnya. Sikap Zara yang cemerlang dalam pelajaran menjadi sebab pemilihannya. <b>Zara sentiasa mengutamakan pengurusan masa. Dia sentiasa menepati masa kerana masa itu emas.</b></p>	berdisiplin
<p>Dalam bidang kokurikulum, Zara merupakan ketua pasukan hoki sekolahnya. Dia sentiasa mementingkan semangat berpasukan. Berkat kesungguhan bersama, mereka berjaya menjadi johan hoki peringkat daerah.</p>	_____

1

Aduhai, beratnya buku-buku ini! Kalaulah ada rakan yang membantu.

2

\_\_\_\_\_

3

Kawan-kawan, marilah \_\_\_\_\_.

4

\_\_\_\_\_



## Penilaian

a) Baca petikan di bawah dan jawab soalan yang berikutnya.

Izhan seorang pekerja yang rajin. Dia bekerja di sebuah kedai barangan pertanian. Setiap hari, dia akan datang awal untuk membuka kedai. Dia akan menyusun barang di dalam kedai dengan cermatnya. Keadaan kedai yang bersih dan selesa menjadikan kedai itu menarik banyak pelanggan. Keadaan tersebut menyebabkan majikan Izhan suka kepadanya.

Kedai itu telah berkembang menjadi syarikat yang besar. Jumlah kakitangan syarikat itu makin bertambah. Izhan telah dinaikkan pangkat menjadi pengurus besar. Tanggungjawabnya semakin bertambah.






Kini, syarikat itu telah mengeksport produk-produk tempatan ke luar negara. Kerjasama pada peringkat antarabangsa diwujudkan bagi mengimport pelbagai peralatan pertanian berteknologi tinggi untuk kegunaan petani tempatan. Antaranya, dron penyembur baja. Izhan amat bangga dengan syarikat itu.

1. Di manakah Izhan bekerja?
2. Mengapakah pelanggan suka datang ke kedai tempat Izhan bekerja?
3. Siapakah yang dapat memanfaatkan peralatan pertanian berteknologi tinggi?
4. Nyatakan pengajaran yang diperolehi daripada cerita ini.
5. Pada pendapat kamu, apakah kebaikan apabila produk tempatan dieksport ke luar negara?

b) Kenal pasti kata adjektif dalam teks dan tulis pada ruangan yang disediakan.

 _____	 _____	 _____	 _____
 _____	 _____	 _____	 _____

c) Gunakan kata majmuk dalam petikan untuk melengkapkan ayat.

1. Negara kita memerlukan  yang mahir dalam bidang pertanian.
2. Petani tempatan telah menjalinkan  dengan pelbagai pihak dalam pertanian.
3. Sikap prihatin  syarikat itu terhadap pekerjaanya wajar dipuji.
4. Banyak produk tempatan terkenal pada peringkat .
5. Setiap pekerja perlu melaksanakan  dengan baiknya.





## Program Wira Anti Rasuah

Sepasukan anggota Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah hadir ke sekolah Zara untuk menjalankan program Wira Anti Rasuah (WAR).

Program Wira Anti Rasuah (WAR) merupakan usaha awal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mendidik masyarakat tentang rasuah. Program WAR disasarkan kepada murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah.

Pihak SPRM akan hadir ke sekolah-sekolah terpilih bersama-sama dengan watak adiwira, Kapten MACC. Watak ini akan pergi ke sekolah-sekolah untuk menjalankan pelbagai aktiviti. Antaranya, ceramah, kuiz interaktif, soal jawab, melukis poster dan ikrar antirasuah.

Sekolah yang berminat boleh mengundang pihak SPRM untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti tersebut. Pihak SPRM juga berbesar hati menerima kunjungan pihak sekolah ke ibu pejabat SPRM.

### Tujuan Program WAR

Pendedahan awal tentang bahaya dan kesan rasuah terhadap diri dan komuniti

Membudayakan nilai antirasuah dan integriti

Menggalakkan murid membuat keputusan yang betul



Apakah maksud rasuah?  
Apakah jenis-jenis rasuah?



Jom Imbas



**KAPTEN  
MACC**